



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

# BAHAGIAN PEMAKANAN

LAPORAN TAHUNAN  
BAHAGIAN PEMAKANAN

**2022**

# SENARAI KANDUNGAN

3	Sidang Pengarang	
4	Sejarah & Latar Belakang Bahagian Pemakanan	
5	Fungsi, Visi, Misi dan Objektif Bahagian Pemakanan	
6	Carta Organisasi Bahagian Pemakanan	
7	<b>Cawangan Perancangan dan Dasar Pemakanan</b>	
8	Sektor Penyelarasan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan	
13	Sektor Dasar dan Pemakanan Global	
16	Sektor Pembangunan Profesion, Standard dan Kualiti	
22	<b>Cawangan Pemakanan Keluarga</b>	
23	Sektor Pemakanan Ibu	
31	Sektor Pemakanan Bayi dan Kanak- Kanak bawah 5 tahun	
61	Sektor Pemakanan Kanak-kanak dan Remaja	• • •
78	Sektor Pemakanan Dewasa dan Warga Emas	• • •
102	<b>Cawangan Pemakanan Komuniti dan Inter Agensi</b>	• • •
103	Sektor Pencegahan Obesiti dan Penyakit Tidak Berjangkit Berkaitan Pemakanan	• • •
111	Sektor Kolaborasi Industri	
121	Sektor Perkhidmatan dan Advokasi Pemakanan	
154	Sektor Pemakanan Institusi	

# SIDANG PENGARANG

Puan Zalma Abdul Razak  
Pengarah  
Bahagian Pemakanan  
Emel: [zalma@moh.gov.my](mailto:zalma@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924556

Puan Zaiton Daud  
Timbalan Pengarah  
Cawangan Pemakanan Keluarga  
Emel: [zaiton\\_daud@moh.gov.my](mailto:zaiton_daud@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924499

Puan Nor Azliana Mohamat Nor  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Sektor Pembangunan Profesion, Standard & Kualiti  
Emel: [norazliana@moh.gov.my](mailto:norazliana@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924518

Puan Noriza Zakaria  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Sektor Dasar & Pemakanan Global  
Emel: [norizaz@moh.gov.my](mailto:norizaz@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924753

Puan Fatimah Sulong  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Sektor Kolaborasi Industri  
Emel: [fatimahsulong@moh.gov.my](mailto:fatimahsulong@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924405

Puan Khairul Zarina Mohd Yusop  
Ketua Penolong Pengarah  
Sektor Penyelarasan Makanan & Pemakanan Kebangsaan  
Emel: [khairul\\_zarina@moh.gov.my](mailto:khairul_zarina@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924513

Puan Siti Adibah Ab Halim  
Ketua Penolong Pengarah  
Sektor Pemakanan Kanak-kanak & Remaja  
Emel: [sitiadibah\\_halim@moh.gov.my](mailto:sitiadibah_halim@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924519

Cik Teh Wai Siew  
Ketua Penolong Pengarah  
Sektor Survelan Pemakanan  
Emel: [twisiew@moh.gov.my](mailto:twisiew@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924455

Cik Rusidah Selamat  
Timbalan Pengarah  
Cawangan Perancangan & Dasar Pemakanan  
Emel: [rusidah.s@moh.gov.my](mailto:rusidah.s@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924404

Encik Nazli Suhardi Ibrahim  
Timbalan Pengarah  
Cawangan Pemakanan Komuniti & Inter Agensi  
Emel: [nazli\\_suhardi@moh.gov.my](mailto:nazli_suhardi@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924402

Puan Siti Shuhailah Shaikh Abd Rahim  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Sektor Perkhidmatan Pemakanan Komuniti/ Klinik  
Emel: [siti\\_shuhailah@moh.gov.my](mailto:siti_shuhailah@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924452

Puan Rashadiba Ibrahime Rahman  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Sektor Pemakanan Bayi & Kanak-kanak Kecil  
Emel: [rashadiba@moh.gov.my](mailto:rashadiba@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924453

Puan Junidah Raib  
Ketua Penolong Pengarah Kanan  
Sektor Pemakanan Ibu  
Emel: [junidah@moh.gov.my](mailto:junidah@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924451

Puan Fatimah Zurina Mohamad  
Ketua Penolong Pengarah  
Sektor Pencegahan Obesiti dan Penyakit Tidak Berjangkit Berkaitan Pemakanan  
Emel: [fatimah\\_zurina@moh.gov.my](mailto:fatimah_zurina@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924454


Puan Ainan Nasrina Ismail  
Ketua Penolong Pengarah  
Sektor Pemakanan Dewasa & Warga Emas  
Emel: [ainan\\_nasrina@moh.gov.my](mailto:ainan_nasrina@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924519

Puan Nur Liana Abdul Latiff  
Penolong Pengarah Kanan  
Sektor Pemakanan Institusi  
Emel: [nur\\_liana@moh.gov.my](mailto:nur_liana@moh.gov.my)  
No. tel: 03-88924458

# SEJARAH DAN LATAR BELAKANG BAHAGIAN PEMAKANAN



# FUNGSI BAHAGIAN PEMAKANAN



# VISI, MISI & OBJEKTIF BAHAGIAN PEMAKANAN



# CARTA ORGANISASI BAHAGIAN PEMAKANAN






# CAWANGAN

## PERANCANGAN DAN DASAR PEMAKANAN



# SEKTOR PENYELARASAN MAKANAN DAN PEMAKANAN KEBANGSAAN



## PENGENALAN

Bagi tahun 2022, Unit NPANM memberi fokus kepada pembentukan *State Specific Nutrition Action Plan* (SSNAP) oleh setiap negeri berdasarkan Semakan Separu Penggal Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (NPANM) III, 2016–2025. Aktiviti ini adalah untuk pelaksanaan separa penggal kedua iaitu bagi tempoh 2021–2025. Selain itu, Sistem Pemantauan Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (MS-NPANM) Secara dalam Talian adalah satu projek baharu yang telah dibangunkan untuk digunakan sepenuhnya pada tahun 2023. MS-NPANM merupakan satu sistem digital yang digunakan untuk memantau pelaksanaan NPANM III secara lebih berkesan dan efisien.

Manakala di bawah Unit *Food and Nutrition Security*, aktiviti yang difokuskan bagi tahun 2022 adalah pembentukan siri Panduan Diet Malaysia yang spesifik mengikut kumpulan sasaran. Bagi tujuan berkenaan, Kumpulan Kerja Teknikal Garis Panduan Pemakanan di bawah *National Coordinating Committee for Food and Nutrition* (NCCFN) telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pembentukan panduan diet berkenaan. Objektif utama pembentukan garis panduan diet spesifik ini adalah untuk dijadikan sebagai panduan utama yang akan digunakan oleh pelbagai pihak berkepentingan seperti profesional kesihatan, kementerian, agensi atau persatuan berkaitan kerajaan atau bukan kerajaan dalam memberi pendidikan pemakanan sihat (secara langsung atau tidak langsung) kepada masyarakat.

## PENCAPAIAN TAHUN 2022

### 1. Pembentukan *State Specific Nutrition Action Plan* (SSNAP), 2022–2025

*State Specific Nutrition Action Plan* (SSNAP), 2022–2025 merupakan dokumen pelan tindakan pemakanan negeri sebagai rujukan bagi perancangan program dan aktiviti di peringkat negeri yang selari dengan hala tuju Semakan Separu Penggal Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (SSP-NPANM III), 2021–2025 dan Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia (DPKM) 2.0.

SSNAP menggariskan strategi dan menetapkan prioriti dalam memerangi beban berganda malpemakanan di peringkat negeri masing-masing dengan memperkukuhkan pelaksanaan secara multi-sektoral. Mekanisme pemantauan dan penilaian SSNAP adalah secara tahunan dengan menggunakan platform/ struktur jawatankuasa sedia ada yang bersesuaian di setiap negeri atau ditubuhkan khas bagi tujuan pemantauan pelan ini. Dengan adanya perancangan dan pemantauan yang lebih terperinci dan tersusun ini dapat meningkatkan status pemakanan negeri agar sasaran indikator impak SSP-NPANM III dapat dicapai pada tahun 2025. Pembentangan SSNAP kepada Pengarah dan Timbalan Pengerah Bahagian Pemakanan akan diadakan mengikut zon secara atas talian pada awal tahun 2023 untuk memuktamadkan draf tersebut. Selain itu, setiap negeri akan diberikan peruntukan bagi penyediaan Final Artwork (FA) untuk tujuan penerbitan SSNAP negeri masing-masing yang dijangka akan diterbitkan pada tahun hadapan.

Draf pertama SSNAP bagi semua negeri telah dihasilkan menerusi beberapa siri bengkel pembentukan SSNAP yang telah diadakan pada bulan Jun hingga Ogos 2022 mengikut zon seperti berikut:

Sesi/Zon	Tarikh	Tempat	Negeri Terlibat
Zon Utara	14-16 Jun 2022	Langkawi Seaview Hotel, Kedah	Perlis, Kedah dan Pulau Pinang
Zon Timur	2-4 Ogos 2022	Tok Bali Report, Pasir Puteh, Kelantan	Pahang, Terengganu, Kelantan
Zon Sarawak	9-10 Ogos 2022	Hospital Umum Sarawak, Kuching Sarawak	Sarawak
Zon Selatan	9-11 Ogos 2022	Port Dickson, Negeri Sembilan	Johor, Melaka dan Negeri Sembilan
Zon Sabah	17-19 Ogos 2022	Hotel Palace, Kota Kinabalu, Sabah	Sabah
Zon Tengah	21-23 Ogos 2022	Espira Kinrara Resort and Hotel, Selangor	Perak, Selangor dan WP Kuala Lumpur & Putrajaya
Zon Labuan	24-26 Ogos 2022	Hotel Palace, Kota Kinabalu, Sabah	WP Labuan

**Imej 1:**  
**Siri Bengkel Pembentukan**  
**State Specific Nutrition**  
**Action Plan (SSNAP)**  
**Mengikut Zon yang telah**  
**diadakan pada bulan Jun**  
**hingga Ogos 2022**



## 2. Sistem Pemantauan Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (MS-NPANM) Secara dalam Talian



Pembangunan Sistem Pemantauan Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (MS-NPANM) telah digariskan dalam dokumen Semakan Separa Penggal NPANM III, 2016-2025 dan Pelan Strategik Pengigitalan KKM 2025 yang dipantau oleh pihak MAMPU.

Pembangunan sistem ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) KKM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KKM pada 17 Mei 2021. Sistem ini dibangunkan untuk menangani isu pemantauan secara manual sebelum ini dengan memantau pelaksanaan NPANM secara dalam talian di pelbagai peringkat pelaksanaan termasuklah di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah. Sebanyak 46 indikator status pemakanan dan lebih 200 indikator proses akan dipantau bagi menilai pelaksanaan aktiviti di bawah Semakan Separa Penggal NPANM III. Proses pembangunan sistem ini telah bermula pada Oktober 2021 dan selesai pada Oktober 2022. Sesi pengujian sistem dan ujian pilot juga telah dijalankan bagi memastikan penggunaan sistem ini lebih efektif dan berkesan.

Pelaksanaan MS-NPANM telah dimaklumkan kepada wakil kementerian dan agensi berkaitan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan untuk Makanan dan Pemakanan (NCCFN) Bilangan 2 Tahun 2022 pada 2 Disember 2022. Semua kementerian dan agensi perlu mengenal pasti dan melantik Focal Point dan Pegawai Pelulus masing-masing dengan melakukan pendaftaran melalui laman sesawang <http://npanm.moh.gov.my> Pelaporan melalui MS-NPANM akan dibuat sekali setahun bermula tahun 2023 sehingga 2025. Bagi tahun 2023, pelaporan adalah untuk pelaksanaan tahun 2021 dan 2022.

Seterusnya, satu sesi taklimat dan *hands-on* penggunaan sistem ini di peringkat intra dan inter-agensi dijadualkan akan diadakan pada bulan Februari 2023. Dijangka pelaporan pencapaian NPANM dapat dijana melalui sistem ini dan akan dibentangkan dalam mesyuarat NCCFN pada tahun 2023.

## 3. Semakan dan Pembentukan Siri Panduan Diet Malaysia (*Malaysian Dietary Guidelines*) untuk kumpulan spesifik

Penerbitan siri Panduan Diet Malaysia yang spesifik mengikut kumpulan sasaran adalah salah satu aktiviti yang tersenarai dalam National Plan of Action for Nutrition of Malaysia (NPANM), III, 2016-2025. Bermula tahun 2021 sehingga 2022, pembangunan empat panduan diet yang spesifik telah dibuat secara serentak. Berikut merupakan MDG yang sedang dibangunkan:

- i. **Malaysian Dietary Guidelines for Children and Adolescents (MDG C&A)**
- ii. **Maternal Dietary Guidelines for Malaysia (MDGM)**
- iii. **Malaysian Dietary Guidelines for Older Persons (MDGOP)**
- iv. **Malaysian Dietary Guidelines for Vegetarian (MDGV)**

Kesemua siri panduan ini ditulis sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris berdasarkan bukti saintifik, status pemakanan dan saranan pengambilan nutrien rakyat Malaysia (*Recommended Nutrient Intakes for Malaysia* (RNI), 2017). Penulis yang terlibat terdiri daripada pihak institusi pengajian tinggi awam dan swasta dan pegawai-pegawai dari Kementerian Kesihatan Malaysia dan Jabatan Kesihatan Negeri.

Sepanjang tahun 2022, beberapa aktiviti utama bagi setiap siri MDG telah dijalankan seperti berikut:

### **i. Malaysian Dietary Guidelines for Older Persons**




### **ii. Malaysian Dietary Guidelines for Children and Adolescents**



### iii. Malaysian Dietary Guidelines for Vegetarian



### iv. Maternal Dietary Guidelines for Malaysian



## KESIMPULAN

Pembentukan dan pelaksanaan SSNAP adalah penting bagi meningkatkan taraf pemakanan rakyat secara menyeluruh menerusi strategi dan aktiviti yang fokus kepada masalah pemakanan spesifik untuk setiap negeri. Pemantauan dan penilaian pelaksanaan NPANM III bagi separa penggal kedua pula diharapkan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan efisien melalui sistem pemantauan MS-NPANM secara dalam talian yang telah siap dibangunkan pada tahun ini.

Bagi pembentukan siri panduan diet, penglibatan semua individu secara langsung atau tidak langsung dalam pelbagai siri mesyuarat dan sesi FGD telah banyak membantu melancarkan proses berkenaan. Ia merupakan usaha bersama ke atas memastikan penyampaian mutu perkhidmatan kesihatan, terutamanya berkaitan pemakanan sihat yang lebih berkualiti, terkini dan selari dengan arah tuju kesihatan sejagat. Sebagai menghargai jasa semua dan advokasi awal kewujudan siri panduan ini, satu Majlis Pelancaran Siri Panduan Diet Malaysia yang akan dirasmikan oleh YB Menteri Kesihatan dirancang untuk diadakan pada Oktober 2023.


# SEKTOR DASAR DAN PEMAKANAN GLOBAL



## PENCAPAIAN TAHUN 2022

### 1. Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia 2.0 (DPKM 2.0)

Dalam usaha menangani masalah beban berganda malpemakanan dan mengekalkan kesejahteraan kesihatan melalui pemakanan, Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia 2.0 (DPKM 2.0) telah dibentuk. DPKM 2.0 merupakan rujukan utama bagi semua kementerian/ agensi dalam merancang dan menjalankan dasar serta aktiviti pemakanan di kementerian/ agensi masing-masing. Salah strategi yang digariskan dalam DPKM 2.0 adalah memasukkan objektif pertimbangan dan komponen pemakanan ke dalam pembangunan dasar, pelan tindakan dan program di peringkat kebangsaan. Oleh itu, komponen pemakanan telah diintegrasikan ke dalam dasar kementerian berikut:




- Dasar Sosial Negara (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)
- Dasar Pengguna Negara 2.0 (Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup)
- Dasar Kanak-kanak Negara (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat)

## 2. Penglibatan Bahagian Pemakanan di Peringkat Serantau

### a. ASEAN Health Cluster 1: Healthy Lifestyle

Health Priorities 7: Promotion of good nutrition and healthy diet dan ASEAN Strategic Framework and Action Plan for Nutrition 2018-2030 for Senior Officials Meeting on Health Development (SOMHD).



### b. Special Senior Officials Meeting of the ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry (SOM-AMAF), Senior Officials Meeting on Social Welfare and Development (SOMWD) and Senior Officials Meeting on Education (SOMED)



**c. Kerjasama bersama *United Nations Children's Fund (UNICEF)* UNICEF: COUNTRY PROGRAMME DOCUMENT (CPD 2021-2025): ROLLING WORK PLAN (RWP) 2021-2022**

Technical Report	Training	Others
<ul style="list-style-type: none"> <li>• the impact and effectiveness of Sugar-Sweetened Beverages (SSBs) taxation in Malaysia by end of 2022.</li> <li>• Publish Nutrition Landscape Analysis Vol. I report</li> <li>• Conduct Nutrition Landscape Analysis Vol. II</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Conduct "C4D Courses on Micronutrient Deficiency Prevention among Women of Reproductive Age (WRA)" for nutritionists.</li> <li>• Conduct a National Training on Nutrition in Emergencies (NiE)</li> <li>• Support developing and producing training materials for Training of Trainers (TOT) on the 4 in 1 Module: Child Growth Assessment and Infant Young Child Feeding Counselling Module.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• A poll to explore the perceptions on breast milk donation and the establishment of breast milk banking for premature babies in Malaysia</li> <li>• Support the implementation of Social and Behavioural Change (SBCC) for Healthy Eating among School Children</li> </ul>


**d. Cadangan Pembentukan *Hard Policy***

Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan pelbagai program dan aktiviti berkaitan pemakanan dalam memastikan status pemakanan rakyat Malaysia terjamin. Walau bagaimanapun, berdasarkan data prevalens terkini status pemakanan rakyat Malaysia didapati situasi pemakanan kita semakin membimbangkan. Malaysia menghadapi masalah beban berganda malpemakanan yang semakin meningkat dan masih tidak mencapai sasaran indikator peringkat antarabangsa seperti *Sustainable Development Goals (SDGs) 2015-2030* dan *Global Nutrition Targets (GNTs) 2025*. Ini kerana semua program dan aktiviti pemakanan yang dilaksanakan pada ketika ini kebanyakkan merupakan *soft policy* yang kurang memberi impak.

Oleh itu, cadangan mewujudkan *hard policy* bagi memastikan impak yang lebih menyeluruh dan berkesan sedang diperhalusi secara terperinci. Pembentukan *hard policy* ini akan mengurangkan beban penyakit tidak berjangkit dan meningkatkan status pemakanan rakyat. Beberapa mesyuarat dan libat urus telah diadakan ke arah usaha tersebut:



# SEKTOR PEMBANGUNAN PROFESSION, STANDARD DAN KUALITI



## PENCAPAIAN TAHUN 2022

### 1. Perjawatan PSP

**Imej 2** menunjukkan taburan 499 perjawatan PSP di seluruh Malaysia mengikut negeri bagi tahun 2022. Terdapat beberapa jawatan baharu diwujudkan disebabkan pewujudan klinik kesihatan baharu seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1**. Terdapat 17 orang PSP lantikan baharu, pemangkuan gred C44 (31 orang) dan 19 pertukaran penempatan tempat bertugas PSP seluruh Malaysia bagi tahun 2022.

**Imej 2:**  
**Taburan perjawatan PSP seluruh Malaysia, 2022**




**Jadual 1:**  
**Bilangan jawatan baharu diwujudkan berdasarkan Waran Perjawatan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi tahun 2022**


Bil.	Waran Perjawatan (Tarikh Surat)	Negeri	C41	C44	C48	Jumlah	Catatan
1.	Bilangan 145 Tahun 2021 (6 Jan 2022)	Johor	2	-	-	2	C41 - KK Tampoi (2)
2.	Bilangan 120 Tahun 2022 (15 Sept 2022)	Johor	2	1	-	3	C44 - KK Skudai Baru C41 - KK Skudai Baru (2)
3.	Bilangan 143 Tahun 2022 (11 Okt 2022)	Kelantan	1	-	-	1	C41 - KK Kok Lanas

## 2. Ringkasan Pencapaian KPI Pemakanan 2022


**KPI 1 : Peratus anemia (Hb<11gm%) di kalangan ibu hamil pada +36 minggu kehamilan**




**KPI 2 : Peratus hospital yang mengekalkan status Hospital Rakan Bayi**




**KPI 3 : Peratus bayi yang berumur enam bulan yang menyusu susu ibu secara eksklusif**



**KPI 4 : Peratus Kanak-kanak Kurang Berat Badan dalam PPKZM yang Meningkatkan Berat Badan berdasarkan Standard Pertumbuhan WHO 2006**




**KPI 5 : Peratus kanak-kanak bawah umur 5 tahun yang kurang berat badan (Berat-untuk-umur kurang daripada 2SD) yang hadir ke klinik kesihatan kerajaan.**





**KPI 6 : Peratus sekolah yang mematuhi senarai makanan dan minuman yang ditetapkan untuk dijual di kantin sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).**

**KPI 7 : Peratus PIBG yang mempunyai Jurulatih Utama (JU) C-HAT (Cara Hidup Anda Terbaik) melaksanakan aktiviti pemakanan dan kesihatan**



**KPI 9 : Peratus sekolah (KPM) dengan pengendali makanan/ pengusaha kantin yang dilatih dengan Katering Sihat**

**KPI 8 : Peratus Kanak-kanak bawah umur 5 tahun yang bantut (Panjang/ Tinggi-Umum kurang daripada 2SD) yang hadir ke klinik kesihatan kerajaan**



### 3. Latihan

#### a. Senarai PSP yang melanjutkan pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD)

Seramai 2 orang PSP yang ditawarkan untuk melanjutkan pengajian Doktor Falsafah melalui Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) dengan atau tanpa Hadiah Latihan Persekutuan bagi sesi 2022/2023 (**Jadual 2**) menjadikan jumlah keseluruhan PSP yang sedang melanjutkan pengajian seramai 15 orang (**Jadual 3**).

**Jadual 2:**  
**Senarai PSP yang melanjutkan pengajian bagi sesi 2022/2023**

Bil.	Nama PSP	Universiti (Sarjana/PhD)	Tarikh Cuti Belajar
1.	Cik Gui Shirley	Imperial College London (PhD)	30/6/2023 - 29/6/2026
2.	Puan Ooi Pek Geik	USM (PhD)	18/1/2023 - 17/1/2026

**Jadual 3:**  
**Senarai PSP yang akan tamat cuti belajar bagi tahun 2021-2026**

Bil	Nama PSP	Sajana / PhD	Tarikh tamat cuti belajar
<b>2021</b>			
1	Puan Azlinda Hamid	PhD	30 November 2021
2	Cik Norashikin Ramlan	Sarjana	22 Disember 2021
<b>2022</b>			
3	Puan Tan Yen Nee	Sarjana	11 April 2022
4	Cik NorShafawati Mohd Azimi	PhD	9 September 2022
5	Cik Nur Amalina Muhammad	Sarjana	3 Oktober 2022
6	Puan Premila Sugitha A/P Retnasingam	Sarjana	7 Oktober 2022
7	Muhammad Asyraf Bin Ismail	Sarjana	7 Oktober 2022
8	Puan Ashvini A/P Vasthavan	Sarjana	18 Oktober 2022
<b>2023</b>			
9	Puan Noreen Fazila Abdul Wahab	(Sarjana	10 April 2023
10	Puan Norhasniza Yaacob	PhD	4 Oktober 2023
11	Cik Norhayati Mustafa Khalid	PhD	4 Oktober 2023
12	Puan Ruhaya Salleh	PhD	29 Oktober 2023
<b>2024</b>			
13	Encik Tan Beng Chin	PhD	3 Oktober 2024
<b>2026</b>			
14	Cik Gui Shirley	PhD	29 Jun 2026
15	Puan Ooi Pek Geik	PhD	17 Januari 2026

## b. Webinar Sainifik Nutritionist KKM

Siri webinar ini menyediakan platform kepada semua PSP untuk berkongsi hasil-hasil kajian berkaitan pemakanan sama ada hasil penyelidikan di peringkat Master, PhD atau *best practice* di peringkat lapangan. Sehingga kini, sebanyak 5 siri webinar telah diadakan dengan jemputan penceramah yang terdiri daripada PSP dan juga pensyarah dari universiti tempatan.

Selain itu, siri webinar ini juga bertujuan untuk updates PSP berkaitan penemuan terkini berkaitan pemakanan. Pengetahuan terkini dalam bidang pemakanan amat diperlukan sebagai usaha meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan pemakanan agar selari dengan situasi dan keperluan semasa.

Objektif:

1. Berkongsi pengetahuan dan penemuan terkini dalam bidang berkaitan pemakanan dengan semua PSP, KKM.
2. Menjalin kerjasama dengan inter dan intra agensi dalam penganjuran Webinar Sainifik yang melibatkan penceramah luar.

Siri Webinar yang telah dijalankan:



Secara keseluruhan, semua peserta memberikan penilaian yang sangat memuaskan terhadap semua elemen penilaian. Webinar ini akan terus dilaksanakan pada tahun 2023.

## c. Kumpulan Kerja Teknikal Latihan Pemakanan

**Rajah 1** menunjukkan jumlah *enrollment* tiga modul yang dibangunkan oleh KKT Latihan dan sedia ada dalam sistem E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA), INTAN sejak tahun 2018 sehingga 2022.



**Rajah 1:**  
**Jumlah *enrollment* tiga modul sedia ada dalam sistem E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) diakses oleh penjawat awam sejak 2018 hingga 2022**



48,457



49,307



50,163

Kumpulan KerjaTeknikal Latihan Pemakanan sedang dalam fasa pembangunan 4 modul pembelajaran atas talian untuk dimuat naik dalam platform e-Pembelajaran SektorAwam (EPSA) dengan kerjasama pihak INTAN Bukit Kiara. Jadual di bawah menunjukkan status pembangunan bagi 4 modul EPSA tersebut.

Bil	Senarai aktiviti KKT	Status
1.	<p>Tiga modul E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) telah dibangunkan oleh Subject Matter Expert (SME) dan pasukan pembangun:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Panduan Diet Malaysia 2020</li> <li>• Panduan Pemantauan Peningkatan Berat Badan Wanita Hamil (GWG) di Klinik Kesihatan.</li> <li>• Pemakanan Sihat Wanita (HER).</li> </ul>	<p>Modul Panduan Diet Malaysia 2020 dan Panduan Pemantauan Peningkatan Berat Badan Wanita Hamil (GWG) di Klinik Kesihatan sedang dalam proses pentauliahn oleh pihak INTAN. Modul HER masih dalam peringkat User Acceptance Test (UAT).</p>
2.	<p>Modul E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) Pinggan Sihat Malaysia</p>	<p>Modul E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) Pinggan Sihat Malaysia telah ditambahbaik berdasarkan laporan User Acceptance Test (UAT) oleh pihak INTAN pada sesi penambahbaikan yang telah dijalankan pada 1-2 November 2022 oleh Bahagian Kompetensi, Kementerian Kesihatan Malaysia. Bahagian Pemakanan telah memohon pihak INTAN untuk menyelaraskan sesi UAT dan FAT dalam masa yang terdekat.</p>
3.	<p>Ahli Kumpulan Kerja Kecil Pembangunan Bahan Latihan dan Pendidikan Interaktif telah membangunkan bahan pendidikan interaktif bertajuk Suku Suku Separuh.</p>	<p>Bahan latihan tersebut sedang dalam pembangunan dan sesi User Acceptance Test (UAT) akan dijalankan pada bulan Mac 2023.</p>




# CAWANGAN

## PEMAKANAN KELUARGA



# SEKTOR PEMAKANAN IBU



## PENCAPAIAN TAHUN 2022


### 1. Program Pencegahan dan Kawalan Anemia Ibu Hamil

Peratus anemia ( $Hb < 11\text{gm/dL}$ ) dalam kalangan ibu hamil pada  $\pm 36$  minggu kehamilan telah dijadikan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian Kesihatan semenjak tahun 2011 bagi tujuan mengawal dan mengelakkan kejadian anemia dalam kalangan ibu hamil. KPI ini dipantau di peringkat klinik kesihatan, daerah, negeri sehingga ke peringkat kebangsaan. Sasaran KPI 2022 di peringkat kebangsaan ditetapkan adalah berdasar pencapaian tahun sebelumnya dan unjuran semakan semula separa penggal sasaran Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan (NPANM III 2016–2025).

Pada tahun 2022, sasaran KPI Anemia adalah  $\leq 6.0\%$  berbanding  $\leq 6.5\%$  pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, bagi negeri yang pencapaiannya kurang memuaskan iaitu lebih tinggi daripada sasaran kebangsaan, sasaran dibuat berdasarkan *moving target*. Penetapan sasaran ini dilakukan supaya pengurusan kes-kes anemia dapat dilakukan dengan komprehensif dan berkesan berdasarkan sasaran yang realistik. Jadual 1 menunjukkan sasaran dan pencapaian KPI mengikut negeri bagi tahun 2022.

Peratus ibu hamil anemia ( $Hb < 11\text{gm/dL}$ ) pada 36 minggu kehamilan yang mendapatkan perkhidmatan di klinik kesihatan kerajaan menunjukkan trend penurunan daripada 16.2% (2011) kepada 4.3% (2022) seperti di **Rajah 2**. Terdapat empat (4) negeri yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu Sabah, WP Labuan, WP Putrajaya dan Pulau Pinang. Kesemua negeri yang tidak mencapai sasaran KPI telah melaksanakan prosedur penyiasatan menggunakan Manual QA Anemia, KKM

**Rajah 2:**  
Peratus ibu hamil anemia ( $Hb < 11\text{gm/dL}$ ) pada 36 minggu kehamilan hadir ke klinik kesihatan kerajaan bagi tahun 2011 sehingga 2022



Sumber: Pusat Informatik Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (2022)

. . . . .  
. . . . .  
. . . . .  
. . . . .  
. . . . .  
. . . . .

**Jadual 4:**  
**Sasaran dan Pencapaian KPI Anemia Ibu Hamil bagi Tahun 2022 Mengikut Negeri\***


Bil	Negeri	Sasaran (%)	Pencapaian (%)
1	Kebangsaan	≤ 6.0	4.3
2	Perlis	< 12.5	12.4
3	Negeri Sembilan	< 9.3	7.8
4	Melaka	< 9.3	8.8
5	Sabah*	< 8.0	9.0
6	WP Labuan*	< 7.4	9.5
7	Perak	< 6.2	4.3
8	WP Putrajaya*	< 5.0	5.2
9	Sarawak	< 5.0	3.8
10	Kelantan	< 5.0	4.7
11	Pulau Pinang*	< 5.0	5.2
12	WP KL	< 5.0	2.3
13	Kedah	< 5.0	2.9
14	Selangor	< 5.0	2.8
15	Johor	< 5.0	3.3
16	Pahang	< 5.0	2.4
17	Terengganu	< 5.0	2.2

Kejayaan penurunan peratus anemia dalam kalangan ibu hamil yang hadir ke klinik kesihatan kerajaan ini adalah hasil kerjasama dan komitmen semua anggota kesihatan yang telah memberi perkhidmatan dan pengurusan terbaik agar ibu dapat melalui kehamilan yang sihat dan mengurangkan risiko anemia sepanjang kehamilan.

Walaupun bagaimanapun, Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) di peringkat populasi menunjukkan prevalen anemia dalam kalangan ibu hamil adalah tinggi berbanding pencapaian anemia di peringkat klinik kesihatan yang telah mencapai sasaran kurang daripada 5.0% pada tahun 2021 dan 2022. **Rajah 3** menunjukkan prevalen anemia dalam kalangan ibu hamil dalam NHMS 2016 NHMS 2022 serta prevalen anemia dalam kalangan wanita usia reproduktif (*Women Reproductive Age (WRA)*, 15-49 tahun) dalam NHMS 2019.

Walaupun prevalen anemia dalam kalangan ibu hamil menunjukkan trend penurunan, namun status anemia dalam kalangan ibu hamil dan WRA ini membimbangkan kerana situasi ini menunjukkan anemia merupakan masalah kesihatan awam yang signifikan di Malaysia iaitu berada pada kategori sederhana berdasarkan klasifikasi *World Health Organization (WHO)* seperti dalam **Jadual 5**.

**Rajah 2:**  
Prevalens anemia dalam kalangan ibu hamil dan Wanita umur reproduktif (WRA) berdasarkan NHMS



**Jadual 5:**  
Klasifikasi Prevalen Anemia World Health Organization (WHO) 2001

Prevalens anemia (%)	Klasifikasi Masalah Kesihatan Awam
≤4.9	Normal
5.0-19.9	Ringan
20.0-39.9	Sederhana
≥40	Teruk

Pelan strategik yang berkesan perlu dibangunkan sebagai langkah awal dalam mencegah dan mengawal masalah anemia dalam semua peringkat umur terutama kanak-kanak, remaja perempuan, WRA dan wanita hamil. Selain itu, Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Kabinet pada 20 April 2022 telah bersetuju dengan cadangan untuk melaksanakan fortifikasi tepung gandum dengan zat besi dan asid folik bagi pek 25 kg dan ke bawah secara mandatori sebagai usaha kerajaan bagi menangani masalah anemia di peringkat populasi.

## 2. Program Pengurusan Peningkatan Berat Badan Wanita Hamil (*Gestational Weight Gain, GWG*)

Seiring dengan perkembangan semasa, menerusi saranan WHO dan seterusnya kelulusan yang telah diberikan oleh Jawatankuasa Exco & Dasar Program Kesihatan Awam pada tahun 2017, pemantauan berat badan ibu hamil kini adalah berdasarkan kriteria yang dikeluarkan oleh *Institute of Medicine*, Amerika Syarikat atau lebih dikenali sebagai saranan peningkatan berat badan semasa hamil (GWG) IOM 2009.

Bertitik tolak daripada kelulusan ini, pihak Bahagian Pemakanan bersama-sama Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, KKM telah berusaha membentuk, menyelaraskan serta membincangkan berkenaan mekanisme pemantauan berat badan ibu hamil ini. Dengan menggunakan saranan peningkatan berat badan semasa hamil (GWG) IOM 2009 ini, terdapat dua perubahan yang berlaku iaitu :

1. Saranan peningkatan berat badan semasa hamil adalah bergantung kepada status BMI ibu sebelum hamil (sama ada kurang berat badan, berat badan normal, lebih berat badan atau obes).
2. Perubahan berat badan ibu sepanjang kehamilan akan dipantau secara lebih sistematik dengan penggunaan Jadual Pemantauan Peningkatan Berat Badan Ibu Antenatal (GWG) di dalam buku rekod kesihatan ibu.

Pemantauan berat badan ibu hamil GWG ini secara rasminya telah digunakan oleh semua klinik kesihatan bermula 1 Januari 2021. Maklumat berkaitan GWG ini telah dimasukkan ke dalam beberapa dokumen rasmi utama Kementerian Kesihatan Malaysia untuk kegunaan anggota kesihatan bagi tujuan memastikan kelancaran pelaksanaannya di peringkat lapangan. **Imej 3** menunjukkan dokumen yang disediakan oleh KKM berkaitan pemantauan berat badan ibu hamil GWG.

### Imej 3: Dokumen berkaitan GWG yang diterbitkan oleh KKM



Pemantauan peningkatan berat badan ibu hamil di klinik kesihatan adalah berdasarkan kepada jadual IOM 2009 yang memerlukan setiap ibu hamil ditimbang secara bulanan dan kadar peningkatan berat badan dikenal pasti. Peningkatan yang berlebihan atau kurang daripada saranan GWG perlu diberi perhatian yang sewajarnya bagi mengenal pasti punca. Kadar peningkatan kurang atau lebih daripada saranan akan memberi risiko kesihatan yang pelbagai kepada ibu hamil seperti kekurangan zat makanan, diabetes semasa hamil dan juga meningkatkan risiko bayi lahir kurang berat lahir, pramatang atau mengalami masalah makrosomia.

Sepanjang mendapatkan perkhidmatan antenatal di klinik kesihatan, anggota kesihatan dikehendaki mengambil berat badan ibu setiap kali lawatan dan mengisi **Imej 3**. Kadar peningkatan yang tidak mengikut saranan (berdasarkan **Jadual 6**) akan dirujuk kepada pegawai perubatan bagi tujuan pengurusan kes. Sekiranya terdapat isu berkaitan pemakanan, ibu akan diberi janji temu rundingcara pemakanan (RCP) bersama Pegawai Pemakanan yang menjaga klinik berkenaan. Sasaran Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan (NPANM) III, 2015-2025 (bagi penggunaan saranan IOM 2009 di semua klinik kesihatan ini ditetapkan pada 100% dan telah dicapai pada tahun 2022.

**Imej 3 :**  
**Jadual Berat Badan Semasa Hamil**  
**(Buku Rekod Kesihatan Ibu)**

13. PEMANTAUAN PENINGKATAN BERAT BADAN IBU ANTENATAL  
(GESTATIONAL WEIGHT GAIN (GWG))

Tinggi :    meter  
Berat ibu sebelum hamil :    kg

Note: Jika tiada maklumat berat ibu sebelum hamil, berat ibu semasa terhad kepada POG (12/32) boleh digunakan. Jika POG > 12/32, kategori BMI boleh didapati secara anggaran berdasarkan maklumat ini.

Nilai BMI sebelum hamil :    kg/m<sup>2</sup>  
Status BMI sebelum hamil : Kurang Berat Badan / Normal / Lebih Berat Badan / Obes (Bulatkan yang berkenaan)

**Jadual Berat Badan Sepanjang Kehamilan**

Bil (a)	Tarikh Lawatan (b)	Minggu Gestasi (c)	Berat Badan (kg) (d)	Peningkatan Berat Badan (kg) (e)	Kadar Peningkatan Berat Badan (kg) / minggu (f)
1					
2					
3					
4					
5					
6					
7					
8					
9					
10					
11					
12					
13					
14					
15					

Jumlah Peningkatan Berat Badan (kg) Sepanjang Kehamilan

**Jadual 6:**  
**Saranan Peningkatan Berat Badan Semasa Hamil (GWG)**

Kategori BMI Sebelum Hamil (kg/m <sup>2</sup> )	Jumlah peningkatan berat badan sepanjang trimester pertama (1 - 12 minggu kehamilan)	Purata & julat peningkatan berat badan disarankan bagi trimester kedua dan ketiga (13 - 40 minggu kehamilan)	Jumlah Peningkatan Berat Badan Sepanjang Kehamilan
Kurang Berat Badan (<18.5)	0.5 - 2.0 kg	0.5kg / minggu (0.44 - 0.58kg)	12.5 - 18.0kg
Normal (18.5 - 24.9)		0.4kg / minggu (0.35 - 0.50kg)	11.5 - 16.0kg
Lebih Berat Badan (25.0 - 29.9)		0.3kg / minggu (0.23 - 0.33kg)	7.0 - 11.5kg
Obes (≥30.0)		0.2 kg / minggu (0.17 - 0.27kg)	5.0 - 9.0kg

Sumber rujukan: Weight Gain During Pregnancy Re-Examining the Guidelines, Institute of Medicine (IOM), Amerika Syarikat, 2009

## Cabaran Pelaksanaan GWG

Operasi dan pengurusan kes oleh anggota kesihatan di peringkat lapangan.

Sebaran maklumat dan advokasi GWG kepada masyarakat umum yang masih belum menyeluruh.

Langkah penambahbaikan (aspek modal insan) bagi memastikan pelaksanaan GWG berjalan lancar

Kerjasama pintar dengan pihak Fakulti Perubatan dan Kesihatan Komuniti, Universiti Putra Malaysia dalam melakukan kajian rintis penggunaan aplikasi Ibu Sihat bagi membantu ibu hamil mendapatkan informasi berkaitan GWG

Kerjasama pintar dengan Kumpulan Kerja Teknikal (KKT) Latihan dan pihak INTAN bagi penyediaan modul latihan GWG di atas talian EPSA untuk kegunaan melatih anggota kesihatan.

Pelaksanaan GWG di klinik kesihatan menggunakan IOM 2009 adalah tepat pada masanya dan mampu membuka mata banyak pihak mengenai risiko peningkatan berat badan tidak mengikut saranan. Melalui kesedaran ini, diharapkan semua pihak yang terlibat akan lebih memberi tumpuan kepada penjagaan pemakanan, berat badan di samping mengurangkan lain-lain risiko penyakit tidak berjangkit sebelum dan semasa hamil dalam memastikan kesihatan ibu dan bayi yang dilahirkan berada pada tahap optima.

### 3. Program Fortifikasi Makanan Kebangsaan

Fortifikasi makanan merupakan salah satu strategi global untuk mengatasi kekurangan mikronutrien dalam populasi dengan menambahkan zat penting yang telah dikenal pasti ke dalam makanan ruji penduduk sesebuah negara. Proses ini bertujuan sama ada untuk meningkatkan kandungan nutrien tertentu atau membantu mengembalikan kandungan mikronutrien yang hilang semasa pemprosesan dalam bahan makanan. Di Malaysia, terdapat tiga jenis nutrien menjadi keutamaan untuk ditambahkan ke dalam makanan ruji iaitu iodin, zat besi, dan juga asid folik.

#### a. Program Pengiodinan Garam Secara Universal di Malaysia (USI)


Zat Iodin telah ditambah ke dalam garam kegunaan isi rumah sebagai intervensi utama untuk mencegah gangguan kekurangan iodin di peringkat populasi. Pelaksanaan Program Pengiodinan Garam Secara Universal di Malaysia (USI) ini telah dilaksanakan secara berperingkat dalam 3 fasa seperti berikut:

**2000** : Pelaksanaan Seluruh Sabah

**2008** : Pelaksanaan Seluruh Sarawak

**2021** : Pelaksanaan Seluruh Semenanjung Malaysia dan WP Labuan

Pelaksanaan USI ini melibatkan kepada pindaan sub peraturan 285 Garam di bawah Peraturan Makanan 1985, Akta Makanan 1983. Pindaan ini membolehkan penguatkuasaan dijalankan dan tindakan mahkamah sehingga RM10,000 denda atau 2 tahun penjara boleh diambil sekiranya garam dalam pek 20kg dan ke bawah dijual dengan kandungan iodin luar daripada julat 20 hingga 40mg/kg. Implementasi USI di Malaysia adalah melibatkan pelbagai pihak berkepentingan berpaksikan kepada 5 strategi utama berikut bagi memastikan kelancaran pelaksanaannya:



Penyediaan dan penyebaran maklumat secara meluas merupakan aspek kritikal dalam pelaksanaan USI. Ini kerana sasaran terakhir penggunaan garam beriodin yang merupakan orang awam akan dipantau status kesihatan mereka melalui indikator median iodin dalam urin yang diambil dalam kalangan murid sekolah (8-9 tahun) dan juga ibu hamil setiap 5 tahun. Sehubungan itu, dua panduan telah diwujudkan bagi membantu anggota kesihatan dalam pelaksanaan USI di lapangan seperti berikut:



Garis Panduan Pelaksanaan Program Pengiodinan Garam Secara Universal di Malaysia (Universal Salt Iodization, USI)




Modul Latihan Pelaksanaan Program Pengiodinan Garam Secara Universal di Malaysia (Universal Salt Iodization, USI)


Tinjauan Gangguan Akibat Kekurangan Iodin (IDD) Kebangsaan 2008 menunjukkan 48.2% kanak-kanak sekolah rendah berumur 8-10 tahun mengalami masalah kekurangan iodin. Selain daripada itu, 2.1% kanak-kanak mengalami goiter. Hasil daripada kajian ini juga menunjukkan prevalens IDD (bagi median kepekatan iodin dalam urin <math>< 100\mu\text{g/L}</math>) melebihi 50% di enam buah negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Sementara itu, pemantauan terhadap wanita hamil pada tahun 2017 dan murid sekolah pada tahun 2018 menunjukkan paras median iodin dalam urin sebanyak 88 $\mu\text{g/L}$  dan 91.8 $\mu\text{g/L}$  masing-masing. Paras ini adalah masih tidak mencukupi berbanding paras optimum iaitu 150  $\mu\text{g/L}$  - 249  $\mu\text{g/L}$  bagi wanita hamil dan 100 $\mu\text{g/L}$  -199  $\mu\text{g/L}$  bagi murid sekolah.


**Peratus Prevalen IDD Dalam Kalangan Kanak-kanak Sekolah 8-10 Tahun (Tinjauan Gangguan Akibat Kekurangan Iodin (IDD) Kebangsaan 2008 & 2018)**



**Median Kepekatan Iodin Dalam Urin (UIC) Kanak-kanak Sekolah 8-10 Tahun (Tinjauan Gangguan Akibat Kekurangan Iodin (IDD) Kebangsaan 2008 & 2018)**





**Median UIC Wanita Hamil Yang Datang Ke Klinik Kesihatan Kerajaan (2017)**



**Peratus Prevalen IDD Dalam Kalangan Wanita Hamil Yang Datang Ke Klinik Kesihatan Kerajaan (2017)**




Cut Off IDD dalam kalangan Wanita Hamil: Median UIC <150µg/L



**Langkah Penambakan bagi menangani cabaran pelaksanaan Program USI :  
Mewujudkan Jawatankuasa Teknikal Program Fortifikasi Makanan Kebangsaan yang berfungsi:**

<b>Menyelaras komunikasi antara pelbagai pihak yang terlibat dalam program Fortifikasi Makanan (USI) seperti pihak pengilang, penguatkuasa, makmal dan lain-lain anggota kesihatan yang berkaitan.</b>	<b>Merangka, memberi cadangan syor secara konsensus atau membuat keputusan bagi isu-isu yang berbangkit.</b>	<b>Merangka latihan dan advokasi secara bersepadu antara pemegang taruh yang berkaitan.</b>
--	--	---

# SEKTOR PEMAKANAN BAYI DAN KANAK-KANAK BAWAH 5 TAHUN




## PENCAPAIAN TAHUN 2022

### 1. Penyusuan Susu Ibu Secara Eksklusif 6 Bulan

Tren pencapaian peratus bayi yang menyusu susu ibu secara eksklusif bermula daripada bayi lahir sehingga berumur enam (6) bulan di Malaysia semakin meningkat setiap tahun bermula tahun 2009 hingga kini seperti pada **Rajah 4**.

Pada tahun 2022, sebanyak 73.1% bayi yang menyusu susu ibu secara eksklusif. Pencapaian ini telah memenuhi sasaran Key Performance Indicator, KPI 2021 dan Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia, NPANM III 2016 - 2025 iaitu  $\geq 70\%$  bayi yang menyusu susu ibu secara eksklusif enam (6) bulan. Peningkatan pencapaian ini memberi gambaran bahawa advokasi dan inisiatif yang dijalankan seperti pendidikan penyusuan kepada ibu hamil adalah berkesan sekaligus membantu ibu untuk menyusukan anak dengan berjaya.

**Rajah 4:**  
Peratus Bayi Yang Menyusu Susu Ibu Secara Eksklusif sehingga berumur 6 bulan dari tahun 2009 hingga 2022 di Malaysia




Sumber: Laporan Amalan Penyusuan Susu Ibu Di Kalangan Bayi Berumur 6 Bulan (PSI201B), Jabatan Kesihatan Negeri, 2022

Seterusnya **Rajah 5** menunjukkan tren pencapaian mengikut negeri bagi tiga tahun berturut-berturut iaitu tahun 2020, 2021 dan 2022. Berdasarkan rajah tersebut, hampir di semua negeri telah mencapai sasaran NPANM II dan KPI 2022 kecuali bagi enam (6) buah negeri iaitu negeri Perlis, Pulau Pinang, Perak, Melaka, WP Labuan dan Sarawak.

Secara keseluruhan tren pencapaian peratusan penyusuan susu ibu bagi tiga (3) tahun terkini yang mana kebanyakan negeri mengalami kenaikan peratusan yang agak perlahan dan terdapat penurunan pada sesetengah negeri seperti Perak dan Melaka. Situasi ini amat ketara di negeri Melaka yang mana terdapat penurunan peratusan bayi yang menyusu susu ibu secara eksklusif yang ketara sejak tahun 2020 (43.1%) hingga 2022 (37.6%) iaitu sebanyak 5.5%.



**Rajah 5:**  
**Tren pencapaian Peratus Bayi Yang Menyusu Susu Ibu Secara Eksklusif sehingga berumur 6 bulan mengikut negeri bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 dari tahun 2009 hingga 2022 di Malaysia**



**Faktor yang mempengaruhi dan menjadi cabaran serta halangan dalam mengekalkan peratusan ibu yang menyusu secara eksklusif**



## Cadangan Penambahbaikan bagi mensasarkan peningkatan pencapaian peratusan penyusuan susu ibu



## 2. Inisiatif Hospital Rakan Bayi

Inisiatif Hospital Rakan Bayi (*Baby Friendly Hospital Initiative* – BFHI) adalah inisiatif global oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan UNICEF yang bertujuan memberi setiap bayi pemulaan yang terbaik dalam kehidupan dengan mewujudkan persekitaran penjagaan kesihatan yang menyokong penyusuan susu ibu. Inisiatif ini dilancarkan di Malaysia pada tahun 1992 dan pada tahun 1998, Malaysia telah diiktiraf oleh WHO sebagai negara ketiga di dunia dengan 100% hospital kerajaan diiktiraf sebagai Hospital Rakan Bayi. Untuk diiktiraf sebagai Hospital Rakan Bayi, hospital hendaklah melaksanakan 10 kriteria global dan 3 perkara yang telah ditetapkan oleh WHO dan UNICEF.

Rentetan dari situasi pandemik COVID-19 pada tahun 2020–2021, kerajaan telah mengeluarkan arahan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKP) di seluruh negara dan pengamalan standard prosedur operasi (SOP) yang membawa kepada etika norma baharu dalam semua sektor serta urusan harian. Tindakan ini bertujuan mengekang penularan pandemik ini.

Perkara ini turut memberi impak dalam pelaksanaan BFHI di hospital yang mana beberapa modifikasi pada prosedur pelaksanaan sedia ada perlu dilakukan bagi disesuaikan dengan SOP pengawalan dan pencegahan COVID-19 semasa yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Sehingga kini, pelaksanaan inisiatif ini adalah berdasarkan Garis Panduan Pelaksanaan Hospital Rakan Bayi Semasa Pendemik COVID-19 (Annex 39).

### Pelaksanaan penilaian semula pengiktirafan Hospital Rakan Bayi

Pelaksanaan penilaian semula pengiktirafan Hospital Rakan Bayi 2022		
Fasa	I : Pengukuhan	II : Penilaian Semula
Tempoh Pelaksanaan	Januari – Jun	Julai – Dis
Butiran aktiviti	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pihak hospital perlu menjalankan aktiviti pengukuhan seperti latihan kepada anggota, menambahbaik persekitaran</li><li>• Hospital (polisi, bahan pendidikan) dan lain-lain yang berkaitan dan bersedia ke arah penilaian semula pengiktirafan.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penilaian semula pengiktirafan Hospital Rakan Bayi dijalankan kepada 53</li><li>• Hospital yang tersenarai untuk dinilai pada tahun 2022.</li><li>• Melibatkan hospital yang tamat tempoh pada tahun.</li><li>• 2020 dan mempunyai kelahiran rendah iaitu kurang daripada 4500 kelahiran per tahun</li><li>• Hospital yang tamat tempoh pada tahun 2021 dan 2022 akan dinilai pada tahun berikutnya.</li></ul>

### Modus operandi penilaian semula pengiktirafan Hospital Rakan Bayi

Pelaksanaan penilaian semula pengiktirafan Hospital Rakan Bayi hanya dijalankan pada hospital berstatus <b>Bukan COVID &amp; Hibrid</b> sahaja	Hospital berstatus <b>Fully COVID</b> , penilaiannya <b>ditangguhkan</b> sehingga pemakluman semula dibuat	Penetapan pemilihan status hospital yang dinilai semula ini adalah mengambil kira <b>fungsi terkini operasi hospital dan prosedur operasi standard semasa pandemik.</b>
--	--	---

### Kaedah penilaian Hospital Rakan Bayi bagi situasi tiada sampel ibu postnatal semasa penilaian

Berikutan terdapat isu berkaitan sampel ibu postnatal semasa penilaian di hospital yang mempunyai kelahiran rendah iaitu kurang daripada 4500 setahun, Jawatankuasa Pengiktirafan Hospital Rakan Bayi Kebangsaan telah bersetuju pilihan kaedah berikut boleh dipertimbangkan untuk mendapatkan sampel ibu postnatal sekiranya tiada sampel semasa penilaian dijalankan di hospital yang dinilai. Pilihan tersebut adalah:

#### Lawatan ke rumah ibu postnatal

Temubual bersama ibu postnatal yang bersalin di hospital yang dinilai

Penilai perlu hadir bersama-sama Jururawat Kesihatan bertugas mengikut jadual lawatan ke rumah ibu postnatal yang telah dijadualkan.

#### Sesi temujanji ibu atau anak di klinik kesihatan


Temubual bersama ibu postnatal yang telah melahirkan anak di hospital yang dinilai dalam tempoh enam (6) minggu atau lebih dekat dengan tarikh penilaian

Temubual boleh dijalankan di klinik kesihatan semasa ibu hadir untuk temujanji postnatal satu (1) bulan di klinik ATAU

Semasa ibu datang ke klinik kesihatan bagi pengambilan/pemeriksaan jaundis anak

- Penilai perlu menjalankan temubual secara bersemuka dan secara retrospektif.
- Pihak hospital yang dinilai perlu berhubung dengan penyelaras klinik kesihatan/klinik desa sebelum penilaian dijalankan bagi mendapat keizinan serta membuat temujanji dengan ibu.

## Rumusan Status Pencapaian Penilaian Semula Hospital Rakan Bayi Bagi Tahun 2022



## Cabaran dan Halangan Pelaksanaan Inisiatif Hospital Rakan Bayi ke Arah Endemik COVID-19

Pertukaran status operasi hospital	Status operasi hospital menghadkan pelaksanaan program BFHI sepenuhnya di hospital	Kekangan dalam melaksanakan penilaian Hospital Rakan Bayi
<ul style="list-style-type: none"> <li>Hospital 'fully covid' akan beroperasi sepenuhnya mengendalikan kes COVID-19</li> <li>hospital berstatus 'hybrid', hospital masih menjalankan perkhidmatan pesakit biasa dan pesakit COVID-19.</li> <li>Memberi impak kepada anggota bertugas yang mana kebanyakan mereka turut mengendalikan kes COVID-19 secara giliran.</li> <li>Situasi ini menyebabkan kebanyakan anggota perlu menghadiri latihan atau "refresher course" bagi membantu mereka kembali mahir dalam mengendalikan pengurusan penyusuan susu ibu.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>bagi hospital berstatus 'fully covid', tiada pelawat atau bukan pesakit dibenarkan untuk menemani pesakit.</li> <li>Jika ibu adalah pesakit COVID-19, polisi penjagaan mesra ibu tidak dapat dilaksanakan.</li> <li>Situasi ini, memerlukan pihak hospital mengambil pelbagai penambahbaikan bagi kembali melaksanakan polisi ini.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Para penilai telah lama tidak menjalankan penilaian</li> <li>Perlu diberi taklimat semula berkaitan garis panduan pelaksanaan Hospital Rakan Bayi semasa pandemik dan standard operasi prosedur berkaitan.</li> </ul>

### CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Mewujudkan kaedah penilaian Hospital Rakan Bayi semasa pandemik bagi memastikan kualiti perkhidmatan inisiatif ini berterusan walau dalam apa pun keadaan.

Jalinan usahasama atau sesi perkongsian dengan negara luar yang berpengalaman melaksanakan program BFHI dalam situasi pandemik/ bencana

## 3. Pelaksanaan Klinik Rakan Bayi

Pelaksanaan Klinik Rakan Bayi (KRB) adalah salah satu usaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mempromosi, melindungi dan menyokong penyusuan susu ibu di kemudahan kesihatan yang memberikan perkhidmatan kesihatan kepada ibu dan anak (Klinik Kesihatan, Klinik Kesihatan Ibu dan Anak dan Klinik Desa) di seluruh negara. Klinik Rakan Bayi bertujuan menyediakan perkhidmatan dan persekitaran yang mempromosi dan menyokong amalan penyusuan susu ibu. Ia juga merupakan kesinambungan kempen PSI di hospital iaitu Pelaksanaan Inisiatif Hospital Rakan Bayi. KRB perlu melaksanakan Sembilan Langkah Ke Arah Penyusuan Susu Ibu Yang Berjaya Di Peringkat Klinik yang telah diubah suai daripada *The Seven Point Plan for Sustaining Breastfeeding in Community*, UNICEF UK *Baby Friendly Initiative (Revised, September 2008)*.

**Aktiviti utama dalam pelaksanaan Klinik Rakan Bayi**




**Konsep Pelaksanaan Klinik Rakan Bayi :Sembilan Langkah Ke Arah Penyusuan Susu Ibu Yang Berjaya Di Peringkat Klinik**



Analisa menunjukkan Perlis, Negeri Sembilan, Sarawak, Pulau Pinang, WP Kuala Lumpur & Putrajaya, Kedah dan WP Labuan mencapai sasaran lebih dari 50% sebagaimana sasaran yang telah ditetapkan melalui Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan, NPANM (2016 - 2025). Manakala negeri Pahang, Sabah, Selangor, Johor, Terengganu, Kelantan, Melaka dan Perak masih tidak mencapai 50% seperti mana sasaran. Rumusan pencapaian pengiktirafan Klinik Rakan Bayi bagi tahun 2022 adalah seperti dalam di **Rajah 6**.

**Rajah 6:**  
**Peratus Klinik yang diiktiraf sebagai KRB mengikut negeri tahun 2022**



Laporan dari Jabatan Kesihatan Negeri di seluruh Malaysia menunjukkan bahawa pada tahun 2022 sebanyak 480 (47.7%) dari jumlah 1006 Klinik Kesihatan / Klinik Kesihatan Ibu dan Anak telah diiktirafkan, manakala 526 (52.3%) Klinik belum diiktirafkan sebagai Klinik Rakan Bayi. **Jadual 7** menunjukkan data keseluruhan pengiktirafan KRB mengikut negeri sehingga tahun 2022.

**Jadual 7:**  
**Data pengiktirafan KRB mengikut negeri sehingga tahun 2022**


Negeri	Jumlah Klinik Kesihatan	Bilangan (%) klinik yang telah diiktiraf KRB
Perlis	12	7 (58.3%)
Kedah	69	68 (98.6%)
Pulau Pinang	37	28 (75.7%)
Perak	97	12 (16.5%)
WP Kuala Lumpur & Putrajaya	27	21 (77.8%)
Selangor	81	32 (39.5%)
Negeri Sembilan	50	37 (74.0%)
Melaka	32	7 (21.9%)
Johor	98	38 (38.8%)
Pahang	87	35 (40.2%)
Terengganu	52	17 (32.7%)
Kelantan	105	27 (25.7%)
Sarawak	104	78 (75.0%)
Sabah	143	57 (39.9%)
WP Labuan	12	12 (100.0%)
<b>JUMLAH</b>	<b>1006</b>	<b>480 (47.7%)</b>

#### 4. Amalan Makanan Pelengkap

Makanan pelengkap adalah makanan tambahan yang diberikan kepada bayi selain daripada susu ibu. Pada umur 6 bulan atau 180 hari pemberian susu ibu sahaja tidak mencukupi untuk tumbesaran. Ia perlu dilengkapkan dengan pemberian makanan pepejal dan penyusuan susu ibu hendaklah diteruskan sehinggalah bayi berusia dua tahun. Pemberian makanan tambahan seharusnya tepat pada masa, kepelbagaian dari jenis makanan dengan jumlah yang mencukupi, selamat dan sesuai untuk dimakan. Ini penting bagi memastikan mereka mendapat kesemua nutrien yang diperlukan untuk membesar dengan sihat.


Pada tahun 2022, pencapaian peratus amalan pemberian makanan pelengkap tepat pada masanya bagi bayi berumur enam (6) bulan adalah sebanyak 99.0% terdapat peningkatan 0.1% berbanding tahun 2021 (**Rajah 7**).

**Rajah 7 :**  
Tren Pencapaian  
Kebangsaan Tahun  
2019 hingga 2022  
bagi Amalan  
Pemberian Makanan  
Pelengkap Tepat  
pada Masanya dalam  
Kalangan Bayi  
Berumur Enam (6)  
Bulan




Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

**Rajah 8:**  
Amalan Pemberian Makanan Pelengkap Tepat Pada Masanya Dalam Kalangan Bayi Berumur Enam (6) Bulan 2022



Sumber: Laporan Amalan Pelengkap, Jabatan Kesihatan Negeri, 2022

**Rajah 9:**  
**Tren Pencapaian Tahun 2019 hingga 2022 Setiap Negeri bagi Amalan Pemberian Makanan Pelengkap Tepat pada Masanya dalam Kalangan Bayi Berumur Enam (6) Bulan**



Sumber: Laporan Amalan Pelengkap, Jabatan Kesihatan Negeri, 2016-2022

Pemberian makanan pelengkap perlu diberikan mulai bayi berumur enam bulan atau 180 hari, ini kerana penyusuan susu ibu tidak lagi dapat memenuhi keperluan tenaga dan nutrien. Makanan pelengkap mestilah berkhasiat dan dalam kuantiti yang mencukupi bagi mencapai pertumbuhan dan tumbesaran yang optimum. Corak pertumbuhan bayi dan kanak-kanak dapat dinilai melalui carta pertumbuhan mereka. Oleh itu, ibubapa dan penjaga perlu mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan pemberian pemakanan sihat kepada anak-anak. Di samping itu, ibu bapa atau penjaga perlu membawa anak-anak ke klinik kesihatan bagi memantau taraf kesihatan dan perkembangan tumbesaran anak-anak. Pelbagai aktiviti dijalankan di klinik bagi memberikan pendedahan kepada ibu bapa dan penjaga berkaitan kepentingan makanan pelengkap iaitu runding cara pemakanan, demonstrasi masakan makanan pelengkap, ceramah dan aktiviti hands-on yang lain. Antara penambahbaikan yang perlu dilakukan bagi memastikan penyampaian pendidikan secara maksima kepada ibu bapa atau penjaga berkaitan pemakanan bayi dan kanak-kanak adalah:

## 5. Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan

Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) telah dilancarkan pada tahun 1989 sebagai usaha kerajaan untuk meningkatkan status pemakanan kanak-kanak berumur enam bulan hingga enam tahun daripada keluarga miskin tegar. Program ini diperluaskan bermula pada tahun 2010 kepada kanak-kanak KZM keluarga miskin dan mudah miskin mengikut Paras Garis Kemiskinan (PGK) semasa.

Kemajuan status pemakanan kanak-kanak ini dinilai melalui ukuran berat dan panjang/ tinggi yang diambil setiap bulan serta lawatan ke rumah yang dijalankan oleh anggota kesihatan. Aktiviti pendidikan kesihatan seperti penjagaan kesihatan, pemakanan dan kebersihan diri serta persekitaran turut ditunjuk ajar. Selain itu, keluarga kanak-kanak yang mendapat bantuan makanan juga dirujuk kepada agensi-agensi yang berkaitan untuk mendapatkan bantuan dan khidmat sokongan yang berada di luar bidang kuasa Kementerian Kesihatan. Pada tahun 2022, PPKZM telah diperluaskan kepada kanak-kanak dengan kriteria masalah kurang zat makanan selain daripada kurang berat badan iaitu kanak-kanak dengan masalah susut, bantut, berisiko serta mengalami masalah anemia. Maklumat penerima bantuan bakul makanan pecahan bilangan kes baharu berdasarkan masalah pemakanan mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 8**.

Pada tahun ini, kes baharu mencatatkan peningkatan 117% di mana seramai 5,372 kanak-kanak didaftarkan berbanding 2,472 kes yang didaftarkan pada tahun 2021. Secara keseluruhan, Negeri Perak mencatatkan jumlah penerima bantuan baharu yang tertinggi iaitu 905 kes diikuti oleh Negeri Sarawak (881 kes) dan Negeri Pahang (846 kes). Maklumat penerima bantuan dengan peratus pulih mengikut negeri adalah seperti di **Jadual 9**.

Selain itu, pemantauan pencapaian juga dilakukan melalui pengukuran Key Performance Indicator (KPI) bagi Peratus Kanak-kanak Kurang Berat Badan dalam Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan yang Meningkatkan Berat Badan Berdasarkan Standard Pertumbuhan WHO 2006 pencapaian pada tahun 2022 adalah 73.2% melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 70.0%. Rajah 10 menunjukkan tren peratusan ini semakin meningkat bermula pada tahun 2011 (22.2%) sehinggalah ke tahun 2022 (73.2%).

**Jadual 8 :**  
**Maklumat Penerima Bantuan Bakul Makanan Mengikut Negeri Tahun 2022**

<b>Negeri</b>	<b>Bilangan Penerima Semasa</b>	<b>Bilangan Kes Berhenti</b>	<b>Bilangan Kes Pulih</b>	<b>Penilaian Pulih Dalam Program (%)</b>
Perlis	38	15	6	20.0
Kedah	380	170	54	20.4
Pulau Pinang	80	41	11	22.0
Perak	1,113	240	116	15.3
W.P K. Lumpur	78	40	24	35.3
W.P Putrajaya	21	8	0	0.0
Selangor	108	182	97	42.7
Negeri Sembilan	51	54	18	39.1
Melaka	41	5	0	0.0
Johor	396	142	38	18.4
Pahang	1,139	364	130	17.2
Terengganu	183	116	74	69.8
Kelantan	1,086	327	132	16.5
W.P Labuan	37	23	5	14.7
Sabah	960	393	172	26.3
Sarawak	1,098	378	162	26.1
<b>MALAYSIA</b>	<b>7,064</b>	<b>2,498</b>	<b>1,039</b>	<b>22.0</b>

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri, 2022

**Jadual 9 :**  
**Pecahan Kes Baharu Negeri Mengikut Masalah Pemakanan Mengikut Negeri Tahun 2022**


Negeri	Kurang Berat Badan	Susut	Bantut	Anemia	Berisiko	Tanda Klinikal: Marasmus/ Kwashiorkor/ Marasmic Kwashiorkor	Masalah Kongenital	Jumlah
Perlis	22	7	3	0	0	0	5	37
Kedah	191	15	23	0	1	0	20	250
Pulau Pinang	18	12	10	0	0	0	11	51
Perak	437	86	252	14	93	0	23	905
WP Kuala Lumpur	59	6	6	0	0	0	3	74
WP Putrajaya	15	3	5	0	0	0	0	23
Selangor	151	5	67	0	8	0	13	244
Negeri Sembilan	91	7	37	0	3	0	6	144
Melaka	23	0	10	0	0	0	8	41
Johor	180	10	70	1	0	0	26	287
Pahang	731	34	41	2	7	2	32	846
Terengganu	136	26	13	0	0	0	5	180
Kelantan	337	19	289	16	5	0	26	691
WP Labuan	14	2	6	0	0	0	2	24
Sabah	581	13	40	6	22	1	31	694
Sarawak	627	81	143	1	1	0	28	881
<b>MALAYSIA</b>	<b>3,613</b>	<b>326</b>	<b>1,015</b>	<b>40</b>	<b>140</b>	<b>3</b>	<b>239</b>	<b>5,372</b>

*Sumber : Jabatan Kesihatan Negeri, 2022*

Terdapat peningkatan ketara dalam bilangan kes yang didaftarkan pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya. Dua faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah perluasan kriteria kemasukan dan aktiviti pengesanan kes yang lebih komprehensif.

Di bawah perluasan kriteria kemasukan, selain daripada kurang berat badan, kanak-kanak dengan masalah susut, bantut, berisiko serta mengalami masalah anemia telah didaftarkan ke dalam program ini. Ini juga merupakan salah satu pendekatan yang dijalankan bagi mengelakkan kelewatan pendaftaran kes seterusnya kelewatan dalam menjalankan intervensi. Namun begitu, dengan kemasukan kes yang lebih banyak dan pelbagai, lebih ramai tenaga kerja dan lebih tumpuan diperlukan agar intervensi yang dirancang dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

**Rajah 10:**  
**Trend Peratus Kanak-kanak Kurang Berat Badan dalam Program Pemulihan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan yang Meningkatkan Berat Badan Berdasarkan Standard Pertumbuhan WHO 2006, 2011-2022**



Sumber : Jabatan Kesihatan Negeri

Pihak Kementerian menyedari pelbagai faktor luaran lain turut menyumbang kepada masalah ini seperti tahap sosioekonomi, sekuriti makanan, pendidikan ibu bapa dan penjaga, persekitaran serta penjagaan anak. Pemberian bantuan bakul makanan sahaja tidak mencukupi tanpa memberi penekanan kepada punca utama masalah tersebut.


Pihak Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha meningkatkan status pemakanan kanak-kanak yang dikenalpasti mengalami masalah kekurangan zat makanan terutama daripada keluarga miskin dan miskin tegar. Garis panduan program sedia ada dalam proses semakan serta penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan program ini. Justeru, penglibatan agensi kerajaan yang lain selain Kementerian Kesihatan amatlah perlu bagi membantu keberkesanan dan kejayaan program secara keseluruhan.


Dengan penggunaan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 yang terkini serta peluasan kriteria penerima kepada kanak-kanak bantut, susut, berisiko kurang zat makanan dan anemia selain kanak-kanak kurang berat badan, lebih ramai kanak-kanak kumpulan sasar dapat menerima manfaat.

Di peringkat pelaksanaan, pemantauan serta penyeliaan program perlu dijalankan secara berkala bagi membantu pengurusan kes dengan baik dan lancar. Latihan yang berterusan juga membantu anggota kesihatan menilai kes dengan efisien supaya intervensi diberikan pada masa yang tepat dan sesuai. Pendidikan kesihatan juga perlu diperluaskan kepada kaedah yang lebih fleksibel dengan menggunakan saluran yang pelbagai bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian maklumat.




## 6. Program Menangani Masalah Bantut dalam Kalangan Kanak-kanak





### Strategi pencegahan dan pemulihan bagi menangani masalah bantut



Pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini dijalankan menggunakan kaedah secara bersemuka dan juga menggunakan platform dalam talian bergantung kepada keadaan dan kesesuaian mengikut negeri. Taburan pelaksanaan aktiviti ini adalah seperti di **Jadual 10** dan **Jadual 11**. Pada tahun 2022, aktiviti Latihan Pertumbuhan dan Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak kepada pengajar dan penjaga difokuskan kepada TASKA Swasta yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Berdasarkan JK M, TASKA Swasta di bahagiakan kepada 4 kategori iaitu TASKA Institusi, TASKA di Tempat Kerja, TASKA di Rumah dan TASKA Komuniti.

Pada tahun 2022, sebanyak 105 sesi latihan yang telah dijalankan dengan melibatkan sebanyak 1,494 buah TASKA Swasta yang dianjurkan oleh pihak negeri. Liputan latihan yang dijalankan bagi TASKA Swasta meningkat dari tahun 2020 iaitu 8.9% kepada 26.0% pada tahun 2021 dan 50.5% pada tahun 2022. Bagi sesi dialog pula, sepanjang tahun 2022 sebanyak 159 sesi dialog telah dianjurkan dan disertai oleh seramai 6,611 orang ibu bapa dan penjaga di seluruh negara (Rujuk **Jadual 10**). Selain itu, advokasi mengenai kepentingan 1,000 hari pertama kehidupan turut dijalankan sepanjang tahun 2022. Aktiviti yang dijalankan antaranya pameran, ceramah, demonstrasi masakan, perkongsian di media sosial dan jerayawara di komuniti dengan mensasarkan kepada ibu bapa/penjaga, pengasuh dan pengusaha TASKA, guru dan murid sekolah serta komuniti setempat. Secara keseluruhannya sebanyak 1,262 aktiviti dijalankan bagi pameran, ceramah dan lain-lain aktiviti (Rujuk **Jadual 11**).

**Jadual 11:**  
**Advokasi mengenai kepentingan 1,000 hari pertama kehidupan bagi tahun 2022 mengikut negeri**

Bil.	Negeri	Bil. Aktiviti			Jumlah	Bil. Peserta
		Pameran	Ceramah	Lain-lain		
1	Perlis	3	8	2	12	450
2	Kedah	29	41	20	90	2,904
3	Pulau Pinang	12	16	31	57	1,765
4	Perak	5	11	10	26	1,032
5	Selangor	18	30	23	71	1,750
6	WP Kuala Lumpur & Putrajaya	50	25	58	131	2,391
7	Negeri Sembilan	7	24	2	35	1,384
8	Melaka	6	69	19	103	1,872
9	Johor	30	69	138	237	5,473
10	Pahang	20	37	16	80	2,737
11	Terengganu	44	47	13	95	4,201
12	Kelantan	14	9	10	33	1,214
13	Sabah	5	38	5	48	1,145
14	Sarawak	53	78	99	228	6,287
15	WP Labuan	3	9	4	16	1,519
<b>JUMLAH</b>		<b>299</b>	<b>511</b>	<b>450</b>	<b>1,262</b>	<b>36,124</b>

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri, 2022

**Jadual 10: Bilangan Latihan Pertumbuhan dan Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak dan Sesi Dialog di TASKA Swasta bagi Tahun 2022 Mengikut Negeri**

Bil	Negeri	Latihan Pertumbuhan dan Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak Kepada Penjaga TASKA				Bil. Sesi Dialog	Sesi Sialog Bersama Ibu Bapa di TASKA				
		Bil. TASKA terlibat					Tempat Kerja	Komuniti	Rumah	Institusi	Jumlah
		Tempat Kerja	Komuniti	Rumah	Institusi						
1	Perlis	1	0	0	15	1	100	0	15	115	
2	Kedah	16	13	4	73	23	478	0	270	748	
3	Pulau Pinang	5	10	9	53	7	117	2	79	198	
4	Perak	9	1	0	0	8	516	0	0	601	
5	Selangor	7	158	41	69	11	226	143	198	571	
6	WP Kuala Lumpur & Putrajaya	7	3	3	44	8	129	3	108	293	
7	Negeri Sembilan	16	5	14	108	18	166	1	342	509	
8	Melaka	3	0	0	1	7	183	0	98	281	
9	Johor	2	0	0	92	18	518	0	25	562	
10	Pahang	5	5	2	7	1	105	3	9	121	
11	Terengganu	2	1	2	22	8	270	0	30	300	
12	Kelantan	6	0	0	14	19	510	0	674	1,203	
13	Sabah	4	0	0	19	2	0	0	19	19	
14	Sarawak	21	6	17	9	27	881	22	35	1,020	
15	WP Labuan	1	0	0	0	1	0	0	70	70	
	<b>JUMLAH</b>	<b>105</b>	<b>202</b>	<b>92</b>	<b>526</b>	<b>159</b>	<b>4,199</b>	<b>174</b>	<b>1,972</b>	<b>6,611</b>	

Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri, 2022



Nota:

Kategori TASKA (Seksyen 5 akta 308 memperuntukkan 4 kategori TASKA)


1. Institusi : Menerima 10 orang kanak-kanak atau lebih dalam jagaan. Ditubuhkan atas inisiatif pihak swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO)
2. Tempat Kerja : Menerima 10 orang kanak-kanak atau lebih dalam jagaan. Ditubuhkan atas inisiatif majikan untuk kebajikan pekerja;
3. Komuniti : Menerima 10 orang kanak-kanak atau lebih dalam jagaan. Menerima bantuan daripada kerajaan persekutuan atau kerajaan negeri. Ditubuhkan atas inisiatif komuniti untuk manfaat kepada keluarga yang berpendapatan rendah di bandar dan luar bandar.
4. Rumah : Menerima 4 hingga 9 orang kanak-kanak dalam jagaan. Dijalankan di kediaman sendiri.

## Cabaran dan Halangan dalam penilaian pertumbuhan kanak-kanak untuk dilaksanakan di TASKA swasta

alat pengukur tinggi dan berat tidak disediakan atau tidak diselenggara dengan baik	latihan dan sesi dialog yang dijalankan merupakan aktiviti <i>one-off</i> bersama pihak TASKA dan ibu bapa/ penjaga	Tindak susul untuk membawa kanak-kanak yang dikenal pasti mempunyai masalah pemakanan ke fasiliti kesihatan adalah bergantung kepada kerelaan dan kerjasama ibu bapa.
---	---	---



## 7. Program *Community Feeding* (PCF) Bandar





Pada tahun 2022, Bahagian Pemakanan telah menerima sejumlah peruntukan daripada Dana Kumpulan Wang COVID-19 bagi pelaksanaan PCF sedia ada dan penubuhan lima (5) PCF baharu di beberapa buah negeri iaitu Pulau Pinang, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Sehingga kini, sebanyak 7 buah PCF sedang beroperasi di Malaysia dengan memberi manfaat kepada 284 orang kanak-kanak yang berumur antara 1 hingga 6 tahun. Pelaksanaan program ini dibantu oleh 50 orang sukarelawan yang dilantik dan dilatih berkaitan pemakanan dan kesihatan. Perincian yang berkaitan adalah seperti di **Jadual 12**.

**Jadual 12:**  
**Taburan PCF, Kanak-kanak dan Sukarelawan dalam PCF Bandar Tahun 2022**

Bil.	Negeri/ Daerah	Tarikh Pengoperasian	Bil. PCF	Bil. Penerima	Bil. Sukarelawan
<b>JOHOR</b>					
1.	PCF PPR Taman Cendana, Pasir Gudang	7 Dis 2020	1	69	29
<b>PERAK</b>					
2.	PCF PPR Simpang Perdana, Larut Matang Selama	1 Dis 2021	1	24	3
3.	PCF Kampung Pahit, Gerik	25 Julai 2022	1	77	5
4.	PCF PSN Pangkor, Manjong	8 Nov 2022	1	29	3
<b>Jumlah</b>			<b>3</b>	<b>92</b>	<b>8</b>
<b>PULAU PINANG</b>					
5.	PCF PPR Ampang Jajar, Pematang Pauh	25 Julai 2022	1	20	4
<b>WP KUALA LUMPUR</b>					
6.	PCF PPR Desa Tun Razak, Cheras	5 Dis 2022	1	36	4
<b>SELANGOR</b>					
7.	PPR Kampung Baru HiCOM, Shah Alam	8 Dis 2022	1	29	2
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>7</b>	<b>284</b>	<b>50</b>




Pada tahun 2022 juga telah berlangsungnya Majlis Perasmian PCF Bandar pada 30 Oktober 2022 (Ahad) bertempat di Dewan Serbaguna, Taman Cendana, Pasir Gudang, Johor Bahru, Johor. Majlis telah disempurnakan oleh YB Lee Tian Soon, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan, Kerajaan Negeri Johor. Majlis tersebut turut dihadiri oleh YBhg. Datuk Dr. Norhayati Rusli, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), pemegang taruh yang berkaitan serta wakil daripada negeri yang turut melaksanakan program ini.

Pelbagai aktiviti menarik turut diadakan sepanjang majlis berlangsung seperti *Secret Box Masterchef*, *Kids Explorace*, Anugerah Anak PCF: Tinggi, Sihat dan Hebat, pertandingan mewarna kanak-kanak, saringan kesihatan, Gerai Pemakanan Sihat dan pameran serta aktiviti interaktif.



### Cabaran dalam penubuhan dan pelaksanaan PCF di peringkat lapangan






**Jadual 13:  
Taburan PCF dan Bilangan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2022**

Negeri/ Daerah	Bil. PCF	Bil. Sukarelawan	Bil. Kes PPKZM	Bil. Kanak-kanak <6 Tahun
<b>PERAK</b>				
Hulu Perak	20	46	30	497
Kuala Kangsar	3	9	1	79
Muallim	4	7	3	82
Batang Padang	3	8	4	140
Hilir Perak	1	0	3	38
Perak Tengah	1	0	0	23
<b>Jumlah</b>	<b>32</b>	<b>70</b>	<b>41</b>	<b>859</b>
<b>PAHANG</b>				
Pekan	1	1	7	32
Lipis	4	8	8	137
Cameron Highlands	1	2	4	36
Raub	1	3	2	32
Temerloh	1	3	0	20
<b>Jumlah</b>	<b>8</b>	<b>17</b>	<b>14</b>	<b>257</b>
<b>KELANTAN</b>				
Gua Musang	6	12	24	192
Jeli	2	4	5	68
<b>Jumlah</b>	<b>8</b>	<b>16</b>	<b>29</b>	<b>260</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>48</b>	<b>103</b>	<b>84</b>	<b>1,376</b>


Pencapaian dalam PCF diukur melalui Peratus Liputan Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan Orang Asli/ Pribumi dalam PCF serta Peratus Pulih Kanak-Kanak Kekurangan Zat Makanan Orang Asli/ Pribumi Selepas 6 Bulan dalam PCF. Pada tahun 2022, seperti mana tahun sebelumnya peratusan liputan adalah melebihi lebih 95% sasaran iaitu 95.4% seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 11**.

Selain daripada itu, pada tahun 2022, peratus Pulih Kanak-Kanak Kurang Zat Makanan Orang Asli/ Pribumi Selepas 6 Bulan dalam PCF yang dilaporkan adalah 10.7%. Data menunjukkan peratus pulih tidak mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu  $\geq 25\%$ . Dengan peluasan kriteria penerima bakul, tempoh yang lebih lama diperlukan oleh kanak-kanak Orang Asli di PCF untuk pulih bagi ketiga-tiga indikator pemakanan iaitu kurnag berat badan (KBB), susu dan bantut. **Rajah 12** di bawah menunjukkan trend peratusan pulih bermula pada tahun 2017 sehingga tahun 2022.

**Rajah 11:**  
**Peratus Liputan Kanak-Kanak Kekurangan**  
**Zat Makanan Orang Asli/ Pribumi dalam**  
**Program Community Feeding Bagi Tahun**  
**2017 - 2022**



**Rajah 12:**  
**Peratus Pulih Kanak-Kanak Kekurangan Zat**  
**Makanan Orang Asli/ Pribumi Selepas 6**  
**Bulan dalam Program Community Feeding**  
**Bagi Tahun 2017 - 2022**



Sumber : Jabatan Kesihatan Negeri

Pada tahun 2022 juga, satu Mesyuarat PCF Orang Asli dan Kem Kesihatan di Perkampungan Orang Asli Kuala Koh, Gua Musang, Kelantan telah diadakan pada 3 hingga 5 September 2022. Mesyuarat telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada kementerian dan agensi yang berkaitan seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli, Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital Orang Asli Gombak, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Kemajuan Masyarakat, UNICEF Malaysia serta wakil NGO's iaitu 4x4 Relief Malaysia, Global Peace Foundation dan Projek Asal.


Mesyuarat ini bertujuan bagi memberi advokasi mengenai program serta memberi pendedahan terus kepada semua pemegang taruh melalui Kem Kesihatan di Pusat Community Feeding Kuala Koh. Mesyuarat juga bertujuan membincangkan kerjasama strategik yang boleh dilaksanakan antara kementerian, agensi dan pihak Pertubuhan Bukan Kerajaan dalam memastikan kelestarian program yang dilaksanakan. Pada tahun 2022 turut melaporkan 1 PCF di Kampung Orang Asli Pos Slim, Simpang Pulai telah ditutup berikutan bilangan kanak-kanak yang sangat sedikit iaitu kurang daripada 10 orang dengan kadar kelahiran yang rendah. Di samping itu, faktor sukarelawan yang kerap bertukar, gangguan bekalan air, ketiadaan bekalan elektrik serta bangunan yang diperbuat daripada buluh dan sangat uzur.



## Cabaran dan Halangan dalam Pelaksanaan PCF




## Cadangan Penambahbaikan



## 9. Latihan Penyusuan Susu Ibu 20 jam


Latihan Penyusuan Susu Ibu 20 Jam merupakan latihan asas penyusuan susu ibu kepada anggota kesihatan dan anggota kesihatan bukan klinikal di hospital dan di Klinik Kesihatan yang memberi perkhidmatan kesihatan kepada ibu dan anak. Mereka diwajibkan untuk menghadiri latihan ini dalam masa 6 bulan dari tarikh lapor diri dan menjalani *refresher course* pada setiap 3 tahun bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran penyusuan susu ibu yang sedia ada. Latihan ini adalah untuk memastikan semua anggota kesihatan dan anggota kesihatan bukan klinikal yang memberikan perkhidmatan kepada ibu dan anak dilatih bagi menambahkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan penyusuan susu ibu. Pada tahun 2022, secara keseluruhannya, Malaysia telah berjaya mencapai sasaran 80.0% dengan pencapaian 88.0% bagi anggota kesihatan di Klinik Kesihatan dan 91.1% bagi anggota kesihatan di hospital dalam Latihan Penyusuan Susu Ibu 20 jam. Secara keseluruhannya pencapaian meningkat setiap tahun. Tren pencapaian Latihan Penyusuan Susu Ibu 20 jam bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti di **Rajah 13 dan 14**.


**Rajah 13:**  
Tren Pencapaian Latihan PSI 20 Jam Bagi Anggota Kesihatan Di Klinik Kesihatan Bagi Tahun 2020 -2022



Sumber: Jabatan Kesihatan Negeri

**Rajah 14:**  
Tren Pencapaian Latihan PSI 20 Jam Bagi Anggota Kesihatan Di Hospital Bagi Tahun 2020 - 2022






## 10. Latihan Penilaian Pertumbuhan dan Runding Cara Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak

Salah satu aktiviti yang terdapat di dalam Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia, III (2016-2025) ialah menjalankan Latihan Penilaian Pertumbuhan dan Runding Cara Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak Kecil dengan sekurang-kurangnya satu (1) latihan dilaksanakan di peringkat kebangsaan dan negeri setiap tahun. Aktiviti ini merupakan salah satu strategi utama dalam Program Menangani Bantut dalam Kalangan Kanak-kanak Bawah 5 tahun di Malaysia dengan memantapkan *capacity building* di kalangan anggota kesihatan.

Strategi ini mensasarkan secara khususnya kepada semua anggota kesihatan yang mengendalikan kes ibu dan anak di klinik kesihatan kerajaan bagi meningkatkan kompetensi anggota kesihatan dalam mengendalikan kes kanak-kanak bawah 5 tahun. Anggota kesihatan yang berkemahiran dalam mengendalikan kes akan membantu mengawal dan mengurangkan masalah malnutrisi dalam kalangan kanak-kanak bawah 5 tahun di peringkat lapangan.




Para peserta akan dibekalkan dengan modul pengajar yang mana kandungan di dalam modul ini merangkumi 37 topik

1. Pengenalan kepada pemberian makanan bayi dan kanak-kanak dan standard pertumbuhan WHO	2. Kepentingan penyusuan susu ibu	3. Bagaimana penyusuan susu ibu berlaku	4. Menilai cara penyusuan susu ibu
5. Pengenalan penilaian pertumbuhan kanak-kanak	6. Pengukuran antropometri (berat, panjang/ tinggi)	7. Mendengar dan belajar	8. Latihan mendengar dan belajar (kerja rumah)
9. Praktikal 1: mendengar dan belajar (mengukur kanak-kanak)	10. Pengukuran bukan mudah	11. Memposisikan bayi untuk penyusuan	12. Membina keyakinan dan memberi sokongan
13. Latihan membina keyakinan dan memberi sokongan; bahagian 1 (kerja rumah)	14. Memplot tanda pangkah untuk indikator pertumbuhan	15. Interpretasi tanda pangkah (x) untuk indikator pertumbuhan	16. Membina keyakinan dan memberi sokongan (menilai penyusuan susu ibu)
17. Membuat interpretasi tren pada carta pertumbuhan	18. Menilai sejarah pengambilan makanan	19. Masalah penyusuan susu ibu yang biasa	20. Memerah susu ibu dan memberi bayi minum dengan cawan
21. Keadaan payudara dan puting	22. Kepentingan pemberian makanan pelengkap	23. Latihan membina keyakinan dan memberi sokongan; bahagian 2 (kerja rumah)	24. Makanan untuk memenuhi jurang tenaga
25. Makanan untuk memenuhi jurang vitamin A dan zat besi	26. Kuantiti, kepelbagaian dan kekerapan pemberian makanan pelengkap	27. Penilaian pertumbuhan dan runding cara bagi kanak-kanak yang membesar secara normal	28. Menyiasat penyebab kekurangan zat makanan
29. Runding cara pemakanan kanak-kanak kurang zat makanan	30. Menyiasat penyebab dan runding cara pemakanan kanak-kanak berlebihan berat badan	31. Menilai kefahaman dan mengatur tindak susul	32. Mengumpul maklumat mengenai amalan pemberian makanan pelengkap dan pertumbuhan (main peranan)
33. Penyediaan makanan dan demonstrasi makanan	34. Teknik pemberian makanan	35. Sesi praktikal 3: mengumpul maklumat dan runding cara amalan pemberian makanan dan pertumbuhan	36. HIV dan pemakanan bayi
37. Pemberian makanan semasa sakit dan bayi kurang berat lahir			


### a. Latihan di Peringkat Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia

Pada tahun 2022, Latihan Penilaian Pertumbuhan dan Runding Cara Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak Kecil kepada pengajar telah dijalankan sebanyak dua (2) kali oleh Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Latihan ini telah dijalankan di Negeri Sembilan dan Negeri Pahang. **Rajah 15** menunjukkan jumlah pengajar yang telah dilatih di peringkat Negeri Sembilan dan **Rajah 16** menunjukkan jumlah pengajar yang telah dilatih di peringkat negeri Pahang.

**Rajah 15:**  
Jumlah Pengajar Yang Telah Dilatih Di Peringkat Negeri Sembilan Bagi Tahun 2022.




**Rajah 16:**  
Jumlah Pengajar Yang Telah Dilatih Di Peringkat Negeri Pahang Bagi Tahun 2022.




Jumlah *trainer* yang disasarkan di peringkat kebangsaan adalah sebanyak 450 orang (150 pasukan *trainer*) untuk melengkapkan satu (1) pasukan setiap daerah yang terdiri daripada Pegawai Perubatan, Pegawai Pemakanan Dan Kejururawatan. **Rajah 17** menunjukkan bilangan pengajar kebangsaan seluruh Malaysia mengikut negeri.

**Rajah 17:**  
Bilangan Pengajar Kebangsaan Seluruh Malaysia Yang Terdiri Daripada Pegawai Perubatan, Pegawai Pemakanan dan Kejururawatan



### b. Latihan di Peringkat Negeri

Pada tahun 2022, Latihan Penilaian Pertumbuhan dan Runding Cara Pemakanan Bayi dan Kanak-kanak Kecil (end user) turut dilaksanakan di peringkat negeri dan daerah kecuali di Negeri Melaka, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Seramai 916 orang anggota kesihatan telah dilatih dengan pecahan iaitu 138 Pegawai perubatan, 26 orang Pegawai Pemakanan dan 762 orang anggota kejururawatan.



# SEKTOR PEMAKANAN KANAK-KANAK DAN REMAJA



## PENCAPAIAN TAHUN 2022

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah berkolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam usaha untuk memastikan kesejahteraan pemakanan murid sekolah, termasuklah mengintegrasikan komponen pemakanan sihat ke dalam program di bawah KPM seperti Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Program Susu Sekolah dan memastikan penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah adalah sihat. Selain itu, KKM juga telah bekerjasama dengan KPM dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam memastikan penyajian hidangan yang berkhasiat di dewan makan/ dewan selera asrama.

Aktiviti promosi pemakanan sihat turut dijalankan di institusi pendidikan awal kanak-kanak iaitu prasekolah di bawah pengurusan KPM, tabika Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Di samping itu, Bahagian Pemakanan turut menawarkan khidmat penyediaan ulasan teknikal pemakanan bagi produk yang ingin memasuki pasaran sekolah/ prasekolah dan tabika serta penyediaan menu standard di agensi masing-masing. Advokasi pemakanan sihat turut dijalankan melalui media sosial dan elektronik, medium ko-kurikulum seperti Kelab Tunas Doktor Muda, Kelab Doktor Muda dan juga peranan yang dimainkan oleh Pegawai Pemakanan melalui Perkhidmatan Kesihatan Sekolah.

Aspek pemantauan turut dijalankan dalam memastikan kebolehdapatan makanan berkhasiat di sekolah melalui pemantauan penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah, Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah (HiTS), pemantauan menu Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan penyajian hidangan sihat di asrama serta promosi pemakanan sihat yang melibatkan ibu bapa di prasekolah dan tabika.

### 1. Aktiviti Pemakanan di Prasekolah/ Tabika


#### a. Semakan Semula Menu Standard Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

Pihak KPM telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dan bengkel bagi semakan dan penambahbaikan menu standard prasekolah KPM pada tahun 2022. Ini adalah rentetan daripada cadangan yang dikemukakan oleh pihak Pembantu Pengurusan Murid (PPM) untuk menyemak semula menu standard prasekolah yang telah digunapakai sejak tahun 2014. Pihak KPM dengan kerjasama pihak Bahagian Pemakanan telah menyediakan cadangan menu baharu berdasarkan saranan *Malaysian Dietary Guideline Child and Adolescent* yang terkini kepada pihak KPM. Menu baharu ini akan digunapakai pada tahun 2023.

Tujuan aktiviti ini diadakan adalah untuk memperkasa ibu bapa di institusi pendidikan awal kanak-kanak dengan pemakanan sihat supaya mereka boleh menjadi model yang baik kepada anak-anak mereka di rumah. Antara aktiviti pemakanan yang telah dijalankan bersama ibu bapa adalah Projek Pintar Botani/ kebun dapur, kolaj pemakanan, ceramah pemakanan sihat dan penyediaan makanan berkhasiat. Aktiviti ini telah dimulakan di institusi pendidikan awal kanak-kanak kerajaan (prasekolah dan tabika) semenjak tahun 2018 dan akan diperluaskan ke tadika swasta pada tahun 2023. Pelaksanaan rintis aktiviti ini di tadika swasta telah dilaksanakan pada Jun hingga Disember 2022 melibatkan 122 tadika swasta terpilih bagi melihat kebolehsanaan aktiviti dan pelaporannya.

**Rajah 18** menunjukkan pencapaian pelaksanaan aktiviti pemakanan melibatkan ibu bapa mengikut institusi pendidikan awal kanak-kanak kerajaan iaitu prasekolah (KPM), KEMAS (KKDW) dan JPNIN (KPN). Sehingga Disember 2022, sebanyak 15,888 daripada 16,613 (95.6%) institusi pendidikan awal kanak-kanak kerajaan telah menjalankan aktiviti tersebut. Berdasarkan pecahan mengikut agensi, kesemua Tabika Perpaduan (100%), 99.8% Tabika KEMAS dan 88.7% prasekolah telah menjalankan aktiviti pemakanan yang melibatkan ibu bapa pada tahun 2022.


**Rajah 18:**  
**Pencapaian Pelaksanaan Aktiviti Pemakanan yang Melibatkan Ibu Bapa di Prasekolah dan Tabika bagi Tahun 2022**



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

**Rajah 19** pula menunjukkan trend pencapaian pelaksanaan aktiviti ini bagi tempoh tiga (3) tahun di institusi pendidikan awal kanak-kanak kerajaan. Terdapat peningkatan pelaksanaan aktiviti ini pada tahun 2022 iaitu sehingga 95.6% berbanding tahun sebelumnya iaitu 82.4%.

**Rajah 19:**  
**Trend Pencapaian Pelaksanaan Aktiviti Pemakanan yang Melibatkan IbuBapa di Institusi Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kerajaan bagi tempoh tiga (3) tahun**




Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

## 2. Pemantauan Status Pemakanan Murid Sekolah Tahun 1, 6 dan Tingkatan 3

Aktiviti ini dijalankan dalam kalangan murid Tahun 1, 6 dan Tingkatan 3 oleh Pasukan Kesihatan Sekolah di peringkat daerah. **Rajah 20** menunjukkan hasil pemantauan antropometri (berat dan tinggi) dalam kalangan murid Tahun 1, 6 dan Tingkatan 3. Berdasarkan rajah berkenaan, prevalen terbantut dan kurus dalam kalangan murid Tahun 1 adalah paling tinggi berbanding murid Tahun 6 dan Tingkatan 3. Sementara itu, 22.9% daripada murid Tahun 6 mengalami masalah berlebihan berat badan dan obes. Peratusan ini adalah tertinggi berbanding murid Tahun 1 dan Tingkatan 3.


**Rajah 20 :**  
**Status Pemakanan Murid Sekolah Tahun 1, Tahun 6 dan Tingkatan 3 bagi Tahun 2022**



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM


**Rajah 21 (a), (b) dan (c)** pula menunjukkan trend bagi peratus obes, berlebihan berat badan berat badan normal, kurus dan terbantut bagi tiga kategori umur murid (Tahun 1, 6 dan Tingkatan 3) bagi tahun 2020 hingga 2022. Secara keseluruhannya, didapati terdapat trend penurunan untuk kategori berat badan normal dan peningkatan tren bagi kategori obes, berlebihan berat badan dan kurus dari tahun 2020 hingga 2022 bagi semua kategori umur murid. Ini menunjukkan kanak-kanak Malaysia mengalami masalah malpemakanan berdasarkan proksi data status pemakanan di sekolah ini.

**Rajah 21 (a):**  
**Status Pemakanan Murid Tahun 1 bagi Tahun 2020 hingga 2022**




Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

**Rajah 21 (b):  
Status Pemakanan Murid Tahun 6 bagi Tahun 2020 hingga 2022**



**Rajah 21 (c):  
Status Pemakanan Murid Tingkatan 3 bagi Tahun 2020 hingga 2022**




Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

### 3. Aktiviti Pemantauan Penjualan Makanan dan Minuman di Kantin Sekolah

Aktiviti pemantauan di kantin sekolah dilaksanakan oleh Pegawai Pemakanan, Pegawai Kesihatan Persekitaran (PKP) dan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (PPKP) di lapangan. Pencapaian aktiviti ini dilaporkan ke Bahagian Pemakanan sebanyak dua kali setahun iaitu pada Jun dan Disember. Pihak KKM telah memberikan sijil penghargaan kepada 1,497 pengusaha kantin yang patuh terhadap senarai penjualan dengan kategori "Sangat Memuaskan" pada tahun 2022.


**Rajah 22:**  
**Peratus Sekolah Patuh Terhadap Penjualan Makanan dan Minuman di Kantin Sekolah Mengikut Negeri bagi Tahun 2022**



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

Sementara itu, **Rajah 23** pula menunjukkan peratus pencapaian sekolah yang patuh terhadap penjualan makanan dan minuman di kantin sekolah mengikut negeri bagi tahun 2020 hingga 2022. Terdapat penurunan peratus pematuhan pada tahun 2022 berbanding pada tahun sebelumnya iaitu 69.5%. Walau bagaimanapun, berdasarkan Jadual Bilangan Sekolah Patuh Terhadap Penjualan Makanan dan Minuman di Kantin Sekolah Mengikut Negeri bagi Tahun 2020, 2021 dan 2022 (**Lampiran 1**) bilangan sekolah yang dipantau pada tahun 2022 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2021 iaitu 3,575 sekolah berbanding 419 sekolah pada tahun 2022 dan 2021 masing-masing.

**Rajah 23:**  
**Pencapaian Peratus Pematuhan Terhadap Penjualan Makanan dan Minuman di Kantin Sekolah Mengikut Negeri bagi Tahun 2020 hingga 2022**



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM


#### 4. Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah (HiTS)

Program Hidangan Berkhasiat di Sekolah (HiTS) menyediakan hanya satu menu berkhasiat (kitaran empat minggu) untuk murid sekolah menggunakan konsep Pinggan Sihat Malaysia. Menu HiTS memenuhi hampir 20% hingga 25% keperluan kalori dan nutrien murid. Program ini dilaksanakan bagi memastikan murid mendapat hidangan berkhasiat mengikut keperluan serta menyediakan persekitaran yang membantu amalan makan secara sihat dalam kalangan murid.

**a. Bilangan Sekolah yang Melaksanakan Program HiTS**

**Rajah 24** menunjukkan bilangan sekolah yang menjalankan program HiTS mengikut negeri bagi tahun 2022. Terdapat sebanyak 70 buah sekolah daripada 13 buah negeri telah menyertai program ini sehingga Disember 2022. Senarai sekolah mengikut negeri yang telah menjalankan program HiTS sehingga Disember 2022 adalah seperti di **Lampiran 2**. Sijil penghargaan telah diedarkan kepada sekolah-sekolah berkenaan sebagai menghargai usaha mereka menjayakan program. Namun begitu, terdapat dua negeri yang tidak dapat mengekalkan pelaksanaan HiTS di negeri masing-masing iaitu Perlis, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya rentetan kesan penutupan sekolah pada tahun 2020 dan 2021 disebabkan oleh penularan penyakit COVID-19.


**Rajah 24:**  
**Bilangan Sekolah yang Menjalankan Program HiTS Mengikut Negeri bagi Tahun 2022**



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

**Rajah 25** pula menunjukkan bilangan sekolah yang menjalankan Program HiTS bagi tahun 2020 sehingga 2022. Terdapat pertambahan 15 sekolah baru yang diiktiraf pada tahun 2022 dan pada masa yang sama terdapat 15 sekolah yang tidak aktif melaksanakan HiTs pada tahun yang sama. Ini menjadikan tiada peningkatan pada bilangan kumulatif sekolah yang melaksanakan HiTs pada tahun 2022 berbanding tahun 2021.

**Rajah 25:**  
**Bilangan Sekolah Yang Menjalankan Program HiTS Bagi Tahun 2020 hingga 2022**




## b. Pengukuhan Pelaksanaan Program HiTS

Mesyuarat Pengukuhan Pelaksanaan Program HiTS telah diadakan di Hotel Royale Chulan, Seremban, Negeri Sembilan pada 15 hingga 17 Ogos 2022. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh 32 orang Pegawai Pemakanan dari semua negeri. Antara pengisian mesyuarat adalah perkongsian kejayaan pelaksanaan HiTS di negeri Johor dan Perak, lawatan ke sekolah HiTS di sekitar Seremban dan perbincangan hasil analisa *strentgh, weakness, opportunity and threat* (SWOT) dalam memperkukuhkan pelaksanaan HiTS di seluruh Negara.

## 5. Pemantauan Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT)

Rancangan Makanan Tambahan (RMT) merupakan bantuan makanan tambahan berkhasiat yang diberikan kepada murid daripada golongan miskin tegar untuk meningkatkan tahap kesihatan dan pemakanan kumpulan sasaran. Terdapat 20 pilihan menu RMT yang disediakan oleh pihak Bahagian Pemakanan, KKM. Kadar RMT telah dinaikkan sebanyak RM 1.00 yang berkuatkuasa pada 6 November 2022. Ini menjadikan kadar RMT adalah sebanyak RM 3.50 di Semenanjung Malaysia dan RM 4.00 di Sabah, Sarawak serta Wilayah Persekutuan Labuan.


**Rajah 26** menunjukkan peratus liputan pemantauan sekolah dengan RMT mengikut negeri bagi tahun 2022. Sasaran liputan pemantauan yang ditetapkan bagi tahun 2022 adalah 25% sekolah dengan RMT dipantau. Pencapaian pemantauan Program RMT mengikut negeri bagi tahun 2022 adalah seperti di **Lampiran 3**.



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

**Rajah 27** pula menunjukkan trend pencapaian pemantauan sekolah dengan RMT bagi tahun 2020 hingga 2022. Peratus liputan pemantauan pada tahun 2022 adalah paling tinggi iaitu sebanyak 24.7% sekolah dipantau berbanding tahun 2021 iaitu 2.5% dan tahun 2020, 10.4% yang terjejas disebabkan wabak Covid-19. Peningkatan ini berlaku kerana sekolah telah beroperasi secara bersemuka sepenuhnya pada tahun 2022 dan program RMT telah dapat dilaksanakan seperti biasa.

**Rajah 27:**  
**Pencapaian Pemantauan Sekolah dengan RMT bagi Tahun 2020 hingga 2022**



Sumber: Bahagian Pemakanan, KKM

**6. Aktiviti Pemantauan Hidangan Sihat di Asrama Sekolah**

Menu makanan asrama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) dibentuk dengan kerjasama Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi memastikan ianya menepati keperluan nutrien murid di asrama. Pihak Bahagian Pemakanan juga telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan pemantauan terhadap menu bagi memastikan menu makanan asrama disediakan mengikut standard yang telah ditetapkan. Pemantauan dilaksanakan oleh Pegawai Pemakanan di lapangan berdasarkan sasaran liputan tahunan yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pemakanan, KKM.

**a. Pemantauan Hidangan Sihat di Asrama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)**

Pada tahun 2022, sebanyak 1,632 buah sekolah berasrama di bawah pengurusan KPM telah menggunakan Menu Standard Makanan Asrama Kementerian Pendidikan Malaysia Edisi 2018. Sasaran pemantauan tahunan yang ditetapkan bagi tahun 2022 ialah 20% sekolah berasrama KPM dipantau daripada jumlah keseluruhannya. **Jadual 14** menunjukkan pencapaian aktiviti pemantauan mengikut negeri dan **Jadual 15** pula menunjukkan pencapaian gred pematuhan bagi sekolah berasrama yang dipantau pada tahun 2022.

10.		Ungku Fatimah Ungku Zainal Abidin	Pengusaha
11.	Cafe Fakulti Pertanian	Hazmi Samsudin	Pengusaha
12.		Nurul Salwa Yusof	Pembantu tukang masak
13.	Binaree Cafe	Mohd Ghadaffiq Ibnu Perdaus Khan	Tukang masak
14.		Mohd Qazi Hussain	Pengusaha
15.	Ashima Setia Enterprise	Ashima Rohayu Mat	Tukang masak
16.	Rasmad Enterprise	Dewi Puspa Suhana	Tukang masak
17.	KMR OnePutra Cafe	Harlina Ablah	Tukang masak
18.	UPM Serdang	Khairul Amir	Pengusaha
19.	NFAZ Solution	Mazli Mohmad	Tukang masak
20.	Arie Vision	Mohd Azaha Che Mohd Ayob	Pengusaha
21.	Jelawang Setia Enterprise	Mohd Azarizal Mohd Ayub	Pengusaha
22.	Mekar Hasil Enterprise	Mohd Azmaredzal Ameruddin	Pengusaha

BIL.	NAMA KAFETERIA/ SYARIKAT	NAMA	JAWATAN
23.	Aras Impak Resources	Mohd Jais Suradi	Tukang masak
24.	Mohd Ridhwan Serumpun Food Court	Mohd Ridhwan Yunus	Pengusaha
25.	Nadi BMA Empire	Muhammad Afiq	Tukang masak
26.	Firema Enterprise (Cafeteria Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan)	Muhammad Nursyafiq Mohd Arzimi	Pengusaha
27.	JMG Maju Sdn.Bhd.	Nor Ezian Abd Rahman	Pengusaha
28.	Nasi Kukus Ayam Dara Moknah	Norhidayati Zahari	Tukang masak
29.	Payong Mas Catering, Kafeteria Serumpun	Nur Farhana Azahar	Pembantu tukang masak
30.	Firdayat Empire	Nur Hidayatul Akma Muhammad Lok	Pengusaha
31.	Fakulti Sains Komputer	Nuratikah Mohd Azarizal	Pengusaha
32.	Aleen Daniessya Enterprise	Rosnani Hashim	Tukang masak
33.		Rohayati Hashim	Pengusaha
34.	Aqeel Enterprise	Saifual Bahariah	Pengusaha
35.		Muhammad Firdaus Ahmad Zulkiflie	Tukang masak
36.	Aba Distributer	Shafia Sahak	Tukang masak
37.	UPMH	Siti Fatimah Muhd Mazlan	Pengusaha
38.	Putra Food Court	Syed Hamzah Syed Abdul Rahman	Pengusaha
39.	Nasi Arab Tareem Sdn. Bhd.	Tuan Rozaidi Tuan Dandan	Tukang masak
40.	Sinar Warisan Trading	Wan Fariza Akmal Wan Ibrahim	Pengusaha
41.	Maaz Mutiara	Yuza Iskandar Zainal Abidin	Pengusaha

## LAPORAN PENYAJIAN HIDANGAN SIHAT SEMASA MESYUARAT PERINGKAT IPKIM 2022

Bil.	Bahagian/Intitansi	Bilangan Mesyuarat													
		Yang dinilai		Label kalori		Sediakan air kosong		Pengesingan gula dan susu daripada minuman panas		Sediakan buah		Sediakan savur untuk waktu makan utama			
		Ya	%	Ya	%	Ya	Tidak	%	Ya	Tidak	%	Ya	Tidak	%	
1.	Bahagian Sumber Manusia	65	100.0	65	100.0	65	0	100.0	65	0	100.0	65	0	100.0	
2.	Bahagian Pembangunan Kompetensi	7	0.0	1	14.3	1	6	14.3	5	2	71.4	5	2	71.4	
3.	Bahagian Pengurusan Maklumat	66	0.0	34	51.5	0	0	0.0	0	0	0.0	0	0	0.0	
4.	Bahagian Khidmat Pengurusan	308	100.0	308	100.0	308	0	100.0	308	0	100.0	61	247	19.8	
5.	Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga	37	37	100.0	36	97.3	1	97.3	35	2	94.6	31	6	83.8	
6.	Bahagian Kawalan Penyakit	38	27	71.1	34	89.5	9	23.7	25	13	65.8	29	9	76.3	
7.	Bahagian Pendidikan Kesihatan	9	8	88.9	6	66.7	0	0.0	8	1	88.9	3	5	37.5	
8.	Bahagian Pemakanan	76	62	81.6	62	81.6	0	100.0	62	0	100.0	62	0	100.0	
9.	Bahagian Perkembangan Perubatan	122	112	91.8	122	100.0	12	90.2	122	0	100.0	122	0	100.0	
10.	Bahagian Amalan Perubatan	40	39	97.5	40	100.0	20	50.0	40	0	100.0	37	3	92.5	
11.	Bahagian Sains Kesihatan Bersekutu	92	19	20.7	85	92.4	1	68	1.4	66	4	94.3	92	0	100.0
12.	Bahagian Kejururawatan	65	17	26.2	65	100.0	0	65	0.0	65	0	100.0	65	0	100.0
13.	Bahagian Perancangan	36	36	100.0	36	100.0	35	97.2	27	9	75.0	10	26	27.8	
14.	Program Kesihatan Pergiagan	63	36	57.1	63	100.0	29	64.4	61	2	96.8	43	20	68.3	
15.	Program Perkhidmatan Farmasi	165	165	100.0	165	100.0	53	39.3	159	3	98.1	148	15	90.8	
16.	Program Keselamatan dan Kualiti Makanan	80	80	100.0	80	100.0	0	0.0	80	0	100.0	80	0	100.0	
17.	Bahagian Kewangan	48	47	97.9	48	100.0	27	58.7	22	26	45.8	7	41	14.6	
18.	Bahagian Perolehan dan Penswastaan	34	0	0.0	11	32.4	0	0.0	18	16	52.9	1	33	2.9	
19.	Bahagian Pembangunan	300	300	100.0	300	100.0	235	79.1	275	25	91.7	275	25	91.7	
20.	Cawangan Audit Dalam	8	3	37.5	7	87.5	2	33.3	3	3	50.0	2	3	40.0	
21.	Pihak Berkuasa Peranti Perubatan	46	34	73.9	43	93.5	42	95.5	43	0	100.0	19	21	47.5	
	<b>Jumlah</b>	<b>1705</b>	<b>1395</b>	<b>81.8</b>	<b>1611</b>	<b>94.5</b>	<b>1035</b>	<b>67.0</b>	<b>1489</b>	<b>106</b>	<b>93.4</b>	<b>1157</b>	<b>456</b>	<b>71.7</b>	

## LAPORAN PENYAJIAN HIDANGAN SIHAT SEMASA MESYUARAT PERINGKAT NEGERI 2022

Bil.	Bahagian/Intitusi	Bilangan Mesyuarat														
		Yang dinilai		Label kalori		Sediakan air kosong		Pengasingan gula dan susu daripada minuman panas		Sediakan buah		Sediakan sayur untuk waktu makan utama				
			%	Ya	%	Ya	%	Tidak	%	Ya	%	Ya	%	Tidak	%	
1.	Perlis	57	98.2	56	100.0	57	100.0	3	5.6	51	5.6	56	100.0	56	0	100.0
2.	Kedah	251	89.6	225	94.8	238	94.8	99	42.1	136	42.1	207	85.2	209	36	85.3
3.	Pulau Pinang	114	81.6	93	94.7	108	94.7	43	40.6	63	40.6	79	73.1	87	25	77.7
4.	Perak	82	80.5	66	95.1	78	95.1	33	47.8	36	47.8	77	98.7	78	4	95.1
5.	Selangor	696	42.2	294	89.5	623	89.5	158	36.4	276	36.4	312	61.8	625	50	92.6
6.	JKWPKL & Putrajaya	334	75.4	252	97.9	327	97.9	202	54.3	170	54.3	329	85.2	318	60	84.1
7.	Negeri Sembilan	302	91.1	275	97.4	294	97.4	218	83.8	42	83.8	277	94.9	275	23	92.3
8.	Melaka	130	66.9	87	93.1	121	93.1	63	52.1	58	52.1	99	76.2	78	52	60.0
9.	Johor	299	62.9	188	97.7	292	97.7	213	84.5	39	84.5	236	78.7	284	12	95.9
10.	Pahang	381	34.4	131	97.9	373	97.9	136	61.3	86	61.3	343	97.2	351	7	98.0
11.	Terengganu	789	89.0	702	100.0	789	100.0	667	98.5	10	98.5	734	97.2	785	18	97.8
12.	Kelantan	194	93.3	181	97.4	189	97.4	24	19.8	97	19.8	93	93.0	183	1	99.5
13.	Sabah	88	81.8	72	92.0	81	92.0	75	86.2	12	86.2	76	87.4	79	8	90.8
14.	Sarawak	582	49.0	285	84.7	493	84.7	391	72.1	151	72.1	495	89.2	506	72	87.5
15.	Labuan	29	65.5	19	79.3	23	79.3	13	46.4	15	46.4	27	93.1	27	2	93.1
	<b>Jumlah</b>	<b>4328</b>	<b>67.6</b>	<b>2926</b>	<b>94.4</b>	<b>4086</b>	<b>94.4</b>	<b>2338</b>	<b>65.3</b>	<b>1242</b>	<b>65.3</b>	<b>3440</b>	<b>86.5</b>	<b>3941</b>	<b>370</b>	<b>91.4</b>

## LAPORAN PENYAJIAN HIDANGAN SIHAT SEMASA MESYUARAT PERINGKAT KEMENTERIAN-KEMENTERIAN LAIN 2022

Bil.	Yang dinilai	Label kalori		Sediakan air kosong		Pengasingan gula dan susu daripada minuman panas		Sediakan buah		Sediakan sayur untuk waktu makan utama				
		Ya	%	Ya	%	Ya	Tidak	%	Ya	Tidak	Ya	Tidak	%	
1.	Kementerian Dalam Negeri	12	0.0	12	100.0	12	0	100.0	12	0	100.0	6	0	100.0
2.	Kementerian Kewangan	3	0.0	3	100.0	0	3	0.0	3	0	100.0	3	0	100.0
3.	Kementerian Pertahanan	173	100.0	173	100.0	0	173	0.0	173	0	100.0	22	151	12.7
4.	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	487	9.4	487	100.0	52	343	13.2	144	263	35.4	147	259	36.2
5.	Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan	80	5	80	100.0	20	0	100.0	50	0	100.0	50	0	100.0
6.	Kementerian Pengangkutan	2	2	2	100.0	2	0	100.0	2	0	100.0	2	0	100.0
7.	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	312	0	278	89.1	28	284	9.0	208	90	69.8	202	32	86.3
8.	Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim	43	1	27	62.8	2	10	16.7	28	2	93.3	22	1	95.7
9.	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	29	0	29	100.0	0	29	0.0	29	0	100.0	0	29	0.0
10.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	59	0	54	91.5	46	0	100.0	44	10	81.5	4	0	100.0
11.	Kementerian Kerja Raya	72	36	59	81.9	42	27	60.9	20	13	60.6	11	13	45.8
12.	Kementerian Luar Negeri	38	38	38	100.0	38	0	100.0	38	0	100.0	10	28	26.3
13.	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)	107	50	107	100.0	101	6	94.4	65	42	60.7	8	0	100.0
14.	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	3829	0	3823	99.8	3823	0	100.0	3823	0	100.0	0	0	0.0
15.	Kementerian Perpaduan Negara	409	0	409	100.0	0	409	0.0	409	0	100.0	84	325	20.5
16.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	24	24	24	100.0	24	0	100.0	24	0	100.0	1	0	100.0
	<b>Jumlah</b>	<b>5679</b>	<b>375</b>	<b>5605</b>	<b>98.7</b>	<b>4190</b>	<b>1284</b>	<b>76.5</b>	<b>5072</b>	<b>420</b>	<b>92.4</b>	<b>572</b>	<b>838</b>	<b>40.6</b>

## Tinjauan Menu Makanan Pelajar Universiti Di Institut Pengajian Tinggi (IPT)



### 6. Program Pemakanan Warga Emas

Malaysia bakal menjadi negara tua menjelang tahun 2030; apabila dianggarkan 15.3% daripada penduduk Malaysia mencapai umur 60 tahun dan ke atas. Justeru, sektor perkhidmatan penjagaan kesihatan warga emas sedang diperkukuh melalui semakan semula Pelan Tindakan Perkhidmatan Kesihatan Warga Emas pada tahun 2022. Aktiviti pemakanan warga emas juga telah dimasukkan di dalam strategi Promosi dan Advokasi Pemakanan Sihat melalui pelbagai strategi yang telah digariskan di dalam Pelan Tindakan Pemakanan Malaysia, NPANM III 2016-2025.

Selain itu, berdasarkan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi, NHMS 2018, mendapati 7.3% warga emas di Malaysia mengalami masalah kekurangan zat makanan dan 23.5% berisiko mendapat kekurangan zat makanan. Tahap kesihatan warga emas turut dipengerahui dengan masalah penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti hipertensi, diabetes dan hiperkolesterolemia yang juga tinggi dalam kalangan mereka. Justeru, Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan (NPANM) III, 2016-2025 telah menggariskan beberapa strategi yang dapat menyokong kesejahteraan pemakanan dalam kalangan warga emas.

#### a. Mesyuarat dan Perbincangan untuk Pengukuhan Program Pemakanan Warga Emas

##### i. Input Pemakanan dalam Semakan Semula Pelan Tindakan Kesihatan Warga Emas 2022-2030

Input pemakanan telah diberi dalam Mesyuarat dan Bengkel Kerja Memurnikan Pelan Tindakan Kesihatan Warga Emas 2022-2030 pada 29-30 Ogos 2022. Beberapa cadangan aktiviti dan program telah dirangka dalam pelan tersebut bagi menyokong kesejahteraan pemakanan warga emas di Malaysia.

##### ii. Perbincangan bersama Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, MyAgeing UPM

Satu perbincangan bersama Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia, MyAgeing UPM juga telah diadakan untuk mendapatkan pendedahan berkaitan skop perkhidmatan yang disediakan oleh MyAgeing serta aktiviti yang dijalankan dalam kalangan warga emas yang terlibat. Selain itu, advokasi tentang NPANM III dan strategi bagi menyokong kesejahteraan pemakanan warga emas telah dibentangkan dalam sesi berkenaan. Pihak MyAgeing juga menyatakan kesediaan mereka bagi kerjasama melibatkan program pemakanan berkaitan warga emas seperti Program *Meals on Wheels*.

## b. Webinar Saintifik Nutritionist KKM: *Updates on Geriatric Health and Nutrition Concerns*

Sebanyak dua siri webinar telah dijalankan secara atas talian iaitu pada 22 November 2022 dan 13 Disember 2022. Webinar ini diadakan kepada Pegawai Sains (Pemakanan) untuk memberi pendedahan terhadap perkhidmatan kesihatan geriatrik serta memberi maklumat terkini dalam perancangan program berkaitan warga emas.

**Jadual 20:**  
**Ringkasan Webinar Siri 1 dan Siri 2**

Webinar	Skop Webinar	Penceramah
Siri 1 Tarikh: 22 November 2022 Bilangan penyertaan: 92 orang	Memfokuskan kepada dasar dan polisi yang berkaitan warga emas	<ul style="list-style-type: none"><li>• Encik Mohd Razman Achmadi Muhammad Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat</li><li>• Dr. Nurhayati Mardiah Haji Manut Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga Kementerian Kesihatan Malaysia</li><li>• Encik Tarmidi Nawawi Abd Razak Ketua Penolong Pengarah Kanan Jabatan Kebajikan Masyarakat</li><li>• Puan Rohida Saleh Hudin Pegawai Sains (Pemakanan) Negeri Jabatan Kesihatan Negeri Kedah</li></ul>
Siri 2 Tarikh: 13 Disember 2022 Bilangan penyertaan: 67 orang	Memberi pendedahan terhadap perkhidmatan warga emas oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta perkongsian teknikal berkaitan pengurusan pemakanan warga emas.	<ul style="list-style-type: none"><li>• Encik Shahir Shamshuddin Pegawai Sains (Pemakanan) Pejabat Kesihatan Daerah Batu Pahat, Jabatan Kesihatan Negeri Johor</li><li>• Encik Justin Cheah Marketing Director Kechara Soup Kitchen</li><li>• Dr. Norlela Md Hussin Pegawai Sains Pemakanan Negeri JKN Negeri Sembilan</li><li>• Puan Nurul Ezzati Mohamed Nasir Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Bersama TEMAN Malaysia</li></ul>

### c. Lawatan Penyeliaan ke Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)

PAWE merupakan sebuah tempat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan bercorak pendampingan sosial (reaching out) dan pembangunan (developmental) kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara KPWK dengan agensi kerajaan yang lain serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Sehingga Disember 2022, terdapat sebanyak 143 buah PAWE di seluruh negara dan antara aktiviti / program yang disediakan di PAWE adalah seperti program keagamaan, program rekreasi, program terapi dan pemulihan, program ceramah kesihatan dan latihan atau kursus yang bersesuaian.

#### i. Lawatan Kerja ke PAWE Cheras Baru, Kuala Lumpur

Lawatan diadakan pada 21 Januari 2022 dan bertujuan untuk meninjau pelaksanaan aktiviti yang dijalankan dan juga penyediaan hidangan kepada peserta di PAWE Cheras Baru. Semasa lawatan dijalankan, lebih kurang 15 orang ahli sedang mengikuti aktiviti kelas agama dan kebanyakan daripada mereka adalah pesara yang tinggal sendirian di rumah. Aktiviti yang dijalankan di PAWE ini mendapat peruntukan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dengan peruntukan sebanyak RM6.00 sehari untuk kos makan bagi seorang ahli.

#### ii. Lawatan Kerja ke PAWE Wakaf Pak Ngah Atan, Seremban

Lawatan ini diadakan pada 23 Ogos 2022. Tujuan lawatan adalah untuk meninjau pelaksanaan aktiviti di PAWE tersebut dan memberi pendidikan berkaitan pemakanan sihat kepada ahli PAWE berkenaan. Seramai 20 orang ahli PAWE telah terlibat dalam aktiviti seperti berikut:

- Ceramah Pemakanan Sihat - "Pemakanan Sihat Merentasi Usia Emas"
- Aktiviti fizikal senaman chairobics
- Permainan interaktif- Magnetic Board Pinggan Sihat Malaysia

**Imej 4:**  
**Gambar Aktiviti Program Warga Emas Sepanjang Tahun 2022**





# **CAWANGAN**

## **PEMAKANAN KOMUNITI DAN INTER AGENSI**



# SEKTOR KAWALAN OBESITI DAN PENYAKIT TIDAK BERJANGKIT BERKAITAN PEMAKANAN



## PENCAPAIAN TAHUN 2022


### 1. Program Pengurusan Berat Badan

Program Pengurusan Berat Badan Trim & Fit merupakan salah satu inisiatif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menangani masalah obesiti di tempat kerja. Program ini dirangka dengan pengisian modul yang diolah dan disesuaikan untuk pelaksanaan di tempat kerja merangkumi modifikasi diet, senaman dan motivasi melibatkan pelbagai profesyen seperti Pegawai Sains (Pemakanan), Pakar Perubatan Keluarga, Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi, Pegawai Psikologi dan Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisioterapi). Penglibatan pelbagai profesyen dalam satu pasukan di harap dapat memberi impak yang lebih optimum dan holistik.

#### a. Majlis Pelancaran Sambutan Minggu Obesiti Malaysia 2022 Sempena Sambutan Hari Obesiti Sedunia

Hari Obesiti Sedunia disambut setiap tahun pada tarikh 4 April. Tema sambutan pada tahun 2022 adalah *Lets Beat Obesity Together*. KKM telah bekerjasama dengan Persatuan Kajian Obesiti Malaysia atau lebih dikenali sebagai *Malaysian Society for the Study of Obesity (MASO)* untuk menjayakan sambutan tersebut. Sambutan Hari Obesiti Sedunia diserikan dengan Majlis Pelancaran Sambutan Minggu Obesiti Malaysia yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, Timbalan Menteri Kesihatan I bertempat di Sunway Velocity Mall Cheras, Kuala Lumpur pada 25 Mac 2022.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tempoh Sambutan Minggu Obesiti Malaysia iaitu:



## b. Pelancaran Modul Pengurusan Berat Badan Trim & Fit dan Seminar *Anti-Obes City*

Bahagian Pemakanan telah menganjurkan Seminar Anti-Obes City pada 12 Oktober 2022 di Dewan Serbaguna KKM. Jalinan kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan diperkukuhkan dalam membudayakan gaya hidup sihat bersempena dengan Sambutan Hari Sukan Negara yang diadakan setiap tahun pada bulan Oktober. Seminar ini disertai penjawat awam terdiri daripada 25 wakil kementerian, jabatan dan agensi perkhidmatan awam di Putrajaya. Pada masa yang sama, Yang Berhormat Menteri Kesihatan turut melancarkan Modul Program Pengurusan Berat Badan Trim & Fit yang sterusnya disampaikan kepada wakil kementerian/agensi yang hadir.

Mengambil peluang bersempena dengan majlis pelancaran dan seminar tersebut advokasi tentang Program Pengurusan Berat Badan Trim & Fit yang dijalankan di KKM disampaikan dengan harapan agar setiap kementerian atau jabatan yang hadir dapat melaksanakannya di fasiliti masing-masing dengan sokongan serta khidmat teknikal yang diberi secara percuma oleh Bahagian Pemakanan.

## c. Program Pengurusan Berat Badan Trim & Fit Tahun 2022


- Program Pengurusan Berat Badan Trim & Fit tahun 2022 : Mei 2022 dan tamat pada bulan Oktober 2022.
- 2 orang mentor yang terdiri daripada Pegawai Sains (Pemakanan) dan Pegawai Belia dan Sukan.
- Objektif program : Para peserta dapat mencapai sasaran 10% penurunan berat badan dari berat badan asal sepanjang 6 bulan intervensi.




**Peserta : 65 orang penjawat awam daripada pelbagai agensi kerajaan di Putrajaya**

Di antara aktiviti yang diadakan sepanjang tahun 2022 adalah:						
Saringan Kesihatan, Kecergasan & Antropometri	Seminar <i>Trim &amp; Fit</i>	Pertandingan Masakan Pilihan <i>Nutritionist</i>	Aktiviti Bacaan Label Produk dan Pilihan Lebih Sihat	Aktiviti Senaman Akuarobik	Aktiviti Pendakian di Bukit Kiara, Kuala Lumpur dan Bukit Melati, Negeri Sembilan	Senaman Mingguan pada setiap hari Selasa dan Khamis sepanjang tempoh 6 bulan intervensi

**Rajah 33:**  
**Tren Peratus Penurunan Peratus Berat Badan Bagi Tahun 2020 hingga 2022**




**Cadangan bagi menambahbaik program pengurusan berat badan adalah:**





## 2. Inisiatif Cara Hidup Anda Terbaik (C-HAT)

Inisiatif C-HAT merupakan hasil kolaborasi pintar Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai salah satu strategi untuk menangani masalah obesiti di kalangan pelajar sekolah dengan menggunakan PIBG/ PIBKS yang dilatih sebagai duta atau agen perubahan untuk memupuk dan melaksanakan aktiviti-aktiviti ke arah amalan pemakanan dan gaya hidup sihat di sekolah. Pengetahuan dan kesedaran kesihatan di kalangan ibu bapa dan guru amat penting untuk mewujudkan perubahan tingkah laku terhadap murid sekolah. Sekolah juga adalah tempat terbaik untuk melaksanakan program intervensi kesihatan dengan pendekatan pelbagai bidang, termasuk pendidikan pemakanan, pengubahsuaian tingkah laku dan latihan. Ini adalah kerana anak-anak telah mula berdikari dengan pemilihan makanan dan aktiviti sendiri.

## Objektif inisiatif C-HAT



## Strategi pelaksanaan inisiatif C-HAT



Inisiatif C-HAT menjadi *Key Performance Indicator* (KPI) Pengarah Bahagian Pemakanan pada tahun 2022, iaitu; Peratus PIBG yang Mempunyai Jurulatih Utama (JU) C-HAT (Cara Hidup Anda Terbaik) Melaksanakan Aktiviti Pemakanan Dan Kesihatan dengan sasaran KPI 50 peratus. Sehingga Disember 2022, seramai 87 orang JU C-HAT dari 72 PIBG sekolah di seluruh Malaysia. Seramai 48 orang JU C-HAT dari 37 PIBG sekolah telah melaksanakan pelbagai aktiviti C-HAT pada tahun 2022.

### Trend Pencapaian Aktiviti C-HAT

Disebabkan KPI Inisiatif C-HAT berbeza sejak pelaksanaannya, maka tren pencapaian 3 tahun tidak dapat dibandingkan. KPI Inisiatif C-HAT pada tahun 2019 dan 2020 adalah Peratus Daerah Yang Melaksanakan Sekurang-Kurangnya 1 Aktiviti C-HAT, dengan sasaran 100 peratus daerah melaksanakan aktiviti ini. Pada tahun 2019, 39/ 150 (26%) daerah telah menjalankan sekurang-kurangnya 1 aktiviti C-HAT, dengan 256 aktiviti C-HAT telah dijalan di seluruh Malaysia. Walaupun dilanda dengan Pandemik Covid-19 seluruh dunia pada tahun 2020, pencapaian meningkat kepada 278 aktiviti yang telah dijalankan di 86/ 150 (57.3%) daerah di seluruh Malaysia.

KPI Inisiatif C-HAT pada tahun 2021 dan 2022 pula adalah Peratus PIBG yang Mempunyai Jurulatih Utama (JU) C-HAT (Cara Hidup Anda Terbaik) Melaksanakan Aktiviti Pemakanan dan Kesihatan. Sasaran bagi tahun 2021 ialah 100% manakala pada tahun 2022, sasaran diturunkan kepada 50%. Sebanyak 37 daripada 72 (51.4%) PIBG yang mempunyai JU telah melaksanakan aktiviti C-HAT.

**Jadual 21 :**

#### **Pencapaian Pelaksanaan Aktiviti C-HAT oleh JU C-HAT mengikut negeri bagi tahun 2022**

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Bil. JU</b>	<b>Aktiviti yang dijalankan</b>	<b>Bil. PIBG mempunyai JU</b>	<b>Peratus (%)</b>
1.	Perlis	0	0	0	0
2.	Kedah	5	3	5	60
3.	Pulau Pinang	9	4	8	50
4.	Perak	3	1	3	33.3
5.	Selangor	1	1	1	100
6.	WP KL & Putrajaya	13	6	11	54.5
7.	N. Sembilan	1	1	1	100
8.	Melaka	3	1	2	50
9.	Johor	23	7	17	41.2
10.	Pahang	2	2	2	100
11.	Terengganu	1	1	1	100
12.	Kelantan	4	1	4	25
13.	Sarawak	4	0	4	0
14.	WP Labuan	4	4	4	100
15.	Sabah	14	5	10	50
	<b>JUMLAH</b>	<b>87</b>	<b>37</b>	<b>72</b>	<b>51.4</b>

### **i. Taklimat / Latihan C-HAT**

Satu sesi taklimat telah diadakan pada 14 - 16 Julai 2022 di Hotel Amerin, Johor Bahru, Johor. Seramai 23 orang calon JU yang dijemput untuk menyertai taklimat ini dan seramai 16 orang peserta yang berjaya hadir dan dilantik sebagai JU. Peserta telah diajar menggunakan 5 modul C-HAT 2022.

### **ii. Mesyuarat Penyelarasan Program Pemerkasaan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi Menangani Masalah Obesiti di Sekolah (C-HAT)**

Pada tahun 2022, sebanyak 3 sesi mesyuarat bersama JU C-HAT secara bersemuka dan dalam talian telah diadakan pada 9 Februari 2022, 7 Julai 2022 dan 24 November 2022. Pelbagai isu C-HAT dibincangkan untuk memperkukuhkan lagi pelaksanaan aktiviti C-HAT. Pembentangan pelaksanaan aktiviti oleh JU C-HAT serta pelaporan aktiviti C-HAT secara lebih sistematik turut dibincangkan.

### **iii. Seminar Kesedaran Obesiti Kanak-kanak dan Sekolahku C-HAT, Johor**


Seminar ini telah diadakan pada 24 September 2022 di UTM Skudai, Johor. Seramai 400 peserta dari 160 buah sekolah rendah Daerah Johor Bahru. Peserta-peserta yang hadir terdiri daripada Timbalan Pengarah BPSH KPM, pegawai-pegawai Sains Pemakanan Daerah Johor Bahru, Pegawai Pendidikan Negeri dan Daerah Johor Bahru, guru-guru besar, Yang Dipertua (YDP) dan Naib Yang Dipertua (NYDP) PIBG, wakil-wakil PIBG dan PIBKS serta Jurulatih-jurulatih Utama C-HAT Johor Bahru. Seminar ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Aman bin Rabu (Pengarah Kesihatan Negeri Johor).

Pengisian seminar adalah mengenai situasi obesiti kanak-kanak di Malaysia, peranan PIBG/ PIBKS dalam membendung masalah obesiti kanak-kanak di sekolah, sesi perkongsian aktiviti C-HAT oleh guru besar SK Seri Perling 2 dan diakhiri dengan sesi forum Sekolahku C-HAT. Forum dikendalikan oleh Encik Mohd. Razif Muhamad Jamain, PSP Johor Bahru sebagai moderator dan ahli-ahli panel terdiri daripada Encik Nazli Suhardi Ibrahim, Timbalan Pengarah CPKIA, Bahagian Pemakanan KKM, Encik Shahrudin Zaniel Abidin, Pen. PPD HEM, PPD Johor Bahru dan Encik Samsol Hussin, JU C-HAT Johor.

### **iv. Mesyuarat Pucuk Pimpinan Persatuan CAKNA Sihat Malaysia bersama Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia**

Perbincangan telah diadakan pada 11 Februari 2022 bertempat di Perpustakaan Sheikh Idris Al-Marbawi, Masjid Negara Kuala Lumpur. Mesyuarat dihadiri oleh Encik Nazli Suhardi Ibrahim, Timbalan Pengarah dan Puan Fatimah Zurina, Ketua Penolong Pengarah dari Bahagian Pemakanan bersama ahli jawatankuasa tertinggi Persatuan CAKNA Sihat Malaysia (Puan Hajjah Zaimah Abdul Karim, Puan Mahani Ibrahim, Puan Zaleha Mat Zain dan Encik Dalvinder Singh Sidhu). Mesyuarat diadakan bagi membincangkan kerjasama antara Persatuan CAKNA Sihat Malaysia dengan Bahagian Pemakanan KKM dalam pelaksanaan aktiviti C-HAT bagi membendung masalah obesiti dan meningkatkan taraf kesihatan kanak-kanak di sekolah

## Cabaran/ Halangan dalam pelaksanaan program C-HAT



**Imej 5:**  
**Gambar Inisiatif C-HAT Tahun 2022**

### Aktiviti-aktiviti C-HAT yang telah dijalankan oleh JU C-HAT






**Seminar Kesedaran Obesiti Kanak-kanak dan Sekolahku C-HAT**




# SEKTOR KOLABORASI INDUSTRI



## PENCAPAIAN TAHUN 2022

### 1. Inisiatif Logo Pilihan Lebih Sihat, Healthier Choice Logo (HCL)




Semua maklumat berhubung dengan HCL boleh diperolehi melalui sistem atas talian, <https://myhcl.moh.gov.my/>. Orang awam boleh membuat semakan senarai produk yang telah diberi pengesahan penggunaan Logo HCL. Sementara itu, pihak industri boleh berkomunikasi dengan Sekretariat HCL dan membuat permohonan pengesahan penggunaan Logo HCL dengan mendaftar akaun dalam sistem atas talian HCL.

Bagi menilai keberkesanan program HCL, dua kajian telah dijalankan bagi mengenal pasti penerimaan dan keberkesanan program logo Healthier Choice Logo dalam kalangan pengguna dan industri makanan dan minuman. Hasil kajian mendapati bahawa program HCL mempunyai tahap penerimaan dan keberkesanan yang tinggi dalam kalangan industri makanan dan minuman apabila kajian menunjukkan peningkatan bilangan reformulasi produk lebih sihat. Manakala, kajian dalam kalangan pengguna juga menunjukkan tahap penerimaan dan keberkesanan yang tinggi.

### TREN PENCAPAIAN 3 TAHUN

Jumlah produk makanan dan minuman yang telah diberi pengesahan penggunaan Logo HCL juga meningkat sebanyak 36.3% dalam masa tiga tahun seperti yang dipaparkan dalam **Rajah 34**.

**Rajah 34:**  
Jumlah produk makanan dan minuman yang mendapat pengiktirafan HCL mengikut kumpulan makanan dari tahun 2020 hingga 2022



## 2. Penapisan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi Dan Produk Berkaitan

Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan edisi keempat menggariskan panduan bagi bahan maklumat dan label produk tersenarai dan makanan pelengkap. Pihak syarikat pengilang dan pengedar produk tersenarai dan makanan pelengkap perlu mengemukakan bahan maklumat dan label produk tersenarai dan makanan pelengkap kepada Jawatankuasa Penapisan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan produk Berkaitan untuk kelulusan di bawah Jawatankuasa ini.

Objektif proses ini adalah untuk memastikan semua bahan maklumat termasuk pelabelan berkaitan produk tersenarai dan makanan pelengkap untuk edaran kepada profesional kesihatan yang dihasilkan oleh pihak syarikat pengilang dan pengedar produk susu formula bayi, mematuhi Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan (PMBDPB).




Pihak Bahagian telah menerbitkan Buku Panduan Penapisan Bahan Maklumat, Label Produk Tersenarai dan Makanan Pelengkap yang telah diedarkan kepada pihak industri pada 8 Mac 2022. Penerbitan buku ini adalah bertujuan untuk menjelaskan perkara-perkara di bawah Perkara 6 Tata Etika dan sebagai panduan bagi memudahkan proses penghantaran permohonan penapisan bahan oleh pihak industri.

**Rajah 35** menerangkan proses penapisan dan pemberian kod kelulusan bagi tahun 2022. Kesemua maklum balas telah diberikan kepada syarikat dalam tempoh 14 hari bekerja selepas Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Tata Etika dijalankan selaras dengan Piagam Pelanggan Bahagian Pemakanan.


Selain itu, pihak Jawatankuasa Penapisan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan turut menerima permohonan lanjutan kod kelulusan daripada 6 buah syarikat pada tahun 2022. Permohonan ini melibatkan 31 label (12 rumusan bayi, 10 rumusan susulan, 8 rumusan khas dan 1 rumusan sedia diminum). Kesemua permohonan tersebut telah diluluskan lanjutan kod kelulusan dengan tempoh lanjutan maksimum selama 6 bulan.

Tren bilangan permohonan yang dikemukakan untuk penapisan semakin meningkat dalam 3 tahun ke belakang iaitu sebanyak 79 bahan bagi tahun 2020, 85 bahan bagi tahun 2021 dan sebanyak 133 bahan bagi tahun 2022 (**Rajah 36**). Jumlah kod kelulusan yang dikeluarkan juga meningkat selaras dengan peningkatan bahan yang dikemukakan iaitu sebanyak 42 (2020), 76 (2021) dan 97 (2022).

**Rajah 36:**  
**Tren Permohonan Penapisan dan pemberian kod kelulusan 2020-2022**



**Rajah 35:**  
**Ringkasan Penapisan Bahan Maklumat Berkaitan Produk Tersenarai Dan Makanan Pelengkap**  
**Oleh Jawatankuasa Penapisan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi Dan Produk Berkaitan**  
**(Januari – Disember 2022)**



**Jadual 22 :**  
**Ringkasan Laporan Proses Penapisan Produk Terserai Dan Makanan Pelengkap (Januari –  
Disember 2022)**

Proses Penapisan	Perkara	Bilangan
<b>Penerimaan bahan</b>	Jumlah bahan baru yang diterima	133
<b>Penapisan awal</b>	Jumlah bahan yang menepati senarai semak tapisan awal	11
	Jumlah bahan yang tidak menepati senarai semak	122
	Jumlah bahan yang tidak menepati senarai semak dan dikembalikan semula dengan penambahbaikan	110
	Jumlah bahan yang tidak menepati senarai semak dan tidak dikembalikan semula	12
	Jumlah keseluruhan bahan yang menepati senarai semak	121
	Jumlah bahan yang dibawa ke mesyuarat tahun 2022	96
	Jumlah bahan yang dimajukan ke mesyuarat tahun 2023	25
<b>Penapisan Mesyuarat Jawatankuasa Penapisan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan</b>	Jumlah keseluruhan bahan yang dibincangkan dalam mesyuarat tahun 2021	98
	Bahan yang menepati senarai semak tahun 2022	96
	Bahan yang dimajukan daripada tahun 2021	2
	Jumlah bahan yang diluluskan mesyuarat	81
	Jumlah bahan yang tidak diluluskan mesyuarat	17
	Jumlah bahan yang dibuat penambahbaikan untuk kelulusan	16
<b>Pemberian kod kelulusan</b>	Jumlah bahan yang tidak dikemukakan semula	1
	Jumlah kod kelulusan dikeluarkan	97
	Jumlah bahan yang diluluskan dari mesyuarat tahun 2022	97
	Jumlah bahan penambahbaikan dari tahun 2021	0

### 3. Pelanggaran Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan

Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan telah dilancarkan pada 1 Ogos 2008. Matlamat keseluruhan Tata Etika ini adalah untuk mempertahankan keunggulan susu ibu dan membantu dalam pemakanan bayi yang selamat dan optima melalui perlindungan, penggalakan dan sokongan penyusuan susu ibu. Ia juga dijalankan bagi memastikan penggunaan produk-produk terserai iaitu rumusan bayi, rumusan susulan, rumusan khas, botol susu, puting susu dan puting kosong dan makanan pelengkap yang betul.

Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan perlu dipatuhi oleh pengilang dan pengedar produk terserai serta makanan pelengkap. Ia juga merangkumi profesional dan anggota kesihatan yang bertugas di dalam sistem penjagaan kesihatan. Oleh itu, pemantauan perlu dilakukan oleh pihak negeri bagi mengesan pelanggaran amalan etika tersebut. Dengan adanya pemantauan yang rapi ini maka diharap dasar Kementerian Kesihatan menyokong penyusuan susu ibu dapat dicapai.

Aduan-aduan pelanggaran Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan ditapis oleh pihak sekretariat berdasarkan kriteria-kriteria aduan seperti di bawah untuk siasatan dan tindakan yang selanjutnya:

- 1 •Aduan melibatkan produk rumusan bayi, rumusan susulan dan rumusan khas dan mana-mana produk lain yang dituju atau dipasarkan bagi pemakanan bayi sehingga umur 6 bulan.
- 2 •Makanan pelengkap dan mana-mana produk lain yang dituju atau dipasarkan bagi pemakanan bayi dari umur 6 bulan. Bagi aduan yang melibatkan promosi makanan pelengkap hanyalah yang melibatkan promosi di sistem penjagaan kesihatan.
- 3 •Produk-produk lain yang tidak termasuk dalam skop tetapi terdapat unsur-unsur yang menjurus kepada promosi produk tersenarai secara tidak langsung.
- 4 •Aduan dengan maklumat yang disertakan dengan bukti pelanggaran yang kukuh, lengkap dan jelas.
- 5 •Aduan melibatkan bahan keluaran syarikat yang masih relevan dengan syarikat/ aktiviti pemasaran syarikat berkenaan pada masa ini.

Maklumat lengkap berkenaan aduan, bukti pelanggaran dan penjelasan syarikat telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Disiplin Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pemakanan selaku wakil kepada Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Kementerian Kesihatan Malaysia. Daripada 104 aduan yang telah dibuat siasatan lanjut; ianya telah dirumuskan kepada sebanyak 30 bahan aduan pelanggaran yang melibatkan sebanyak 16 buah syarikat yang terdiri daripada 2 buah syarikat makanan pelengkap dan 14 buah syarikat peralatan penyusuan. Kesemua 30 bahan aduan tersebut telah dibawa ke perbincangan Mesyuarat Jawatankuasa Disiplin Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan tahun 2022.

**Jadual 23 :**  
**Agihan Aduan Mengikut Sumber Pengadu**

Bil.	Negeri	Bilangan Aduan diterima	Bilangan Aduan Yang Dibuat Siasatan Lanjut		Bilangan Aduan Di Bawah Kategori Tertentu (*Rujuk Jadual 2)		Aduan Pelanggaran Oleh Profesional/ Anggota Kesihatan	
			Bilangan	%	Bilangan	%	Bilangan	%
1.	Kedah	0	0	0	0	0	0	0
2.	Pulau Pinang	20	5	25	14	70	1	5
3.	Perak	19	10	52.6	8	42.1	1	5.3
4.	Selangor	43	13	30.2	30	69.8	0	0
5.	Pahang	17	6	35.3	11	64.7	0	0
6.	Kelantan	0	0	0	0	0	0	0
7.	Terengganu	14	1	7.1	11	78.6	2	14.3
8.	Melaka	0	0	0	0	0	0	0
9.	Johor	0	0	0	0	0	0	0
10.	WP KL & Putrajaya	0	0	0	0	0	0	0
11.	WP Labuan	69	17	24.6	47	68.1	5	7.2
12.	Sabah	83	45	54.2	9	10.8	29	34.9
13.	Sarawak	12	5	41.7	7	58.3	0	0
14.	Syarikat Pesaing	2	2	100	0	0	0	0
15.	Individu Perseorangan	2	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>281</b>	<b>104</b>	<b>37</b>	<b>138</b>	<b>49.1</b>	<b>39</b>	<b>13.9</b>

Jadual 24 :  
 Bilangan Aduan Di Bawah Kategori Tertentu Yang Tidak Dibuat Siasatan Lanjut

Negeri	Bilangan Aduan Di Bawah Kategori Tertentu	Kategori Bahan Aduan							Aduan Laporan Negeri Bertindih
		Aduan Tidak Disertakan Dengan Bukti Yang Jelas/Tidak Lengkap/Tiada Bukti	Aduan Tidak Melanggar Tata Etika	Aduan Bukan Di Bawah Skop Tata Etika	Syarikat Diadu Sedang Dalam Tindakan JK Disiplin Tata Etika	Label Telah Mendapat Lanjutan Tempoh Kod Kelulusan	Aduan Melibatkan Bahan Lama Syarikat	Tiada Alamat Pengilang/Pengedar	
Kedah	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Pulau Pinang	14	3	1	2	3	2	2	0	1
Perak	8	0	2	3	0	2	1	0	0
Selangor	30	1	0	3	0	4	0	15	1
Pahang	11	0	5	4	0	0	6	2	0
Kelantan	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Terengganu	11	2	3	0	2	0	1	1	2
Melaka	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Johor	0	0	0	0	0	0	0	0	0
WP KL & Putrajaya	0	0	0	0	0	0	0	0	0
WP Labuan	47	0	1	9	6	4	0	13	8
Sabah	9	4	0	0	0	0	1	4	0
Sarawak	7	0	0	1	0	0	1	5	0
Syarikat Pesaing	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Individu Perseorangan	1	0	0	0	1	0	0	0	0
Jumlah	138	10	12	22	12	12	18	40	12

Ringkasan Pelanggaran Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan yang dibincangkan bagi tahun 2021 mengikut kategori bahan aduan adalah seperti berikut:

Bil.	Kategori	Perkara yang dilanggar	
1.	Syarikat Makanan Pelengkap	6.1	Label makanan pelengkap hendaklah mematuhi Akta Makanan 1983, Peraturan-peraturan 1985, Akta Perihal Perdagangan 1972 dan Akta Kawalan Harga 1946. Bahan-bahan ini perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Penapisan untuk diberi kelulusan di bawah Tata Etika ini.
2.	Syarikat Produk Peralatan Penyusuan	6.5.1	Mengandungi amaran dalam Bahasa Malaysia iaitu "PENGGUNAAN BOTOL SUSU/ PUTING SUSU/ PUTING KOSONG BOLEH MENGGANGGU PENYUSUAN SUSU IBU" dalam huruf besar yang jelas dan tebal pada panel pameran utama, dengan saiz huruf tidak kurang daripada 10 mata saiznya. Saiz huruf yang lebih kecil tetapi tidak kurang daripada 2 poin saiz dibenarkan untuk puting susu yang dibungkus secara individu. Amaran ini boleh dicetak pada pelekat bungkusan. Memasukkan arahan bagi pembersihan dan pensterilan produk dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris dan boleh memasukkan terjemahannya ke dalam Bahasa lain. Tidak mengandungi gambar, grafik atau teks yang mencadangkan kesamaan produk dengan payudara ibu. Penggunaan gambar atau grafik bayi atau mana-mana bahagian tubuh bayi atau orang lain adalah tidak dibenarkan.
		4.6	Pengilang dan pengedar produk tersenarai hendaklah tidak mengiklankan atau mempromosikan produk-produk tersenarai di media massa.

Penalti telah dikenakan kepada 11 buah syarikat pengilang dan pengedar produk tersenarai yang berkaitan. 5 buah syarikat lagi tidak dikenakan penalti kerana aduan yang diterima adalah kali pertama yang membabitkan syarikat. Mesyuarat bersetuju agak advokasi diberikan terlebih dahulu kepada pihak syarikat sebelum sebarang tindakan penalti diambil.

Penalti yang dikenakan bergantung kepada keseriusan dan kekerapan pelanggaran Tata Etika yang pernah dilakukan oleh syarikat berkenaan. Rumusan penalti yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Disiplin Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan pada tahun 2022 adalah seperti berikut:

Penalti	Jumlah Syarikat
7.7 (i) : Amaran bertulis dengan salinan kepada syarikat induk dan Pengerusi Jawatankuasa Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan peringkat negeri	14
7.7 (ii) : Penggantungan penapisan semua bahan baru untuk satu hingga dua tahun.	0
7.7 (iii) : Pemberitahuan kepada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan UNICEF	12
7.7 (v) : Kenyataan akhbar	2
7.7 (vi) : Senarai hitam seperti memulaukan syarikat berkenaan dari tender-tender untuk masa akan datang bagi satu tempoh masa tertentu.	0
<b>JUMLAH PENALTI YANG DIPUTUSKAN PADA TAHUN 2022</b>	<b>28</b>


Ringkasan Keputusan Pelanggaran Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan adalah seperti berikut:

Kategori	Bilangan Syarikat	Bilangan Aduan	Bilangan Pelanggaran Diputuskan Sah	Bilangan Syarikat Yang Dikenakan Penalti	Bilangan Penalti dikenakan
Syarikat Makanan Pelengkap	2	10	9	2	4
Syarikat Peralatan Penyusuan	14	20	20	9	20
<b>Jumlah</b>	<b>16</b>	<b>30</b>	<b>29</b>	<b>11</b>	<b>24</b>


Berdasarkan tren pencapaian selama 3 tahun ke belakang, jumlah pelanggaran oleh syarikat adalah sedikit menurun pada tahun 2021 (**Rajah 37**). Ini kerana situasi pandemik Covid-19 yang menyukarkan pihak pengawas untuk menjalankan pemantauan pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, bahan aduan dan jumlah pelanggaran adalah meningkat pada tahun 2022. Justeru, pemantauan dan advokasi berterusan masih perlu dijalankan bagi memastikan kepatuhan pihak syarikat terhadap pelaksanaan Tata Etika ini.

Pemantauan Tata Etika di peringkat negeri perlu diteruskan secara konsisten dan laporan pemantauan hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia seperti yang telah ditetapkan. Pihak negeri diharap dapat memperkukuhkan lagi pelaksanaan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan di peringkat negeri masing-masing bagi memastikan Tata Etika ini sentiasa dipatuhi oleh pihak yang berkenaan dalam mempertahankan dan melindungi keunggulan penyusuan susu ibu dan membantu pemakanan bayi yang selamat dan optima di Malaysia.

**Rajah 37:**  
**Jumlah Pelanggaran Mengikut Kategori Syarikat**



# SEKTOR PERKHIDMATAN DAN ADVOKASI PEMAKANAN



## PENCAPAIAN TAHUN 2022

### 1. Pemakanan Sihat Di Pasar Raya

Pemakanan sihat boleh bermula di pasar raya kerana pasar raya merupakan tempat tumpuan orang ramai untuk mendapatkan bekalan asas kepada pemakanan seisi keluarga. Oleh itu, pemilihan bahan makanan di pasar raya boleh menentukan jenis makanan yang dimakan di rumah dan seterusnya boleh mempengaruhi tahap kesihatan keluarga.

Aktiviti Promosi Pemakanan Sihat di Pasar Raya merupakan satu aktiviti pendidikan pemakanan sihat yang menggunakan pendekatan secara komunikasi dua hala dan lebih praktikal. Aktiviti ini diwujudkan bagi memenuhi keperluan orang ramai bagi mendapatkan maklumat pemakanan yang tepat semasa membuat pemilihan untuk membeli bahan makanan di pasar raya. Aktiviti Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya merupakan aktiviti utama dalam Promosi Pemakanan Sihat di Pasar Raya. Terkini, aktiviti kembara ini menggunakan modul terbaharu iaitu Modul Pelaksanaan Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya.



Modul ini telah ditambahbaik dari segi pelaksanaan aktiviti kembara dengan menyediakan 4 jenis kaedah pelaksanaan aktiviti kembara yang lebih menarik dan interaktif iaitu *NutriRace*, *Food Hunt*, *MyNutriTrolley* dan *Mobile Mart*. Pemilihan kaedah aktiviti kembara yang ingin dijalankan bergantung kepada kesesuaian tempat (saiz/ keluasan pasar raya), bilangan peserta dan kapasiti Pemandu Kembara (Pegawai Sains Pemakanan). Pada tahun 2022, sebanyak 59 buah pasar raya telah diliputi di mana Aktiviti Kembara Pemakanan Sihat telah dijalankan. Antara pasar raya yang telah memberi persetujuan kerjasama bagi pelaksanaan aktiviti kembara pemakanan sihat di pasar raya termasuklah Pasar Raya Giant, Aeon Co., Lotus's Stores, Tunas Manja Group, TF Value, Econ Save dan Bataras.

## PENCAPAIAN PERINGKAT BAHAGIAN PEMAKANAN

### a. Arahan Pelaksanaan Reten Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya KPS 201 Pind.2020 dan KPS 202 Pind.2020

Surat arahan pelaksanaan reten dan format reten yang telah ditambahbaik iaitu Reten Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya KPS 201 Pind.2020 dan KPS 202 Pind.2020 telah diedarkan ke negeri pada 23 Februari 2022 bagi membolehkan Pegawai Sains Pemakanan di lapangan menggunakan format tersebut bermula Mac 2022. Penambahbaikan reten dilakukan dengan mengubahsuaikan beberapa tajuk ruangan dalam reten sedia ada bagi memudahkan pengiraan kekerapan aktiviti dan bilangan peserta yang menyertai aktiviti kembara. Contoh reten terbaru bagi Reten Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya KPS 201 Pind.2020 dan KPS 202 Pind.2020 adalah seperti di **Lampiran 14 dan Lampiran 15**.

### b. Edaran Buku Modul Pelaksanaan Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya

Modul Pelaksanaan Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya baru yang telah siap dicetak telah diedarkan ke setiap negeri pada Oktober 2022 mengikut kuantiti yang telah ditetapkan sebagai rujukan Pegawai Sains Pemakanan dalam menjalankan aktiviti kembara pemakanan sihat di pasar raya.

### c. Acara Menandatangani Sijil Persetujuan Kerjasama Sebagai Pasar Raya NutriHub

Sebagai simbolik kerjasama yang terjalin antara pasar raya NutriHub dan Bahagian Pemakanan, KKM satu acara menandatangani sijil persetujuan kerjasama sebagai pasar raya NutriHub telah diadakan pada 3 Jun 2022 sempena Sambutan Bulan Pemakanan Peringkat KKM 2022. Acara ini telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia II. Ketua Pegawai Eksekutif/wakil pengurusan tertinggi setiap pasar raya telah dijemput bagi menandatangani sijil persetujuan kerjasama ini dengan disaksikan oleh Timbalan Menteri Kesihatan II.

### d. Pelantikan Pasar Raya sebagai Pasar Raya NutriHub









Mesyuarat Kerjasama Bagi Pelaksanaan Aktiviti Advokasi Pemakanan Sihat di Pasar Raya  
Tarikh : 7 April 2022

Objektif mesyuarat:

Memantap dan memperkukuh kerjasama yang telah terjalin dengan penglibatan beberapa pasar raya di samping mengadakan kerjasama dengan beberapa pasar raya baharu.

Pasar raya yang telah dilantik akan bertindak sebagai duta dalam membantu mempromosi pemakanan sihat di premis pasar raya masing-masing dengan kerjasama Pegawai Sains Pemakanan. Surat makluman kerjasama syarikat pasar raya bagi aktiviti promosi pemakanan sihat di premis pasar raya juga telah diedarkan ke negeri pada 27 Jun 2022.

Bahagian Pemakanan bertindak sebagai penyelaras antara pasar raya NutriHub dan Pegawai Sains Pemakanan di negeri dalam memastikan pasar raya berupaya menjalankan aktiviti pemakanan di premis mereka dengan bantuan Pegawai Sains Pemakanan di lapangan. Senarai pasar raya yang dilantik adalah seperti berikut:

Pasar Raya Giant 	TF Value 
Aeon Co. 	Econ Save 
Aeon Big 	Bataras 
Lotus's Stores 	Pantai Selamat 

### e. Aktiviti Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya Aeon Cheras Selatan

Salah satu aktiviti interaktif yang telah dijalankan sempena Sambutan Bulan Pemakanan adalah aktiviti kembara pemakanan sihat di pasar raya. Aktiviti ini melibatkan Pegawai Sains Pemakanan negeri Selangor sebagai Pemandu Kembara dan peserta adalah di kalangan ahli KOSPEN Selangor.

## PENCAPAIAN PERINGKAT NEGERI


### a. Tahap Pengetahuan Peserta Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya

Daripada retan Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya KPS 202 yang dikumpul dan dianalisis, didapati seramai 1,714 orang peserta telah menyertai aktiviti kembara pemakanan sihat di pasar raya di seluruh Malaysia sepanjang tahun 2022. Daripada jumlah ini, seramai 1,519 orang yang telah mengambil ujian pra dan pasca. Ini adalah kerana terdapat sebilangan peserta warga emas yang menyertai aktiviti kembara tetapi tidak mengambil ujian tersebut. **Rajah 38** menunjukkan terdapat peningkatan markah memuaskan bagi soalan pra dari 80.5% markah kepada 91% markah bagi soalan pasca. Bagi markah tidak memuaskan juga turut menunjukkan penurunan iaitu dari 19.5% (pra) kepada 8.9% (pasca). Ini menunjukkan tahap pengetahuan peserta meningkat selepas menyertai aktiviti Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya.

### b. Aktiviti Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya

Pelaksanaan Aktiviti Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya (KPS) telah dijalankan di semua negeri. Aktiviti ini telah dijalankan meliputi 59 buah pasar raya pada tahun 2022. Secara kumulatif sehingga tahun 2022, sebanyak 150 buah pasar raya telah diliputi. Sasaran NPANM III 2016-2025 (National Plan of Action for Nutrition of Malaysia III, 2016-2025) bagi aktiviti ini adalah sekurang-kurangnya 100 buah pasar raya di seluruh Malaysia diliputi sehingga tahun 2025. Manakala sasaran aktiviti yang ditetapkan bagi setiap negeri adalah sekurang-kurangnya 6 aktiviti setahun. **Rajah 39** menunjukkan bilangan aktiviti Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya yang telah dijalankan sepanjang 2022 mengikut negeri.

**Rajah 38 :**  
Peratus bilangan peserta yang mendapat markah bagi penilaian pra dan pasca aktiviti Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya



**Rajah 39:**  
Bilangan aktiviti Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya yang dijalankan mengikut negeri bagi tahun 2022



Sumber: Bahagian Pemakanan 2022


**Jadual 25** menunjukkan senarai pasar raya yang telah bekerjasama dalam menjayakan aktiviti kembara pemakanan sihat di pasar raya. Daripada jadual di atas, kebanyakan aktiviti kembara pemakanan sihat diadakan di pasar raya Lotus's, Giant, AEON, Tunas Manja Group, Econsave, TF Value, Mydin, Bataras dan C-Mart.

**Jadual 25:**  
**Senarai Pasar Raya Yang Terlibat Dengan Aktiviti Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya dan Bilangan Aktiviti Yang dijalankan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2022**

Negeri	Nama Pasar Raya	Bil. Aktiviti	Jumlah
Perlis	C-Mart Arau	4	4
Kedah	Lotus's Kulim	1	15
	Lotus's Stargate Alor Setar	5	
	Lotus's Stargate Sg Petani Utara & Selatan	3	
	Lotus's Jitra	2	
	Lotus's Kulim	1	
	Pasar Raya Padang Terap	1	
	Pasaraya SK Fresh	1	
	Lotus's SP Selatan	1	
Pulau Pinang	Giant Bayan Baru	1	5
	Mydin Bertam	1	
	Lotus's Seberang Jaya	1	
	C-Mart, Simpang Ampat	1	
	Mydin, Kompleks BJ	1	
Perak	AEON Klebang	1	6
	TF Value Mart Kuala Kangsar & Sg Siput	4	
	Pasaraya Econsave Seri Iskandar	1	
Selangor	Pasaraya Giant Bandar Kinrara 5 Puchong	2	24
	AEON Mall Cheras Selatan	3	
	Lotus's Bukit Tinggi Klang	3	
	Pasar Raya TF Value Mart	4	
	Pasaraya Besar Giant Batu Caves	3	
	Lotus's IOI Mall Putrajaya	3	
	Pasaraya Lotus's Bukit Beruntung	3	
	Pasaraya Lotus's Jenjarom	3	
WP KL	Giant Setapak Jaya	3	6
	Lotus's Cheras	1	
	Lotus's Kepong	1	
	AEON Alamanda	1	
Negeri Sembilan	Giant Kuala Pilah	3	6
	Giant Senawang	3	
Melaka	Econsave Batu Berendam	6	6
Johor	Econsave Bakri	1	6
	NSK Tg. Agas	1	
	Lotus's Parit Raja	1	
	Econsave Pontian	1	6
	Econsave Kota Tinggi	1	
	Econsave Segamat	1	

Negeri	Nama Pasar Raya	Bil. Aktiviti	Jumlah		
Pahang	TMG Raub	1	6		
	TF Value Mart	1			
	TMG Mart One Bentong	1			
	TMG Mart Gambang	1			
	TMG Mall Temerloh	1			
	TMG Indera Mahkota	1			
	Kelantan	Giant Superstore, Tunjong		6	6
Terengganu	Pasaraya Giant Jerteh (Besut)	3	7		
	Pasaraya Nirwana Kuala Berang (Hulu Terengganu)	1			
	Mesra Mall	1			
	Giant Kuala Terengganu	2			
Sabah	Bataras Hypermarket Bandar Baru Keningau	1	7		
	Standard Supermarket, Kinarut	1			
	Bataras Supermarket, Putatan	1			
	Econsave Lahad Datu	1			
	Pasaraya Mydin, Sejati Ujana	1			
	Bataras Hypermarket Tamparuli	1			
	Servay Hypermarket Beaufort	1			
	Sarawak	Pasaraya Ah Hong Niah		1	3
		Emart Supermarket Riam		1	
Pasaraya Mydin Samariang		1			
WP Labuan	-	-	-		
<b>Jumlah aktiviti</b>		<b>108</b>	<b>108</b>		

**Rajah 40:**  
**Trend Bilangan Aktiviti Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya yang dijalankan mengikut negeri bagi tahun 2020 hingga tahun 2022**



**Rajah 40** menunjukkan trend bilangan aktiviti Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya yang dijalankan di peringkat negeri. Hasil analisis mendapati kebanyakan negeri mencatatkan penurunan aktiviti dari tahun 2020 ke tahun 2021 disebabkan limitasi pergerakan dan aktiviti berkumpul di pasar raya akibat penularan Covid-19. Walau bagaimanapun, analisis juga menunjukkan terdapat peningkatan pelaksanaan aktiviti kembara dari tahun 2021 ke tahun 2022 selepas pasar raya memberi kebenaran bagi mengadakan aktiviti berkumpul.

Kesemua negeri menunjukkan peningkatan aktiviti dari tahun 2021 ke tahun 2022 kecuali Wilayah Pesekutuan Labuan. Wilayah Pesekutuan Labuan tidak dapat menjalankan aktiviti kembara di pasar raya kerana kebanyakan pasar raya yang terdapat di Labuan adalah bersaiz kecil dan sukar untuk menjalankan aktiviti berkumpul dan menggantikan aktiviti tersebut dengan mengedarkan sampul raya dengan mesej berkaitan pemakanan.

Secara keseluruhan, aktiviti Kembara Pemakanan Sihat di Pasar Raya bagi tahun 2022 telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan kerana hampir kesemua negeri berjaya menjalankan aktiviti kembara iaitu sebanyak 6 aktiviti setahun.

Bagi memastikan aktiviti kembara boleh terus dijalankan dengan lancar dan berkesan, kerjasama yang baik di antara pegawai yang mengendalikan aktiviti kembara dan pihak pengurusan pasar raya amat diperlukan. Pelbagai agensi lain juga boleh dilibatkan bagi menyebarkan aktiviti ini di kalangan masyarakat. Pihak negeri juga boleh lebih kreatif dan inovatif bagi memastikan aktiviti ini dapat diteruskan dan diperluaskan pada tahun-tahun akan datang.

Bahagian Pemakanan akan meneruskan kerjasama dengan pasar raya sedia ada dan mengadakan kerjasama bersama lebih banyak pasar raya lain yang berminat untuk bekerjasama dalam membantu menjalankan aktiviti advokasi pemakanan supaya maklumat pemakanan sihat dapat tersebar secara menyeluruh.





## 2. Aktiviti Pusat Maklumat Pemakanan

Penubuhan Pusat Maklumat Pemakanan telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan pada tahun 2003. Sejajar dengan persetujuan tersebut, pada tahun 2004 Pusat Maklumat Pemakanan pertama telah ditubuhkan di Bahagian Pemakanan, Aras 7, Blok E10, Kementerian Kesihatan Malaysia. Pada tahun 2007, Pusat Maklumat Pemakanan tersebut telah dipindahkan ke ruang legar lobi Aras 2, Blok E10, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Seterusnya pada tahun 2012, Pusat Maklumat Pemakanan dipindahkan ke Aras 1, Blok E3, Kementerian Kesihatan Malaysia. Manakala penubuhan dan pelaksanaan Pusat Maklumat Pemakanan di peringkat negeri di seluruh Malaysia bermula sejak tahun 2006.

Objektif penubuhan Pusat Maklumat Pemakanan adalah bagi menyediakan sumber rujukan pemakanan untuk membolehkan masyarakat memperoleh pengetahuan pemakanan yang tepat. Kaedah pelaksanaan aktiviti di Pusat Maklumat Pemakanan adalah bergantung kepada perancangan pegawai yang bertanggungjawab.

Aktiviti-aktiviti yang biasanya dijalankan di Pusat Maklumat Pemakanan adalah saringan status pemakanan, nasihat pemakanan dan penyebaran maklumat pemakanan melalui pelbagai pendekatan termasuk pameran pemakanan, laman sesawang, Facebook, Instagram dan Telegram. Pada tahun 2022, penyampaian maklumat pemakanan diteruskan dengan penggunaan kaedah digital secara atas talian melalui platform seperti Facebook, Zoom dan Google meet dan TikTok bagi memastikan rakyat terus mendapat maklumat pemakanan yang betul berkaitan pemakanan walau dimana berada.


### a. Garis Panduan Pusat Maklumat Pemakanan Cetakan Kedua diedarkan ke setiap negeri

Garis Panduan PMP telah dicetak dan diedarkan kepada semua PSP seluruh negeri pada Oktober 2022 sebagai rujukan dalam menjalankan aktiviti promosi pemakanan di Pusat Maklumat Pemakanan masing-masing.

### b. Pindaan Laporan Aktiviti Pemakanan di PMP

Sepertimana yang telah dipersetujui dalam mesyuarat Penyelarasan Program dan Aktiviti Promosi Pemakanan di Dapur Sihat Masyarakat dan Pusat Maklumat Pemakanan pada 6 September 2022, Bahagian Pemakanan telah meneliti dan membuat penambahbaikan terhadap format laporan aktiviti pemakanan sihat di Pusat Maklumat Pemakanan bagi merekodkan aktiviti yang dijalankan secara maya. Surat makluman pindaan Laporan Aktiviti Pemakanan di Pusat Maklumat Pemakanan telah diedarkan ke negeri pada 20 Januari 2023. Laporan ini digunapakai bagi merekodkan aktiviti yang dijalankan bermula Januari 2023.

**Rajah 41 :**  
**Trend bilangan aktiviti yang dijalankan di Pusat Maklumat Pemakanan di Malaysia bagi tahun 2020 - 2022**



**Rajah 41** menunjukkan sebanyak 5,639 aktiviti telah dijalankan oleh Pegawai Sains Pemakanan di Pusat Maklumat Pemakanan seluruh Malaysia bagi tahun 2022. Peningkatan bilangan aktiviti dari tahun 2020-2022 ini berkait rapat dengan pelaksanaan aktiviti promosi yang dijalankan secara maya melalui pelbagai platform contohnya melalui Live Facebook atau melalui aplikasi Zoom, Google meet, Instagram, Twitter dan juga Telegram.

### c. Senarai Pusat Maklumat Pemakanan di Seluruh Malaysia dan ringkasan aktiviti yang dijalankan

Sehingga 2022 terdapat 17 buah Pusat Maklumat Pemakanan di seluruh Malaysia. Senarai Pusat Maklumat Pemakanan dan ringkasan aktiviti yang dijalankan pada tahun 2022 adalah seperti di **Jadual 26**. Maklumat bagi pelaksanaan aktiviti di PMP mengikut negeri bagi tahun adalah seperti di **Lampiran 16**.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Pegawai Sains Pemakanan bagi menarik lebih ramai pelanggan untuk menyertai aktiviti pemakanan di PMP secara atas talian adalah sesi nasihat pemakanan, sesi live Facebook, webinar pemakanan, Sambutan Bulan Pemakanan Malaysia secara live di Facebook, kuiz pemakanan/ aktiviti interaktif dan penyebaran infografik maklumat pemakanan.

Terdapat juga negeri yang mengambil peluang untuk mengadakan program pengurusan berat badan secara atas talian seperti mengadakan aktiviti kecergasan secara atas talian di mana peserta pengurusan berat badan membuat aktiviti kecergasan secara virtual menggunakan aplikasi Zoom/ Google Meet.

**Jadual 26:**

#### **Senarai Pusat Maklumat Pemakanan di Seluruh Malaysia dan ringkasan aktiviti yang kerap dijalankan pada 2022**

Bil	Negeri	Alamat, nombor telefon & faks	Aktiviti yang dijalankan pada tahun 2022
1.	Ibu Pejabat, Bahagian Pemakanan	Pusat Maklumat Pemakanan Bahagian Pemakanan Kementerian Kesihatan Malaysia Aras 1, Blok E3, Parcel E, Presint 1, 62590 Putrajaya Tel: 03-8892 4473 Faks:09-88924511	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Nasihat pemakanan</li> <li>•Ceramah</li> <li>•Pertanyaan melalui telefon/ media sosial</li> <li>•Saringan status pemakanan</li> <li>•Pameran</li> <li>•Program pengurusan berat badan</li> <li>•FB Live</li> <li>•Edaran bahan pendidikan</li> <li>•Kunjungan pelawat</li> </ul>
2.	Kedah	Pusat Maklumat Pemakanan (Pusat Promosi Kesihatan) Jabatan Kesihatan Negeri Kedah Lebuhraya Darul Aman 06100 Alor Setar, Kedah Tel: 04-730 3837 Faks: 04-734 7307	<ul style="list-style-type: none"> <li>•RCP Berkumpulan</li> <li>•Ceramah</li> <li>•FB Live</li> </ul>
3.	Perak	Pusat Maklumat Pemakanan Klinik Kesihatan Gunung Rapat Jalan Raja Dr. Nazrin Shah Off Jalan Gopeng 31350 Ipoh, Perak Tel: 05-311 5813 Faks: 05-311 5808	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Edaran bahan pendidikan</li> <li>•Runding Cara Pemakanan Individu</li> <li>•Nasihat pemakanan</li> <li>•Runding Cara Pemakanan berkumpulan</li> <li>•Tayangan video</li> <li>•FB Live</li> <li>•Ceramah</li> <li>•Kuiz</li> <li>•Kajian/ soal selidik</li> <li>•Aktiviti kecergasan</li> </ul>
4.	Selangor	Pusat Maklumat Pemakanan Selangor Kampung Kelanang 42700 Banting Selangor	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Ceramah</li> <li>•Aktiviti kecergasan</li> <li>•Tayangan video</li> <li>•Kuiz/ Permainan interaktif</li> <li>•Edaran bahan pendidikan</li> <li>•Pertandingan</li> </ul> <p>*Digabungkan bersama aktiviti Dapur Sihat Masyarakat</p>

**Jadual 26:**  
**Senarai Pusat Maklumat Pemakanan di Seluruh Malaysia dan ringkasan aktiviti yang kerap dijalankan pada 2022**


Bil	Negeri	Alamat, nombor telefon & faks	Aktiviti yang dijalankan pada tahun 2022
5.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Pusat Maklumat Pemakanan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Jalan Cenderasari 50590, Kuala Lumpur Tel: 03-2694 0701 samb 256 Faks: 03-2694 0702	·Nasihat pemakanan ·Aktiviti kecergasan ·FB Live  *Digabungkan bersama aktiviti Dapur Sihat Masyarakat
6.	Negeri Sembilan	Pusat Maklumat Pemakanan Klinik Kesihatan Seremban 2, Jalan S2 A2 70300 Seremban 2, Negeri Sembilan. Tel: 06-762 6141 Faks: 06-761 2145	·Perpustakaan mini ·Tayangan video ·Nasihat pemakanan ·Edaran bahan pendidikan ·Kuiz ·Pertandingan ·FB Live
7.	Melaka	Pusat Maklumat Pemakanan Pejabat Kesihatan Daerah Melaka Tengah Jalan Bukit Baru 75150 Melaka Tel: 06-282 3760 Faks: 06-281 6219	·Runding Cara Pemakanan individu ·Runding Cara Pemakanan berkumpulan ·Ceramah ·Kuiz ·Kajian ·FB Live
8.	Johor	Pusat Maklumat Pemakanan Klinik Pesakit Luar Johor Bahru Jalan Mahmoodiah 80100 Johor Bahru Tel: 07-221 6564/ 07-221 6564 Faks: 07-222 3166	·Runding Cara Pemakanan Individu ·Nasihat pemakanan ·Ceramah ·Runding Cara Pemakanan Berkumpulan ·Edaran bahan pendidikan ·Kuiz ·Kajian ·FB Live
9.	Pahang	Pusat Maklumat Pemakanan Daerah Jerantut Klinik Desa Kuala Teh 27000 Jerantut, Pahang Tel: 09-266 7041 Faks: 09-266 5430	·Ceramah ·Tayangan video ·Kuiz ·Pertandingan ·Aktiviti kecergasan ·FB Live
10.	Kelantan	Pusat Maklumat Pemakanan Klinik Kesihatan Bandar Gua Musang 18300 Gua Musang Kelantan. Tel:09-912 1286 Faks: 09-912 1009	·Edaran bahan pendidikan ·Nasihat pemakanan ·RCP individu ·Ceramah ·Kuiz ·Tayangan video ·Kajian ·Seminar ·Pameran ·Perasmian ·Infografik ·FB Live
11.	Terengganu	Pusat Maklumat Pemakanan Klinik Bukit Payung 21400, Marang Terengganu  Tel: 09-618 2545 Faks: 09-266 5430	·Perpustakaan mini ·Edaran bahan pendidikan ·Runding Cara Pemakanan individu ·Ceramah ·FB Live
12.	Labuan	Pusat Maklumat Pemakanan Klinik Kesihatan WP Labuan Peti Surat 81736 Jalan Hospital 87027 WP Labuan.	·Pemakanan Individu ·Ceramah ·Edaran bahan pendidikan ·Tayangan video ·FB Live

**Jadual 26:**  
**Senarai Pusat Maklumat Pemakanan di Seluruh Malaysia dan ringkasan aktiviti yang kerap dijalankan pada 2022**

Bil	Negeri	Alamat, nombor telefon & faks	Aktiviti yang dijalankan pada tahun 2022
13.	Sabah	Pusat Maklumat Pemakanan Negeri Sabah Klinik Kesihatan Penampang Peti Surat 999 89507 Penampang, Sabah Tel : 088-725964 Faks: 088-725964	<ul style="list-style-type: none"> <li>·Edaran bahan pendidikan</li> <li>·Nasihat pemakanan</li> <li>·Runding Cara Pemakanan Individu</li> <li>·Runding Cara Pemakanan berkumpulan</li> <li>·Ceramah</li> <li>·Tayangan video</li> <li>·Aktiviti saringan</li> </ul>
14.	Sabah	Pusat Maklumat Pemakanan Klinik Kesihatan Ibu dan Anak Keningau, Pejabat Kesihatan Kawasan Keningau, Peti Surat 94, 89007 Keningau Sabah  Tel: 087-333725	<ul style="list-style-type: none"> <li>·Perpustakaan mini</li> <li>·Edaran bahan pendidikan</li> <li>·Nasihat pemakanan</li> <li>·Runding Cara Pemakanan Individu</li> <li>·Kuiz</li> <li>·Pertandingan</li> <li>·Tayangan video</li> <li>·Saringan</li> <li>·Lawatan</li> <li>·Pameran</li> </ul>
16.	Sarawak	Pusat Maklumat Pemakanan Klinik Kesihatan Tudan Miri d/a Pejabat Kesihatan Bahagian Miri, Jalan Temenggung Oyong Lawai Jau, 98000 Miri Sarawak  Tel : 085-442602 Faks: 085-422234	<ul style="list-style-type: none"> <li>·Edaran bahan pendidikan</li> <li>·Nasihat pemakanan</li> <li>·RCP individu</li> <li>·RCP berkumpulan</li> <li>·Ceramah</li> <li>·Kuiz/Permainan interaktif</li> <li>·Pertandingan</li> <li>·Tayangan Video</li> <li>·Kajian/ Soal Selidik</li> <li>·Aktiviti Kecergasan</li> <li>·Pertanyaan melalui telefon/ emel/ media</li> <li>·FB Live</li> </ul>
17.		Pusat Maklumat Pemakanan Klinik Kesihatan Petra Jaya Jalan Siol Kanan, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> <li>·RCP Individu</li> <li>·RCP Berkumpulan</li> <li>·Ceramah</li> <li>·Demonstrasi/ Hands-on</li> <li>·Pertandingan</li> </ul>


**Rajah 42** menunjukkan trend bilangan aktiviti yang dijalankan di PMP peringkat negeri. Analisa menunjukkan terdapat beberapa PMP yang mencatatkan peningkatan bilangan aktiviti yang dijalankan dari tahun 2020 hingga tahun 2022 iaitu PMP di negeri Perak, PMP Keningau Sabah, PMP Tawau Sabah, PMP Petra Jaya Sarawak dan PMP Wilayah Persekutuan Labuan. Peningkatan ini mungkin disebabkan oleh inisiatif yang dilakukan oleh Pegawai Sains Pemakanan di negeri tersebut iaitu menjalankan aktiviti secara atas talian tanpa kehadiran pelanggan secara fizikal ke PMP.

**Rajah 42 :**  
Trend bilangan aktiviti yang dijalankan di Pusat Maklumat Pemakanan di Malaysia mengikut negeri bagi tahun 2020 – 2022




Sumber: Bahagian Pemakanan, 2022

**Rajah 43 :**  
Aktiviti dan jenis aktiviti yang dijalankan di Pusat Maklumat Pemakanan bagi tahun 2022



**Rajah 44 :**  
Bilangan pelanggan Pusat Maklumat Pemakanan mengikut kategori bagi tahun 2022



**Rajah 43** menunjukkan bilangan aktiviti dan jenis aktiviti yang dijalankan di Pusat Maklumat Pemakanan (PMP) bagi tahun 2022. Hasil analisa laporan menunjukkan aktiviti Runding Cara Pemakanan Individu adalah aktiviti yang paling banyak dijalankan di Pusat Maklumat Pemakanan pada tahun 2022 iaitu sebanyak 1,921 (34%).

**Rajah 44** menunjukkan kategori pelanggan yang mengunjungi Pusat Maklumat Pemakanan bagi tahun 2022. Pengunjung paling ramai adalah dari kategori dewasa iaitu seramai 47,093 orang (71%).

Imej 6:  
Aktiviti Pusat Maklumat Pemakanan

Pameran pemakanan oleh Pusat Maklumat Pemakanan Negeri Terengganu



Saringan berat badan Pusat Maklumat Pemakanan Seremban



Aktiviti Pemakanan Pusat Maklumat Pemakanan Negeri Kedah



### 3. Advokasi Pemakanan Melalui Media Sosial

Aktiviti advokasi pemakanan melalui teknologi maklumat telah dijalankan di pelbagai platform media seperti media sosial, media elektronik, media cetak dan portal.


#### a. Aktiviti Advokasi Di Media Sosial

Aktiviti advokasi pemakanan melalui media sosial telah dijalankan di pelbagai saluran termasuklah Facebook, Instagram, Twitter, Youtube, Telegram dan Tik Tok. Mesej pemakanan telah disampaikan dengan cara yang santai melalui bahan advokasi seperti infografik, video pendek, penulisan mahupun perkongsian topik secara siaran langsung (Facebook Live). Aktiviti advokasi pemakanan menggunakan platform media sosial ini merupakan antara medium terpenting bagi penyaluran maklumat pemakanan yang lebih cepat, meluas dan menarik.

Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (*The National Plan of Action for Nutrition of Malaysia III*, NPANM) juga telah menetapkan beberapa sasaran dalam aktiviti advokasi pemakanan sihat melalui platform media sosial. Bagi tujuan ini, satu kumpulan Jawatankuasa Kerja Teknikal Media Sosial Pemakanan Kebangsaan telah dibentuk bagi memantapkan aktiviti advokasi pemakanan di platform media sosial. Selain itu juga, bagi menjenamakan bahan maklumat pemakanan melalui jenama NutritionistKKM agar maklumat lebih berkesan dapat disampaikan kepada masyarakat. Maklumat pemakanan yang betul dapat diperluaskan menggunakan platform media sosial rasmi.

Penjenamaan bahan-bahan advokasi pemakanan NutritionistKKM melalui jawatankuasa ini telah mendapat perhatian dan menjadi rujukan utama rakyat Malaysia termasuklah pihak media, institusi pengajian tinggi dan agensi-agensi kerajaan mahupun swasta. Penghasilan bahan-bahan standard pemakanan NutritionistKKM ini juga dapat diguna pakai oleh Pegawai Sains Pemakanan dalam menyampaikan maklumat pemakanan yang lebih menarik dan interaktif menggunakan platform media sosial.

Selain media sosial, aktiviti advokasi pemakanan turut dijalankan di pelbagai saluran media massa termasuklah di televisyen, radio, portal dan artikel. Antara aktiviti advokasi yang dijalankan adalah sesi temubual di program bual bicara di televisyen dan radio bagi pelbagai topik pemakanan semasa. Manakala artikel dan input berkaitan aktiviti dan program pemakanan dikemaskini secara berkala di Portal Rasmi Bahagian Pemakanan dan Kementerian Kesihatan Malaysia.



## Pencapaian Peringkat Kebangsaan

### Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Teknikal Media Sosial Pemakanan (2 siri)


- 8 Mac 2022 (Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia)
- 20 Julai 2022 (Hotel Swiss Garden, Kuala Lumpur)

### Taklimat Kemahiran Asas Grafik dan Komunikasi kepada Ahli Jawatankuasa Kerja Teknikal Media Sosial Pemakanan Kebangsaan

19 hingga 21 Julai 2022

**Rajah 45** menunjukkan jumlah *posting* pada tahun 2022 mengikut bulan. Sebanyak 527 *post* telah dimuatnaik setahun iaitu purata *posting* adalah sebanyak 43 *post* sebulan. *Posting* yang dimuat naik adalah bergantung kepada jadual tajuk yang telah dikenal pasti, isu pemakanan semasa dan perkongsian daripada sumber-sumber lain yang sahih. Bahan yang dimuat naik atau dikongsikan termasuklah infografik, video, live dan penulisan artikel.

**Rajah 45:**  
Jumlah *posting* di Facebook NutritionistKKM tahun 2022



**Rajah 46** menunjukkan bilangan penghasilan bahan advokasi NutritionistKKM pada tahun 2022 mengikut topik pemakanan. Sebanyak 276 bahan NutritionistKKM telah dihasilkan dan dikongsikan di semua platform media sosial iaitu Facebook, Instagram, Twitter, Telegram, Youtube dan Tik Tok mengikut kesesuaian. Bahan advokasi NutritionistKKM ini turut dikongsikan di platform media sosial rasmi peringkat negeri.

**Rajah 46 :**  
Bilangan Penghasilan Bahan NutritionistKKM Tahun 2022 Mengikut Topik Pemakanan



**Jadual 27** menunjukkan senarai tajuk Facebook Live yang telah dijalankan pada tahun 2022. Sebanyak 18 siri Facebook Live telah diadakan dengan pelbagai topik pemakanan semasa yang telah dikendalikan oleh Pegawai Sains Pemakanan dan juga turut dihadiri oleh panel jemputan daripada pelbagai latar belakang. **Jadual 28** menunjukkan jumlah *posting* pemakanan mengikut mesej di dalam Panduan Diet Malaysia dan mengikut kategori umur. Kebanyakan bahan-bahan advokasi adalah topik pemakanan sihat umum yang boleh diguna pakai oleh semua peringkat umur, namun terdapat juga bahan yang mengandungi maklumat pemakanan khusus mengikut kumpulan umur tertentu seperti pemakanan bayi dan kanak-kanak, ibu hamil dan warga emas.

**Jadual 27 :**  
**Senarai Tajuk Facebook Live Tahun 2022**

<b>BIL</b>	<b>SENARAI TAJUK</b>	<b>TARIKH</b>	<b>PANEL</b>
1	Let's Beat Obesity	4 Mac 2022	Nutritionist Fitri & Dr Geeta
2	Wanita Sihat Melahirkan Generasi Sihat: Cabaran Untuk Wanita	11 Mac 2022	Nutritionist Zaiza, Nutritionist Fara, Puan Rohayati & Dr Raja Kamariah
3	Label Makanan: Bukan Sekadar Tarikh Luput	17 Mac 2022	Nutritionist Yee Nee & Nutritionist Munirah
4	MyChoice Vs MyMeal	23 Mac 2022	Nutritionist Hidayah, Nutritionist Munirah & Nutritionist Faezah
5	Perangi Covid -19 & NCD dengan Makan Secara Sihat	3 Jun 2022	Nutritionist Safya & Nutritionist Intan
6	Kembara Pasaraya Sihat	3 Jun 2022	PKD Selangor
7	Tumbesaran Anak: Pantau Jangan Tak Pantau	16 Jun 2022	Cik Kimberly, Dr Nurzalinda & Dr Denise Koh
8	Solusi Bantut: 1000 hari pertama yang perlu diketahui	30 Jun 2022	Nutritionist Safya, Nutritionist Zaiza & Nutritionist Shafawati
9	Kekal Hidrasi Dengan Air Kosong	7 Julai 2022	Nutritionist Fadwa, Nutritionist Adibah, Encik Zainal & Encik Ithnin
10	Booth Bahagian Pemakanan di MAHA 2022	6 Ogos 2022	Nutritionist Intan & Nutritionist Rozalina
11	Demonstrasi Masakan di MAHA 2022	6 Ogos 2022	Chef Naem
12	Aktiviti yang dijalankan di MAHA 2022	7 Ogos 2022	Nutritionist Safya
13	Demonstrasi Masakan di MAHA 2022	7 Ogos 2022	Chef Azrah & Nutritionist Dinie
14	Talkshow - Cara mengekalkan kesegaran dan nutrien sayur-sayuran	7 Ogos 2022	Nutritionist Safya & Nutritionist Dayana
15	Demonstrasi Masakan di MAHA 2022	7 Ogos 2022	Chef Naem
16	Penyusuan Susu Ibu- Ayah Cool, Ibu Hebat	12 Ogos 2022	Nutritionist Azlina, Matron Pachi & Nutritionist Diana
17	Otai Masih Sihat Di Usia Emas	13 Oktober 2022	Nutritionist Irma & Nutritionist Faiezah
18	Kenali Ultra-Processed Foods	13 Disember 2022	Nutritionist Rozalina & Nutritionist Ain Hanani

**Jadual 28:**  
**Jumlah Posting Pemakanan mengikut Mesej dalam Panduan Diet Malaysia dan mengikut Kategori Umur Bagi Tahun 2022**

NO	TOPIK PEMAKANAN	KATEGORI UMUR					Jumlah
		Kanak-kanak (< 5 tahun)	Pra sekolah/ Pelajar/ Remaja (5 - 17 tahun)	Dewasa (18 - 59 tahun)	Warga Emas (>60 tahun)	Wanita Hamil	
1	Pinggan Sihat Malaysia (Suku-Suku Separuh).	0	22	29	27	6	84
2	Makan pelbagai jenis makanan mengikut saranan pengambilan anda.	6	103	112	108	14	343
3	Kekalkan berat badan dalam lingkungan yang sihat.	1	23	29	27	5	85
4	Aktif secara fizikal setiap hari.	1	25	29	30	2	87
5	Makan nasi dan produk bijirin lain secukupnya (utamakan bijirin penuh) serta ubi-ubian.	1	30	33	31	4	99
6	Makan banyak buah-buahan dan sayur-sayuran setiap hari.	3	65	68	66	8	210
7	Makan ikan, daging, ayam, telur dan kekacang secara sederhana.	0	26	22	23	7	78
8	Ambil susu dan produk tenusu secukupnya.	2	18	14	14	4	52
9	Hadkan pengambilan makanan yang tinggi kandungan lemak dan kurangkan lemak serta minyak semasa menyediakan makanan.	4	45	54	52	3	158
10	Pilih dan sediakan makanan yang kurang garam dan sos.	4	37	51	44	2	138
11	Ambil makanan dan minuman yang kurang gula.	5	58	65	59	2	189
12	Minum banyak air setiap hari.	2	33	36	36	7	114
13	Guna maklumat pemakanan pada label secara berkesan.	1	11	17	14	0	43
14	Amalkan penyusuan susu ibu	3	0	0	0	7	10
15	Makanan pelengkap bayi	6	0	0	0	0	6
16	Pencegahan bantut	16	3	0	0	6	25
17	Pencegahan obesiti	3	107	119	114	3	346
18	Masak secara sihat dan selamat	1	34	51	40	0	126

## Pencapaian Peringkat Negeri

**Jadual 29** menunjukkan aktiviti Advokasi Pemakanan Melalui Media Sosial Negeri bagi tahun 2022 melalui platform Facebook rasmi pemakanan negeri. Kesemua Facebook negeri telah menjalankan aktiviti advokasi secara aktif melalui aktiviti memuat naik bahan advokasi sama ada dalam bentuk infografik, video dan juga penulisan kreatif melalui aktiviti Facebook Live. Bahan-bahan yang dimuat naik adalah terdiri daripada bahan-bahan yang dihasilkan di peringkat kebangsaan dan juga bahan yang dihasilkan oleh negeri. Aktiviti advokasi pemakanan melalui media sosial secara berkala dapat membantu meningkatkan jumlah Followers. Pelbagai aktiviti boleh dijalankan melalui Facebook Live termasuklah forum, webinar, demonstrasi masakan, soal dan jawab pemakanan dan aktiviti pameran pemakanan.


**Jadual 29:**  
**Aktiviti Advokasi Pemakanan Melalui Media Sosial Peringkat Negeri Bagi Tahun 2022**

NEGERI	NAMA FACEBOOK	JUMLAH POSTING	JUMLAH FB LIVE	JUMLAH FOLLOWERS
WP Kuala Lumpur & Putrajaya	Cawangan Pemakanan Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya	84	14	96,000
Perak	Nutritionist Perak	64	14	15,700
Johor	Pusat Maklumat Pemakanan Johor	109	15	12,431
Pahang	Pusat Maklumat Pemakanan Negeri Pahang	45	5	11,920
Terengganu	Pusat Maklumat Pemakanan Terengganu	198	10	8900
Kedah	Pusat Maklumat Pemakanan Negeri Kedah	17	24	8631
WP Labuan	Pusat Maklumat Pemakanan WP Labuan	98	17	8486
Negeri Sembilan	Pusat Maklumat Pemakanan Negeri Sembilan	430	10	8481
Selangor	Pusat Maklumat Pemakanan Negeri Selangor	148	12	6956
Pulau Pinang	Penang Nutritionist	115	12	6148
Melaka	Pusat Maklumat Pemakanan Negeri Melaka	161	6	6095
Sarawak	Kenyalang Nutri-Info: Pusat Maklumat Pemakanan Sarawak	352	15	5911
Kelantan	Nutritionist Klate	250	3	3400
Sabah	Nutritionist Sabah	184	12	3000
Perlis	Perlis Nutritionist	70	6	1832


**Rajah 47 dan 48** menunjukkan trend peningkatan *followers* Media Sosial Rasmi NutritionistKKM di Facebook, Instagram, Twitter dan Youtube pada tahun 2020-2022. Antara faktor yang membantu meningkatkan jumlah *followers* bermula tahun 2020 adalah penghasilan bahan-bahan advokasi secara berkala melalui penjenamaan 'NutritionistKKM'. Pembentukan bahan mengikut isu semasa dan yang sedang tular (viral) juga membantu aktiviti interaksi (engagements) seperti 'Like', 'Save', 'Share' dan 'Comment'.

Selain itu, ianya juga mungkin turut dipengaruhi berikutan fasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) semasa wabak COVID-19 yang mana penyampaian mesej dan maklumat adalah tertumpu melalui media sosial. *Followers* tertinggi media rasmi NutritionistKKM adalah di platform Facebook, diikuti platform Instagram, Twitter dan Youtube.

**Rajah 47 :**  
**Trend peningkatan Followers Facebook NutritionistKKM pada tahun 2020-2022**



**Rajah 48 :**  
**Trend peningkatan Followers Instagram, Twitter dan Youtube NutritionistKKM pada tahun 2020-2022**



**Cadangan Penambahbaikan bagi meningkatkan kualiti penyampaian maklumat pemakanan melalui media sosial**

**Peruntukan khusus untuk peningkatan kemahiran**

Latihan spesifik kepada Ahli Jawatankuasa Kerja Teknikal Media Sosial Pemakanan Kebangsaan

Sebagai motivasi kepada mereka yang dilantik untuk menghasilkan bahan kandungan (*content*) yang menarik

**Peralatan yang sesuai untuk media sosial kepada pegawai di lapangan**

Membantu aktiviti penghasilan bahan secara maya

Memastikan penyampaian maklumat lebih berkualiti selari dengan peredaran masa

**Komitmen yang tinggi daripada ahli diperlukan untuk capai sasaran**

Ahli JK yang dilantik bertindak sebagai penyelaras negeri

Semua aktiviti secara fizikal boleh mengguna pakai sepenuhnya platform media sosial mengikut kesesuaian

#### 4. Advokasi Sambutan Bulan Pemakanan

Sambutan Bulan Pemakanan Malaysia telah diperkenalkan sebagai usaha untuk menangani masalah kesihatan berkaitan pemakanan. Sambutan ini diterajui oleh Jawatankuasa Pemandu yang diketuai oleh Presiden Persatuan Pemakanan Malaysia dan mendapat sokongan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Ia disambut pada bulan April setiap tahun bermula pada 2002.

Sambutan ini adalah bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan mengamalkan pemakanan yang sihat di dalam memastikan tubuh kekal sihat dan dapat meningkatkan sistem pertahanan badan melawan penyakit berjangkit di samping mengelakkan risiko mendapat pelbagai penyakit tidak berjangkit yang lain.

Sambutan Bulan Pemakanan Peringkat Kebangsaan diadakan pada setiap tahun dengan memfokuskan kepada pemakanan dan gaya hidup sihat mengikut tema yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pemandu. Ia diadakan di setting komuniti seperti di dalam pasar raya dengan pengisian aktiviti yang bersesuaian agar mesej pemakanan sihat dapat disampaikan kepada masyarakat. Sambutan ini turut dijalankan di peringkat negeri yang diketuai oleh Pegawai Sains Pemakanan Negeri.

Sambutan Bulan Pemakanan turut mempunyai tema yang tersendiri. Tema yang diketengahkan setiap tahun adalah pelbagai tetapi menjurus kepada saranan untuk menjaga kesihatan dengan amalan pemakanan yang sihat. Selain itu, beberapa mesej utama juga ditetapkan yang berkisarkan kepada info pemakanan dan amalan kepada pemakanan sihat.

##### Tema Bulan Pemakanan Malaysia mengikut tahun:

Bermula tahun 2021, pihak Bahagian Pemakanan telah mengambil inisiatif ini untuk mengadakan sambutan Bulan Pemakanan Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia. Tema dan mesej yang diketengahkan adalah selari dengan sambutan di peringkat kebangsaan, tetapi diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti di peringkat lapangan.



## Pelaksanaan Bulan Pemakanan Malaysia Peringkat Bahagian Pemakanan

### a. Sambutan Bulan Pemakanan Malaysia Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia

Majlis Pelancaran dan Sambutan Bulan Pemakanan Malaysia peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia telah diadakan pada 3 dan 4 Jun 2022 bertempat di AEON Mall Cheras Selatan, Selangor. Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh YB Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, Timbalan Menteri Kesihatan I.

Pengisian utama semasa Majlis Pelancaran Bulan Pemakanan peringkat Kementerian ialah acara menandatangani MOU Nutri Hub bersama pasar raya yang bersetuju untuk memberi komitmen dalam menjalankan aktiviti pemakanan.

Antara pengisian aktiviti advokasi pemakanan lain yang dijalankan ialah:

- Kembara Pasar Raya Sihat
- Demonstrasi Masakan Sihat oleh Chef Selebriti
- Aktiviti reruai: Baca Label, Pemakanan Sihat, Saringan Status Pemakanan, Pameran Produk HCL dan Kuiz Teka Kalori
- Pertandingan mewarna kanak-kanak sekolah
- Zumba
- Facebook Live

Selain itu, sambutan peringkat kementerian telah mendapat kerjasama strategik daripada Syarikat AEON Corporation, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor, Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Langat, Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM) dan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM).

Anggaran kehadiran peserta ialah 500 orang yang terdiri daripada orang awam, pelajar sekolah dan pelajar IPT. Selain itu, jumlah penonton di platform media sosial mencecah 4.5 ribu views bagi sesi FB Live yang dijalankan.



## **b. Penglibatan Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Jawatankuasa Pemandu (*Steering Committee*) Bulan Pemakanan Malaysia Peringkat Kebangsaan**

Bahagian Pemakanan yang mewakili KKM sebagai agensi kerajaan yang menyokong sambutan Bulan Pemakanan Malaysia kelolaan Persatuan Pemakanan Malaysia telah dilantik menjadi ahli dalam Jawatankuasa Pemandu (*Steering Committee*). Wakil KKM berperanan sebagai pegawai teknikal yang perlu memastikan setiap program dan aktiviti yang dirancang adalah selari dengan hasrat dan polisi kerajaan.

Jawatankuasa ini akan bermesyuarat secara berkala untuk membincangkan logo Bulan Pemakanan Malaysia, tema dan mesej-mesej utama mengikut tema, merancang aktiviti semasa sambutan, membentuk bahan pendidikan seperti buku HEAL serta artikel untuk dimuatkan ke dalam ruangan surat khabar yang terpilih.

## **c. Agihan Peruntukan ke Negeri dan Status Penggunaan Peruntukan untuk Aktiviti Bulan Pemakanan Malaysia**

Setiap tahun, Bahagian Pemakanan telah mengagihkan sejumlah peruntukan kepada pihak negeri bagi menjalankan aktiviti dan sambutan Bulan Pemakanan Malaysia di peringkat negeri.

Untuk tahun 2022 sejumlah RM 103,500.00 telah diagihkan ke negeri dan sebanyak RM 56,620.00 telah dibelanjakan untuk menjalankan aktiviti iaitu sebanyak 54% penggunaan. Ini adalah kerana terdapat negeri yang melaksanakan Bulan Pemakanan Malaysia secara virtual yang tidak menggunakan peruntukan yang besar.

## **Pelaksanaan Bulan Pemakanan Malaysia Peringkat Negeri**

### **a. Sambutan Bulan Pemakanan Malaysia Peringkat Negeri**

Pada tahun 2022, semua negeri telah memberi komitmen menjalankan sambutan Bulan Pemakanan di peringkat negeri masing-masing. Pelbagai aktiviti advokasi telah dijalankan melalui pelbagai platform yang bersesuaian dengan kerjasama strategik intra dan inter agensi di peringkat negeri.

### **b. Aktiviti Advokasi Bulan Pemakanan Malaysia Di Lapangan**

Antara advokasi pemakanan yang dijalankan sempena sambutan Bulan Pemakanan Malaysia tahun 2022 ialah pertandingan video pendek, tayangan video advokasi pemakanan, pameran pemakanan yang memfokuskan kepada MDG 2020, Pinggan Sihat Malaysia, lemak, gula, garam, FAD diet, pelabelan kalori, air kosong, baca label dan minum susu. Selain itu, aktiviti Pemakanan Sihat di Pasar Raya, ceramah pemakanan, serta demonstrasi masakan serta saringan status berat badan turut dijalankan.

Terdapat juga beberapa pertandingan yang berkaitan pemakanan diadakan seperti pertandingan video pendek, pertandingan mukbang buah, treasure hunt, pertandingan memasak bento sihat ke tempat kerja, pertandingan masakan #SukuSukuSeparuh, pertandingan aerodance menggunakan lagu #SukuSukuSeparuh, pertandingan *Fit and Lead*, pertandingan *Masterchef Cilik*, pertandingan sandwich sihat, pertandingan *Nutriface* serta pertandingan mewarna.

**Imej 7:  
Aktiviti Sambutan Bulan Pemakanan Malaysia Di Peringkat Negeri**



**Johor**



**Terengganu**



**Negeri Sembilan**



**WP Kuala Lumpur / Putrajaya**



**Perlis**



**Pulau Pinang**

**c. Aktiviti Advokasi Bulan Pemakanan Malaysia Menggunakan Platform Media Sosial**

Selain daripada aktiviti yang dijalankan secara bersemuka, terdapat juga aktiviti yang dijalankan di platform media sosial negeri masing-masing.

**Rajah 49** menunjukkan pencapaian keseluruhan aktiviti advokasi sempena Bulan Pemakanan Malaysia peringkat negeri yang dijalankan melalui platform Facebook. Antara negeri yang menggunakan platform media sosial ialah negeri Kedah, Sabah, Pulau Pinang, Perak dan Kelantan.

**Rajah 49:**  
**Pencapaian aktiviti advokasi pemakanan sempena Bulan Pemakanan Malaysia di media sosial rasmi Pemakanan Negeri menggunakan platform Facebook.**



**Rajah 50** menunjukkan aktiviti advokasi Sambutan Bulan Pemakanan Malaysia menggunakan platform Facebook Negeri.

**Rajah 50:**  
**Aktiviti advokasi Sambutan Bulan Pemakanan Malaysia menggunakan platform Facebook Negeri.**

<b>Kedah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Facebook Pusat Maklumat Pemakanan Negeri Kedah</li> <li>•Jom Masak Bersama Nutritionist, <i>Chit Chat</i> Bersama Nutritionist serta pengumuman pemenang pertandingan video pendek, pertandingan mewarna dan pemenang Program <i>Trim and Fit</i></li> <li>•4.6 ribu <i>reach</i>, 6868 <i>views</i> dan 727 <i>shares</i></li> </ul>
<b>Sabah</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Facebook Nutritionist Sabah</li> <li>•tayangan video advokasi pemakanan yang merangkumi 14 mesej dalam Panduan Diet Malaysia.</li> <li>•2.1 ribu <i>views</i> dan 63 <i>shares</i></li> </ul>
<b>Pulau Pinang</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Facebook Nutritionist Penang</li> <li>•Sembang Santai: Perangi Covid-19 dan NCD dengan Makan Secara Sihat melalui platform Facebook</li> <li>•2.3 ribu <i>views</i></li> </ul>
<b>Sarawak</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Facebook Kenyalang Nutri Info: Pusat Maklumat Pemakanan Sarawak</li> <li>•ceramah dan Latihan Katering Sihat sempena bulan pemakanan kepada pengendali makanan di kantin dan asrama sekolah</li> <li>•13.4 ribu <i>views</i></li> </ul>
<b>Perak</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Facebook Nutritionist Perak</li> <li>•perkongsian input pemakanan berkaitan USI dan pengambilan garam harian serta perkaitan antara pemakanan sihat terhadap sistem imuniti badan</li> <li>•7.4 ribu <i>views</i> dan 90 <i>shares</i></li> </ul>
<b>Kelantan</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>•Facebook Pusat Maklumat Pemakanan Negeri Kelantan</li> <li>•aktiviti demonstrasi masakan</li> <li>•446 <i>views</i> dan 17 <i>shares</i></li> </ul>

## 5. Perkhidmatan Runding Cara Pemakanan (RCP) di Klinik Kesihatan

Runding cara pemakanan (RCP) merupakan salah satu intervensi pemakanan kepada pelanggan yang berisiko dan telah didiagnosa oleh Pegawai Perubatan dengan penyakit tersebut. Perkhidmatan RCP merupakan salah satu perkhidmatan yang ditawarkan di klinik kesihatan kerajaan yang dikendalikan oleh Pegawai Sains Pemakanan (PSP).

Objektif sesi RCP adalah untuk mengawal, memulih dan memperbaiki masalah kesihatan pelanggan berkaitan pemakanan yang diberi secara individu atau berkumpulan. Melalui sesi RCP, PSP akan memberikan saranan perubahan gaya hidup melalui modifikasi amalan pemakanan mengikut keperluan dan keadaan penyakit pelanggan. Kumpulan sasaran bagi sesi ini adalah pelanggan yang telah didiagnosa mempunyai masalah kesihatan dan perlu menghadiri sesi RCP. Pelanggan ini akan dirujuk kepada PSP oleh Pakar Perubatan Keluarga atau Pegawai Perubatan di klinik kesihatan kerajaan.

Perkhidmatan RCP di klinik kesihatan telah mula dijalankan pada tahun 2007 di 17 buah klinik kesihatan secara rintis di seluruh negara. Perkhidmatan ini telah berkembang dengan pesat dan sehingga tahun 2022, perkhidmatan RCP di klinik kesihatan telah dijalankan oleh seramai 342 orang PSP meliputi 349 buah klinik kesihatan.

### a. Perkhidmatan Runding Cara Pemakanan Secara Maya di Klinik Kesihatan

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK) telah menerbitkan Garis Panduan (GP) Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya di Klinik Kesihatan sebagai panduan kepada anggota kesihatan di klinik kesihatan yang terlibat di seluruh Malaysia. Mesyuarat GP Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya di Klinik Kesihatan bersama BPKK telah dijalankan pada 11 November 2022. Mesyuarat tersebut membincangkan skop dan peranan PSP yang kurang jelas dalam GP tersebut. Mesyuarat telah memutuskan bahawa PSP di lapangan menggunakan GP sedia ada sehingga pindaan GP tersebut diselaraskan oleh pihak BPKK bersekali dengan implementasi virtual clinic menggunakan sistem *Electronic Medical Record/ EMR* (gabungan antara hospital dan klinik kesihatan). Pihak BPKK juga telah bersetuju menambahbaik Reten Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya bagi membolehkan perkhidmatan konsultasi secara maya oleh PSP direkod dan dilaporkan dengan lebih khusus.

Surat rasmi makluman peranan PSP dalam perkhidmatan konsultasi secara maya (*virtual consultation services*) di klinik kesihatan serta pindaan Reten Perkhidmatan Konsultasi Secara Maya telah dikeluarkan pada 29 November 2022 dan diedarkan kepada Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri untuk makluman peringkat negeri, Pejabat Kesihatan Daerah dan juga klinik kesihatan.

### b. Penyelarasan Rujukan Kes bagi Runding Cara Pemakanan di Klinik Kesihatan

Bahagian Pemakanan telah mengenalpasti terdapat kekeliruan terhadap kes kanak-kanak berkeperluan khas yang dirujuk kepada Pegawai Dietetik dan PSP di lapangan. Berdasarkan kepada minit mesyuarat berkaitan penyelarasan isu-isu Perkhidmatan Pemakanan di Bawah Program Kesihatan Awam Bagi Profesion Pegawai Sains (Pemakanan) dan Pegawai Dietetik (Oktober 2018, Februari 2019 dan November 2021), runding cara di klinik kesihatan bagi pengendalian kes kanak-kanak berkeperluan khas (*children with special needs*) dijalankan oleh Pegawai Dietetik. Namun begitu, dalam minit Mesyuarat Pengukuhan Pelaksanaan 'PDK Ku Sihat' Skop Pemakanan dan Antropometri yang diadakan pada Oktober 2022 menyatakan bahawa bagi kes pelatih yang hadir di PDK dengan kurang upaya intelektual, dyslexia atau OKU penglihatan/ pendengaran tanpa co-morbid bersama malpemakanan, boleh dirujuk kepada PSP.

Susulan itu, Bahagian Pemakanan dan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK) telah bermesyuarat pada 21 Disember 2022 dan 26 Januari 2023 bagi membincangkan rujukan kes berkeperluan khas (*special needs*) yang kurang jelas di peringkat lapangan serta isu kekeliruan dalam rujukan kes menggunakan Borang Rujukan RCP di Klinik Kesihatan (KKM/ KK/ RCP/ 01/ 2019). Mesyuarat telah bersetuju terhadap penambahbaikan seperti di **Jadual 30** ke atas Borang Rujukan RCP.

### c. Pindaan Borang Rujukan Runding Cara Pemakanan di Klinik Kesihatan

Selari dengan keputusan mesyuarat bersama BPKK, kolum bagi *Individual with Special Needs (without underlying diseases)* telah ditambah dalam Borang Rujukan RCP di Klinik Kesihatan. Surat rasmi makluman penambahbaikan Borang Rujukan RCP telah dikeluarkan oleh BPKK pada 2 Februari 2023 dan diedarkan kepada Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri untuk makluman peringkat negeri, Pejabat Kesihatan Daerah dan juga klinik kesihatan.

#### d. Pindaan Laporan/ Reten Bulanan Runding Cara Pemakanan (RCP 201)

Beberapa pindaan telah dilakukan terhadap Laporan RCP (RCP 201) iaitu seperti berikut:

##### Penambahan kolom bagi RCP secara maya

Selari dengan keputusan mesyuarat seperti di Perkara 2.2, kolom bagi RCP yang dijalankan secara maya sama ada kepada individu atau berkumpulan telah ditambah.

##### Penambahan kolom bagi *Individual with Special Needs (without underlying diseases)*


Selari dengan keputusan mesyuarat seperti di Perkara 2.3, kolom bagi *Individual with Special Needs (without underlying diseases)* telah ditambah.

Pindaan laporan ini digunapakai dan dikuatkuasa sepenuhnya bermula Februari 2023. Laporan ini dihantar setiap bulan (pada minggu pertama bulan berikutnya) ke Bahagian Pemakanan. Surat rasmi makluman penambahbaikan Laporan/ Reten Bulanan Runding Cara Pemakanan (RCP 201) telah dikeluarkan oleh Bahagian Pemakanan bertarikh 2 Februari 2023 dan diedarkan kepada Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri untuk makluman PSP dan kakitangan berkaitan di peringkat negeri, daerah dan juga klinik kesihatan. Salinan Buku Rekod RCP (RCP 101), Laporan RCP (RCP 201) dan Panduan Mengisi Buku Rekod dan Laporan turut diemelkan bersama surat tersebut.


**Rajah 51** menunjukkan seramai 286,637 orang pelanggan yang telah menerima perkhidmatan RCP oleh Pegawai Sains Pemakanan di klinik kesihatan di seluruh Malaysia bagi tahun 2022. Bilangan pelanggan ini didapati meningkat sebanyak 18.01 peratus berbanding bilangan pelanggan (242,909) pada tahun 2021.

Peningkatan ini dipercayai berkait rapat dengan pelaksanaan RCP secara berkumpulan yang dilaporkan oleh PSP secara umum melalui verbal. Oleh yang demikian, liputan jumlah bilangan pelanggan RCP dalam satu masa adalah lebih ramai. Faktor lain yang mungkin menyumbang kepada peningkatan ini ialah pelaksanaan sesi RCP secara dalam talian yang berkemungkinan membantu pelanggan menerima RCP dengan lebih mudah tanpa perlu hadir ke klinik dan seterusnya mengurangkan keciciran kes (*defaulter*).


**Rajah 51:**  
**Trend bilangan pelanggan yang diberi khidmat Runding Cara Pemakanan oleh Pegawai Sains Pemakanan di Malaysia bagi tahun 2020 hingga 2022**



**Rajah 52:**  
Trend bilangan pelanggan yang diberi khidmat Runding Cara Pemakanan oleh Pegawai Sains Pemakanan mengikut negeri bagi tahun 2020 hingga 2022



**Rajah 53:**  
Peratusan kes yang dirujuk bagi perkhidmatan Runding Cara Pemakanan mengikut jenis kes bagi tahun 2022



Trend peningkatan yang berterusan dalam bilangan pelanggan yang menerima perkhidmatan RCP oleh PSP di klinik dapat dilihat di semua negeri bermula tahun 2020 sehingga 2022 (**Rajah 52**). Pada tahun 2022, seramai 342 orang PSP telah terlibat di dalam memberikan perkhidmatan RCP di klinik kesihatan seluruh Malaysia. Ini menjadikan secara puratanya seorang PSP memberikan perkhidmatan RCP kepada 70 orang pelanggan pada setiap bulan bagi 2022 (1: 70).

**Rajah 53** menunjukkan peratusan kes yang dirujuk dan dilihat oleh PSP dalam perkhidmatan Runding Cara Pemakanan mengikut jenis kes bagi tahun 2022.

**Jadual 31** menunjukkan secara terperinci bilangan dan peratusan bagi kes yang dirujuk dan dilihat oleh PSP dalam perkhidmatan Runding Cara Pemakanan mengikut jenis kes bagi tahun 2022. Secara keseluruhan, hampir kesemua (96.49) kes yang dirujuk telah diberikan RCP oleh PSP. Sebanyak 3.51% kes yang dirujuk tidak menerima RCP atas beberapa faktor seperti pelanggan tidak hadir mengikut tarikh janji temu, kecaciran (defaulter) dan perubahan tarikh janji disebabkan komitmen secara *ad hoc* oleh PSP sendiri.

**Jadual 30:  
Penambahbaikan Borang Rujukan Runding Cara Pemakanan Pindaan 2023 bagi Kes Rujukan  
kepada PSP**

BIL	PERKARA	SEBELUM PENAMBAHBAIKAN	SELEPAS PENAMBAHBAIKAN	JUSTIFIKASI
1	Perkara 1.1	<i>Cut off point</i> bagi kes <i>weight problem for prenatal, antenatal &amp; postnatal</i> : 1) BMI >27.5-34.9 kg/m <sup>2</sup> bagi <i>Prenatal</i> .	Dipinda <i>cut off point</i> bagi kes <i>weight problem for prenatal, antenatal &amp; postnatal</i> : 1) BMI 30-34.9 kg/m <sup>2</sup> bagi <i>Prenatal</i> .	Selari dengan <i>Consensus Clinical Guideline on Obesity in Pregnancy (National Technical Committee, Confidential Enquiries into Maternal Deaths, 2022)</i> .
	Perkara 1.2	2) BMI >27.5-34.9 kg/m <sup>2</sup> <i>at booking</i> bagi <i>Antenatal</i> .	2) BMI > 30 kg/m <sup>2</sup> <i>at booking</i> bagi <i>Antenatal</i> .	
	Perkara 1.3	3) BMI >27.5-34.9 kg/m <sup>2</sup> bagi <i>Postnatal</i> .	3) BMI 30-34.9 kg/m <sup>2</sup> bagi <i>Postnatal</i> .	
2	Perkara 3	Bagi kes <i>Iron Deficiency Anaemia (IDA)</i> , nyatakan paras hemoglobin yang spesifik iaitu Hb <10gm%.	Bagi kes <i>Iron Deficiency Anemia (IDA)</i> , tiada paras hemoglobin yang spesifik ditetapkan.	Paras hemoglobin bagi kes IDA adalah berbeza mengikut kumpulan umur dan jantina. Rujukan bagi IDA ini adalah berdasarkan paras hemoglobin IDA mengikut kumpulan umur dan jantina ( <i>cut off point</i> WHO, 2016).
3	Perkara 4.1 & 4.2	Tiada terma <i>without underlying diseases</i> bagi kes <i>Wt for Age &lt; -2 SD, Ht for Age &lt; -2 SD, BMI for Age &lt; -2 SD</i> dan <i>BMI for Age &gt; +2SD</i> .	Ditambah terma <i>without underlying diseases</i> hanya bagi kes <i>BMI for Age +2SD</i> .  Kekal tiada terma <i>without underlying diseases</i> bagi kes <i>Wt for Age &lt; -2 SD, Ht for Age &lt; -2 SD</i> dan <i>BMI for Age &lt; -2 SD</i> .	PSP masih perlu melihat kes <i>Wt for Age &lt; -2 SD (KBB), Ht for Age &lt; -2 SD (bantut)</i> dan <i>BMI for Age &lt; -2 SD (susut)</i> yang mempunyai <i>underlying diseases</i> jika kanak-kanak tersebut adalah berkeperluan sebagai penerima bakul makanan PPKZM. Ini adalah untuk memastikan pemantauan dan penilaian berterusan dijalankan oleh PSP.
4	Perkara 6	Tiada kes <i>Individual with Special Needs</i> bagi rujukan PSP.	Ditambah kes <i>Individual with Special Needs (without underlying diseases)</i> bagi rujukan PSP. Manakala kes <i>Individual with Special Needs (with underlying diseases)</i> bagi rujukan dietitian.	PSP boleh mengendalikan kes berkeperluan khas yang tidak memerlukan <i>Medical Nutrition Therapy (MNT)</i> , contohnya individu cacat penglihatan.  Manakala kes berkeperluan khas yang memerlukan MNT harus dirujuk kepada dietitian seperti yang termaktub dalam Akta AHP 774. Contoh kes adalah individu <i>down syndrome</i> .
		Terdapat kes <i>Children with Special Needs</i> bagi rujukan dietitian.	Ditukar terma <i>Children with Special Needs</i> kepada <i>Individual with Special Needs</i> .	Untuk memastikan pengendalian kes adalah berterusan merentasi kumpulan umur.
5	Ruangan Antropometri.	Tiada julat umur bagi Pediatrik.	Ditambah julat umur (0 - 18 tahun) bagi Pediatrik.	Supaya jelas ia turut merangkumi umur bagi kanak-kanak serta remaja.

**Jadual 31:**  
**Bilangan dan peratusan bagi kes dirujuk dan dilihat bagi Perkhidmatan Runding Cara**  
**Pemakanan mengikut jenis kes bagi tahun 2022**

Bil	Jenis Kes	Kumpulan Pelanggan	Kes Dirujuk n (%)	Kes Dilihat		
				Jumlah Kes n (%)	Kes Baru n (%)	Kes Ulangan n (%)
1	Kurang Berat Badan	Bayi & Kanak-kanak	85,969 (96.57)	82,131 (95.54)	43,402 (52.85)	38,729 (47.16)
		Ibu Antenatal (at booking)	2,465 (2.77)	2,386 (96.80)	2,195 (92.00)	191 (8.01)
		Ibu Prenatal	415 (0.47)	318 (77.00)	280 (88.05)	38 (11.95)
		Dewasa	88 (0.10)	83 (94.32)	64 (77.11)	19 (22.90)
		Ibu Postnatal	66 (0.08)	74 (112.13)	59 (79.73)	15 (20.27)
		Warga Emas	25 (0.03)	26 (104.00)	25 (96.16)	1 (3.85)
		Jumlah	89,026 (29.97)	85,018 (95.50)	46,025 (54.14)	38,993 (45.87)
2	Anemia	Ibu Antenatal	59,704 (96.60)	52,303 (87.61)	45,639 (87.26)	6,664 (12.75)
		Bayi & Kanak-kanak	1,090 (1.77)	1,093 (100.28)	876 (80.15)	217 (19.86)
		Murid Sekolah/ Remaja	680 (1.10)	475 (69.86)	463 (97.48)	12 (2.53)
		Dewasa	189 (0.31)	187 (98.95)	168 (89.84)	19 (10.16)
		Ibu Postnatal	120 (0.20)	105 (87.50)	92 (87.62)	13 (12.38)
		Warga Emas	27 (0.05)	26 (96.30)	25 (96.16)	1 (3.85)
		Jumlah	61,810 (20.81)	54,189 (87.67)	47,263 (87.22)	6,926 (12.79)
3	Bantut	Bayi & Kanak-kanak	35,794 (99.46)	39,922 (111.54)	19,948 (49.97)	19,974 (50.04)
		Murid Sekolah/ Remaja	197 (0.55)	152 (77.16)	135 (88.82)	17 (11.19)
		Jumlah	35,991 (12.12)	40,074 (111.35)	20,083 (50.12)	19,991 (49.89)
4	Susut	Bayi & Kanak-kanak	28,452 (95.60)	31,056 (109.16)	16,474 (53.05)	14,582 (46.96)
		Murid Sekolah/ Remaja	1,311 (4.41)	1,157 (88.26)	1,108 (95.77)	49 (4.24)
		Jumlah	29,763 (10.02)	32,213 (108.24)	17,582 (54.58)	14,631 (45.42)
5	Lain-lain	Wanita Prenatal hingga Postnatal	25,049 (87.53)	22,592 (90.20)	21,767 (96.35)	825 (3.66)
		Bayi & Kanak-kanak	2,082 (7.28)	2,352 (112.97)	1,596 (67.86)	756 (32.15)
		Dewasa	809 (2.83)	819 (101.24)	785 (95.85)	34 (4.16)
		Warga Emas	476 (1.67)	473 (99.37)	444 (93.87)	29 (6.14)
		Murid Sekolah/ Remaja	203 (0.71)	139 (68.48)	132 (94.97)	7 (5.04)
		Jumlah	28,619 (9.64)	26,375 (92.16)	24,724 (93.74)	1,651 (6.26)
6	Obesiti	Bayi & Kanak-kanak	7,668 (37.60)	7,344 (95.78)	4,516 (61.50)	2,828 (38.51)
		Ibu Antenatal (at booking)	5,451 (26.73)	5,251 (96.33)	4,936 (94.01)	315 (6.00)
		Murid Sekolah/ Remaja	5,250 (25.74)	4,023 (76.63)	3,867 (96.13)	156 (3.88)
		Dewasa	931 (4.57)	899 (96.57)	743 (82.65)	156 (17.36)
		Ibu Prenatal	692 (3.40)	681 (98.41)	652 (95.75)	29 (4.26)
		Ibu Postnatal	363 (1.78)	312 (85.95)	239 (76.61)	73 (23.40)
		Warga Emas	42 (0.21)	42 (100.00)	39 (92.86)	3 (7.15)
		Jumlah	20,397 (6.87)	18,552 (90.96)	14,992 (80.81)	3,560 (19.19)
7	Excessive Gestational Weight Gain (eGWG)	Ibu Antenatal	12,751 (4.30)	12,085 (94.78)	11,128 (92.09)	957 (7.92)
8	Inadequate Gestational Weight Gain (iCWG)	Ibu Antenatal	11,060 (3.73)	10,743 (97.14)	9,586 (89.23)	1,157 (10.77)
9	Lebih Berat Badan	Bayi & Kanak-kanak	4,593 (76.68)	4,474 (97.41)	3,073 (68.69)	1,401 (31.36)
		Murid Sekolah/ Remaja	1,043 (17.42)	914 (87.64)	879 (96.14)	35 (3.83)
		Dewasa	330 (5.51)	317 (96.06)	281 (88.65)	36 (11.36)
		Warga Emas	24 (0.40)	24 (100.0)	24 (100.0)	0 (0.0)
		Jumlah	5,990 (2.02)	5,729 (95.65)	4,257 (74.31)	1,472 (25.70)
10	Anemia Lain Berkaitan Pemakanan	Wanita Prenatal hingga Postnatal	656 (95.77)	643 (98.02)	612 (95.18)	31 (4.83)
		Bayi & Kanak-kanak	21 (3.07)	20 (95.24)	15 (75.00)	5 (25.00)
		Dewasa	4 (0.59)	7 (175.00)	4 (57.15)	3 (42.86)
		Murid Sekolah/ Remaja	4 (0.59)	3 (75.00)	3 (100.0)	0 (0.00)
Jumlah	685 (0.23)	673 (98.25)	634 (94.21)	39 (5.80)		
11	Makanan Pelengkap	Bayi & Kanak-kanak	655 (0.22)	670 (102.29)	573 (85.53)	97 (14.48)
12	Penyusuan Susu Ibu	Ibu Postnatal	282 (0.10)	281 (99.7)	269 (95.73)	12 (4.27)
13	Berlebihan/ Kekurangan Mikronutrien	Bayi & Kanak-kanak	11 (31.43)	11 (100.00)	10 (90.91)	1 (9.09)
		Wanita Prenatal hingga Postnatal	11 (31.43)	11 (100.00)	10 (90.91)	1 (9.09)
		Dewasa	8 (22.86)	8 (100.00)	6 (75.00)	2 (25.00)
		Warga Emas	4 (11.43)	4 (100.00)	3 (75.00)	1 (25.00)
		Murid Sekolah/ Remaja	1 (2.86)	1 (100.00)	1 (100.00)	0 (0.00)
		Jumlah	35 (0.02)	35 (100.00)	30 (85.72)	5 (14.29)
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>297,064</b>	<b>286,637 (96.49)</b>	<b>197,146 (68.78)</b>	<b>89,491 (31.23)</b>

**Jadual 32** menunjukkan bilangan dan peratusan bagi perkhidmatan Runding Cara Pemakanan mengikut kumpulan pelanggan bagi tahun 2022.

**Jadual 32:**  
**Bilangan kes dan peratusan bagi Perkhidmatan Runding Cara Pemakanan mengikut kumpulan pelanggan bagi tahun 2022**

Bil	Kumpulan pelanggan	Jenis Kes	Kes Dirujuk n (%)	Kes Dilihat		
				Jumlah Kes n (%)	Kes Baru n (%)	Kes Ulangan n (%)
1	Bayi & Kanak-kanak	Kurang Berat Badan	85,969 (51.69)	82,131 (95.54)	43,402 (52.85)	38,729 (47.16)
		Bantut	35,794 (21.52)	39,922 (111.54)	19,948 (49.97)	19,974 (50.04)
		Susut	28,452 (17.11)	31,056 (109.16)	16,474 (53.05)	14,582 (46.96)
		Obesiti	7,668 (4.61)	7,344 (95.78)	4,516 (61.50)	2,828 (38.51)
		Lebih Berat Badan	4,593 (2.77)	4,474 (97.41)	3,073 (68.69)	1,401 (31.32)
		Lain-lain	2,082 (1.26)	2,352 (112.97)	1,596 (67.86)	756 (32.15)
		Anemia	1,090 (0.66)	1,093 (100.28)	876 (80.37)	217 (19.86)
		Makanan Pelengkap	655 (0.40)	670 (102.29)	573 (85.53)	97 (14.48)
		Anemia Lain Berkaitan Pemakanan	21 (0.02)	20 (95.24)	15 (75.00)	5 (25.00)
		Berlebihan/ Kekurangan Mikronutrien	11 (0.01)	11 (100.0)	10 (90.91)	1 (9.09)
		<b>Jumlah</b>	<b>166,335 (56.00)</b>	<b>169,073 (101.65)</b>	<b>90,483 (53.52)</b>	<b>78,590 (46.49)</b>
		2	Ibu Antenatal	Anemia	59,704 (65.30)	52,303 (87.61)
Excessive GWG	12,751 (13.95)			12,085 (94.78)	11,128 (92.09)	957 (7.92)
Inadequate GWG	11,060 (12.10)			10,743 (97.14)	9,586 (89.25)	1,157 (10.77)
Obesiti (at booking)	5,451 (5.97)			5,251 (96.33)	4,936 (94.01)	315 (6.00)
Kurang Berat Badan (at booking)	2,465 (2.70)			2,386 (96.80)	2,195 (92.00)	191 (8.01)
<b>Jumlah</b>	<b>91,431 (30.78)</b>			<b>82,768 (90.53)</b>	<b>73,484 (88.8)</b>	<b>9,284 (11.22)</b>
3	Wanita Prenatal hingga Postnatal	Lain-lain	25,049 (97.41)	22,592 (90.20)	21,767 (96.35)	825 (3.66)
		Anemia Lain Berkaitan Pemakanan	656 (25.5)	643 (98.02)	612 (95.18)	31 (4.83)
		Berlebihan/ Kekurangan Mikronutrien	11 (0.05)	11 (100.00)	10 (90.91)	1 (9.09)
		<b>Jumlah</b>	<b>25,716 (8.66)</b>	<b>23,246 (90.40)</b>	<b>22,389 (96.32)</b>	<b>857 (3.69)</b>
4	Murid Sekolah/ Remaja	Obesiti	5,250 (60.43)	4,023 (76.63)	3,867 (96.13)	156 (3.88)
		Susut	1,311 (15.09)	1,157 (88.26)	1,108 (95.77)	49 (4.24)
		Lebih Berat Badan	1,043 (12.01)	914 (87.64)	879 (96.17)	35 (3.83)
		Anemia	680 (7.83)	475 (69.86)	463 (97.48)	12 (2.53)
		Lain-lain	203 (2.34)	139 (68.48)	132 (94.97)	7 (5.04)
		Bantut	197 (2.27)	152 (77.16)	155 (88.82)	17 (11.19)
		Anemia Lain Berkaitan Pemakanan	4 (0.05)	3 (75.00)	3 (100.00)	0 (0.00)
		Berlebihan/ Kekurangan Mikronutrien	1 (0.02)	1 (100.00)	1 (100.00)	0 (0.00)
<b>Jumlah</b>	<b>8,689 (2.93)</b>	<b>6,864 (79.00)</b>	<b>6,588 (95.98)</b>	<b>276 (4.02)</b>		
5	Dewasa	Obesiti	931 (39.47)	899 (96.57)	743 (82.65)	156 (17.36)
		Lain-lain	809 (35.30)	819 (101.24)	785 (95.85)	34 (4.16)
		Lebih Berat Badan	330 (13.99)	317 (96.06)	281 (88.65)	36 (11.36)
		Anemia	189 (8.02)	187 (98.95)	168 (89.84)	19 (10.16)
		Kurang Berat Badan	88 (3.73)	83 (94.32)	64 (77.11)	19 (22.90)
		Berlebihan/ Kekurangan Mikronutrien	8 (0.34)	8 (100.00)	6 (75.00)	2 (25.00)
		Anemia Lain Berkaitan Pemakanan	4 (0.17)	7 (175.00)	4 (57.15)	3 (42.9)
		<b>Jumlah</b>	<b>2,359 (0.80)</b>	<b>2,320 (98.35)</b>	<b>2,051 (88.41)</b>	<b>269 (11.60)</b>
6	Ibu Prenatal	Obesiti	692 (62.63)	681 (98.41)	652 (95.75)	29 (4.26)
		Kurang Berat Badan	413 (37.38)	318 (77.00)	280 (88.05)	38 (11.95)
		<b>Jumlah</b>	<b>1,105 (0.38)</b>	<b>999 (90.41)</b>	<b>932 (93.30)</b>	<b>67 (6.71)</b>
7	Ibu Postnatal	Obesiti	363 (43.69)	312 (85.95)	239 (76.61)	73 (23.40)
		Penyusuan Susu Ibu	282 (33.94)	281 (99.65)	269 (95.39)	12 (4.27)
		Anemia	120 (14.44)	105 (87.50)	92 (76.67)	13 (12.38)
		Kurang Berat Badan	66 (7.95)	74 (112.13)	59 (79.73)	15 (20.27)
		<b>Jumlah</b>	<b>831 (0.28)</b>	<b>772 (92.90)</b>	<b>659 (85.37)</b>	<b>113 (14.64)</b>
8	Warga Emas	Lain-lain	476 (79.60)	473 (99.37)	444 (95.87)	29 (6.14)
		Obesiti	42 (7.03)	42 (100.00)	39 (92.86)	3 (7.15)
		Anemia	27 (4.52)	26 (96.30)	25 (92.60)	1 (3.85)
		Kurang Berat Badan	25 (4.18)	26 (104.00)	25 (96.16)	1 (3.85)
		Lebih Berat Badan	24 (4.02)	24 (100.00)	24 (100.00)	0 (0.00)
		Berlebihan/ Kekurangan Mikronutrien	4 (0.67)	4 (100.00)	3 (75.00)	1 (25.00)
		<b>Jumlah</b>	<b>598 (0.21)</b>	<b>595 (99.50)</b>	<b>560 (94.12)</b>	<b>35 (5.89)</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>297,064</b>	<b>286,637 (96.49)</b>	<b>197,146 (68.78)</b>	<b>89,491 (31.23)</b>

Dalam menjalankan program perkhidmatan RCP ini, terdapat beberapa cabaran yang telah dikenalpasti iaitu:

#### a. Kekangan Jawatan PSP di Klinik Kesihatan

Jumlah PSP yang ditempatkan di klinik kesihatan masih tidak mencukupi berbanding jumlah klinik kesihatan di seluruh Malaysia. Nisbah antara PSP (512 orang) dengan bilangan populasi (33 juta) juga masih terlalu tinggi perbezaan (1: 64,453) berbanding dengan nisbah norma oleh WHO (1: 10,000). Dalam hal ini, PSP perlu memberikan perkhidmatan kepada beberapa klinik mengikut giliran dan berjadual dan ini menyebabkan PSP tidak dapat memberi tumpuan kepada pesakit dan tempoh untuk perjumpaan susulan (TCA) dengan pelanggan yang sama mungkin mengambil masa yang lama iaitu 3-6 bulan selepas itu.

#### b. Memberikan perkhidmatan RCP kepada pesakit yang sepatutnya dirujuk kepada Pegawai Dietetik

Kekurangan Pegawai Dietetik di klinik kesihatan telah menyebabkan pelanggan mereka (yang menghidapi Diabetes, Pre-Diabetes, Diabetes in Pregnancy, Hyperlipidaemia dan Hypertension) terpaksa dirujuk oleh Pegawai Perubatan/ Pakar Perubatan Keluarga kepada PSP. Situasi ini telah menyukarkan PSP dalam memberikan perkhidmatan terbaik bagi RCP, di samping mengendalikan pelbagai aktiviti advokasi pemakanan di peringkat komuniti seperti sekolah, taska, institut pengajian tinggi, KOSPEN dan lain-lain. Perkara-perkara ini telah dikenalpasti dan dicadangkan supaya beberapa pengubahsuaian dalaman dilaksanakan. Pihak negeri dicadangkan untuk membuat 'mapping' bagi menyelaras jadual RCP di klinik terutama bagi Pegawai Dietetik yang kebanyakannya datang secara *visiting* dan menggunakan Pegawai Dietetik di hospital berdekatan juga.

Sebagaimana yang terkandung dalam *Allied Health Professions Act* (Akta AHP 774), setiap profesion termasuklah PSP dan Pegawai Dietetik perlu melaksanakan tugas berdasarkan skop utama yang jelas dan berbeza mengikut profesion masing-masing. Berdasarkan *Clinical Practice Guidelines* (CPG) terkini, telah jelas menyatakan bahawa kes-kes *Diabetes, Pre-Diabetes, Diabetes in Pregnancy, Hyperlipidaemia dan Hypertension* perlu dirujuk kepada Pegawai Dietetik. Manakala PSP pula meningkatkan RCP kepada kumpulan sasaran tertentu untuk mencegah dan mengawal peningkatan masalah penyakit tidak berjangkit berkaitan pemakanan seperti pengurusan berat badan ibu hamil, murid sekolah yang mempunyai masalah berat badan yang dirujuk ke klinik kesihatan dan sekolah, di samping berperanan memberi perkhidmatan pemakanan di peringkat komuniti.

## 6. Aktiviti Demonstrasi Masakan


Aktiviti demonstrasi masakan merupakan salah satu aktiviti pendidikan pemakanan yang dijalankan di klinik kesihatan, klinik desa dan di peringkat komuniti. Aktiviti ini ditawarkan di klinik kesihatan kerajaan yang dikendalikan oleh Pegawai Sains Pemakanan (PSP) dibantu oleh anggota kejururawatan. Lazimnya, aktiviti demonstrasi masakan dijalankan dengan mensasarkan pelanggan yang telah mendapatkan perkhidmatan Runding Cara Pemakanan (RCP) di klinik oleh PSP iaitu pelanggan yang berisiko dan telah didiagnosa oleh Pakar Perubatan Keluarga atau Pegawai Perubatan dengan masalah kesihatan berkaitan pemakanan.

Sesi demonstrasi masakan diatur susulan perkhidmatan RCP bertujuan meningkatkan kemahiran pelanggan dalam mengamalkan penyediaan hidangan sihat seperti yang disarankan dalam sesi RCP. Sesi ini dijalankan secara berkumpulan dan 'hands on' berkenaan penyediaan makanan yang baik bermula daripada penyediaan bahan mentah sehinggalah bahan ini dimasak dan dihidangkan, mengikut saranan dan keperluan kumpulan sasaran.


Aktiviti demonstrasi masakan diiringi dengan penyampaian mesej-mesej pemakanan yang sesuai dengan masakan yang disediakan. Aktiviti demonstrasi masakan secara bersemuka dijalankan di tempat yang mempunyai kemudahan asas bagi menjalankan demonstrasi masakan. Antara fasiliti yang diguna pakai bagi menjalankan aktiviti ini di peringkat klinik adalah Klinik Kesihatan, Klinik Kesihatan Ibu dan Anak atau Dapur Sihat Masyarakat. Bagi peringkat komuniti, ianya dilaksanakan di kem kesihatan, institusi berkaitan atau lain-lain tempat yang mempunyai kumpulan sasaran yang dikenal pasti.

Aktiviti demonstrasi masakan perlu dijalankan satu kali setiap bulan bagi setiap Klinik Kesihatan atau Klinik Kesihatan Ibu dan Anak. Pelaksanaan di peringkat komuniti pula adalah mengikut keperluan dan permintaan pihak/ agensi berkaitan. Peruntukan bagi aktiviti ini adalah mengikut kesesuaian kaedah penyampaian seperti yang ditetapkan dalam Garis Panduan Demonstrasi Masakan Makanan Ibu Hamil, Selepas Bersalin dan Menyusu (Bahagian Pemakanan, 2021). Selain secara bersemuka, demonstrasi masakan turut dilaksanakan menggunakan kaedah alternatif iaitu secara maya (tayangan video atau telekonferens menggunakan platform seperti Facebook/ Zoom) bagi situasi yang menghadkan kaedah pelaksanaan secara bersemuka. Ianya selari dengan perkembangan teknologi terkini serta menjadi norma baharu yang diamalkan sejak negara mengalami situasi pandemik. Aktiviti demonstrasi masakan secara maya pula biasanya dijalankan mengikut kesesuaian dan situasi tertentu seperti pelanggan yang tidak dapat hadir secara fizikal, pelanggan yang tinggal berjauhan serta mengelakkan kesesakan di klinik.

**Rajah 54:**  
Trend bilangan sesi dan pelanggan  
aktiviti demonstrasi masakan  
seluruh Malaysia bagi tahun 2020  
hingga 2022




**Rajah 55:**  
Trend bilangan sesi demonstrasi masakan mengikut negeri bagi tahun 2020 hingga 2022



Rajah 56:

Trend bilangan pelanggan demonstrasi masakan mengikut negeri bagi tahun 2020 hingga 2022



Jadual 33:

Bilangan sesi dan bilangan pelanggan bagi demonstrasi masakan mengikut kaedah pelaksanaan dan topik bagi tahun 2022

Bil	Kaedah Pelaksanaan	Topik	Bilangan Sesi n (%)	Bilangan Pelanggan n (%)
1	Bersemuka (demonstrasi masakan/ paparan makanan/ tayangan video)	<b>Makanan Sihat bagi Kumpulan Bayi dan Kanak-kanak</b>		
		Makanan bagi bayi 6 hingga 8 bulan	1,739 (23.76)	9,176 (23.00)
		Makanan bagi bayi 9 hingga 11 bulan	1,424 (19.45)	6,751 (16.92)
		Makanan bagi kanak-kanak kecil 1 hingga 3 tahun	3,035 (41.46)	16,833 (42.18)
		Makanan bagi kanak-kanak 4 hingga 6 tahun	1,123 (15.34)	7,150 (17.92)
		<b>Jumlah</b>	<b>7,321 (69.57)</b>	<b>39,910 (63.38)</b>
		<b>Makanan Sihat bagi Kumpulan Ibu</b>		
		Makanan bagi ibu hamil (umum)	1,161 (13.65)	7,342 (38.93)
		Makanan bagi ibu hamil (anemia)	1,218 (40.48)	7,384 (39.16)
		Makanan bagi ibu selepas bersalin	295 (9.81)	1,817 (9.64)
		Makanan bagi ibu menyusui	335 (11.14)	2,317 (12.29)
		Jumlah	3,009 (28.60)	18,860 (29.95)
		Makanan bagi selain daripada bayi/ kanak-kanak dan ibu	194 (1.85)	4,201 (6.68)
<b>Jumlah Keseluruhan Secara bersemuka</b>	<b>10,524 (82.82)</b>	<b>62,971 (88.42)</b>		
2	Maya (tayangan video/ telekonferens/ lain-lain)	<b>Kumpulan Bayi dan Kanak-kanak</b>		
		Makanan bagi bayi 6 hingga 8 bulan	433 (33.78)	1,348 (32.38)
		Makanan bagi bayi 9 hingga 11 bulan	312 (24.34)	1,023 (24.57)
		Makanan bagi kanak-kanak kecil 1 hingga 3 tahun	410 (31.99)	1,432 (34.39)
		Makanan bagi kanak-kanak 4 hingga 6 tahun	127 (9.91)	361 (8.67)
		<b>Jumlah</b>	<b>1,282 (58.70)</b>	<b>4,164 (50.50)</b>
		<b>Kumpulan Ibu</b>		
		Makanan bagi ibu hamil (umum)	255 (29.93)	981 (27.95)
		Makanan bagi ibu hamil (anemia)	288 (33.81)	1,314 (37.44)
		Makanan bagi ibu selepas bersalin	124 (14.56)	483 (13.76)
		Makanan bagi ibu menyusui	185 (21.72)	732 (20.86)
		<b>Jumlah</b>	<b>852 (39.01)</b>	<b>3,510 (42.56)</b>
		Makanan bagi selain daripada bayi/ kanak-kanak dan ibu	50 (2.29)	573 (6.95)
<b>Jumlah Keseluruhan Secara Maya</b>	<b>2,184 (17.19)</b>	<b>8,247 (11.58)</b>		
		<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>12,708</b>	<b>71,218</b>

# SEKTOR PEMAKANAN INSTITUSI




## PENCAPAIAN TAHUN 2022

### 1. Aktiviti Pemakanan Sihat Di TASKA


Advokasi pemakanan sihat seawal usia bayi dan kanak-kanak adalah sangat penting dalam membudayakan tabiat pemakanan seseorang individu apabila meningkat dewasa kelak. Di samping itu, amalan pemakanan sihat dan pemberian makanan pelengkap yang tepat dapat mencegah kanak-kanak daripada mengalami masalah malpemakanan. Oleh yang demikian, Bahagian Pemakanan telah mengadakan pelbagai aktiviti berkaitan pemakanan di Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA). Menurut peruntukkan Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 (Akta 308), TASKA bermaksud mana-mana premis yang menerima masuk 4 atau lebih kanak-kanak di bawah umur 4 tahun atau lebih daripada satu isi rumah (2 atau lebih keluarga) untuk dijaga dengan upah.

**Rajah 57 :**  
**Bilangan TASKA di Malaysia Mengikut Institusi pada tahun 2022**




*Kemaskini Disember 2022*

**Rajah 58 :**  
**Pencapaian Pemantauan Menu Sihat di TASKA**  
**Mengikut Institusi Tahun 2022**



**Rajah 59:**  
**Trend Pencapaian Peratus Agensi**  
**Kerajaan yang Melibatkan Aktiviti**  
**Pemakanan Melibatkan Ibu Bapa, 2020-**  
**2022**



Secara keseluruhannya, hasil pemantauan menu sihat di beberapa buah TASKA Kerajaan menunjukkan bahawa TASKA KEMAS, Pusat Anak Genius Negara (PAGN) dan TASKA Genius Perpaduan (TGP) mendapat gred sangat baik dan mematuhi saranan menu dan saiz sajian yang dicadangkan oleh Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia. Manakala, bagi TASKA Swasta Berdaftar pula, terdapat TASKA yang masih tidak mematuhi saranan yang telah ditetapkan.

Bagi aktiviti pemakanan melibatkan ibu bapa, pada masa kini aktiviti ini hanya bertumpu kepada TASKA kerajaan sahaja. Di antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti ceramah pemakanan, demonstrasi masakan, penyediaan bento dan aktiviti berkebun di sekitar kawasan TASKA. Pada tahun 2022, semua institusi TASKA Kerajaan telah mencapai sasaran NPANM III iaitu sekurang-kurangnya 50% TASKA Kerajaan telah menganjurkan aktiviti pemakanan melibatkan ibu bapa. Tren pencapaian dari tahun 2020 hingga 2022 juga menunjukkan sasaran NPANM telah tercapai bagi TASKA Kerajaan.

**Jadual 34 :**  
**Pencapaian TASKA Kerajaan Yang Melaksanakan Aktiviti Pemakanan Melibatkan Ibu Bapa**  
**Mengikut Institusi Tahun 2022**

AGENSI (TASKA)	BILANGAN TASKA	BILANGAN AKTIVITI	PERATUS PENCAPAIAN
TASKA KEMAS	542	511	94.3
Pusat Anak Genius Negara (PAGN)	89	88	98.9
TASKA Genius Perpaduan	41	41	100
<b>Jumlah</b>	<b>672</b>	<b>640</b>	<b>95.2</b>

Berdasarkan pencapaian program dan aktiviti pemakanan di TASKA, berikut beberapa cadangan penambahbaikan iaitu :

*Cadangan penubuhan Healthy Central Kitchen* bagi memastikan penyediaan makanan yang lebih berkhasiat, selamat dan mematuhi saranan yang ditetapkan kepada kanak-kanak di TASKA.

Melaksanakan sesi taklimat berkaitan penyediaan makanan di TASKA secara atas talian bagi membolehkan lebih ramai penyedia makanan di TASKA dapat mengikuti sesi taklimat tersebut

Memperluas liputan pelaksanaan aktiviti pemakanan melibatkan ibu bapa kepada TASKA Swasta bagi memastikan capaian maklumat pemakanan kepada lebih ramai ibu bapa dan tidak terhad kepada ibu bapa di TASKA Kerajaan sahaja.

Menyediakan modul aktiviti pemakanan melibatkan ibu bapa sebagai panduan dan pemudah cara kepada pihak Institusi TASKA dalam pelaksanaan aktiviti tersebut di peringkat lapangan.

## 2. Aktiviti Pemakanan di Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK)

Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK) adalah program yang diwujudkan oleh Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Program PDK bertumpu kepada golongan kurang upaya yang memerlukan pemulihan dan latihan asas dari segi mobiliti, pertuturan, pendidikan khas atau kemahiran dalam aktiviti kehidupan seharian. Program ini dibuka kepada OKU pada semua peringkat umur yang mempunyai sebarang jenis kecacatan. Pendekatan yang diamalkan adalah melalui kerjasama bersepadu pelbagai sektor dan agensi dalam perancangan dan penyediaan perkhidmatan/ kemudahan yang diperlukan. Program PDK boleh didefinisikan sebagai satu kaedah pembangunan komuniti untuk golongan kurang upaya supaya dapat mengecapi peluang sama rata serta diintegrasikan dalam masyarakat.

Aktiviti pemakanan di PDK diintegrasikan di dalam Program PDK Ku Sihat di bawah penyelarasan Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (BPKK). Pada tahun 2022, Buku PDK Ku Sihat : Garis Panduan dan Manual Aktiviti Edisi IV telah disemak semula dan ditambahbaik termasuk komponen pemakanan. Di antara aktiviti pemakanan di PDK adalah penyediaan cadangan menu di PDK, latihan antropometri kepada anggota kesihatan, advokasi pemakanan sihat, semakan penilaian sejarah pemakanan dan status pemakanan. *Enabling Strategy 2 : Promoting and Advocating Healthy Eating* di bawah *National Plan Of Action For Nutrition Of Malaysia (NPANM) III, 2016-2025* menyasarkan sekurang-kurangnya 2 aktiviti pemakanan bagi setiap PDK pada setiap tahun.

Secara keseluruhannya, terdapat 755 aktiviti pemakanan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2022 (**Jadual 35**). 186 buah PDK (33.9%) telah menjalankan sekurang-kurangnya 2 aktiviti pemakanan sepanjang tahun 2022 seperti yang ditetapkan oleh NPANM III. Bagi memastikan sasaran ini dicapai, Mesyuarat Pengukuhan Pelaksanaan 'PDK Ku Sihat' Pemakanan dan Antropometri juga telah diadakan di Hotel Oakwood and Residence, Kuala Lumpur pada 11 hingga 13 Oktober 2022 yang turut melibatkan wakil Pegawai Sains (Pemakanan) dari setiap negeri. Objektif mesyuarat ini adalah bagi meningkatkan kemahiran dan pemahaman tentang tugas dan disiplin profesion kesihatan dalam pelaksanaan program di PDK.

Berdasarkan pencapaian pemantauan menu sihat di penjara dan depot tahanan, beberapa penambahbaikan akan dilaksanakan iaitu :

**Jadual 35:  
Pencapaian Aktiviti Pemakanan Program PDK Ku Sihat Tahun 2022**

Bil	Negeri	Jumlah PDK	Aktiviti Pemakanan di PDK												
			Ceramah pemakanan	Demo masakan	Latihan catering sihat	Edaran bahan pendidikan	Lawatan teknikal	Sesi kaunseling	Kembara pasar raya sihat	Permainan interaktif	Aktiviti fizikal	Lain-lain Aktiviti	Jumlah		
1	Perlis	8	0	0	0	0	1	1	0	0	2	0	0	0	4
2	Kedah	43	3	4	0	15	11	3	0	0	0	4	1	41	
3	Pulau Pinang	22	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	0	2	
4	Perak	41	2	0	0	4	5	1	0	1	1	1	0	14	
5	Selangor	52	6	5	0	4	9	2	2	11	1	1	8	48	
6	WP Kuala Lumpur & Putrajaya	12	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	
7	Negeri Sembilan	44	16	4	7	32	26	6	0	12	12	15	130		
8	Melaka	18	3	2	0	3	3	0	0	2	0	4	17		
9	Johor	74	9	1	0	5	7	1	0	4	2	0	29		
10	Pahang	51	8	7	0	7	8	2	7	7	0	11	57		
11	Kelantan	45	23	13	0	31	34	11	0	15	4	5	136		
12	Terengganu	46	3	0	0	0	6	0	0	3	1	1	14		
13	Sarawak	54	32	10	1	26	14	49	0	15	2	21	170		
14	Sabah	36	17	2	0	24	13	8	1	8	2	18	93		
15	WP Labuan	2	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-		
	Jumlah	548	122	48	8	153	137	84	10	80	29	84	755		

Mengadakan taklimat secara berkala di peringkat kebangsaan dan negeri berkenaan pelaksanaan aktiviti pemakanan di PDK bagi memastikan pelaksanaan yang menyeluruh di peringkat lapangan.

Menyediakan bahan advokasi pemakanan secara atas talian atau bercetak bagi meningkatkan keberkesanan dan keseragaman aktiviti di peringkat lapangan

### 3. Aktiviti Pemakanan di Penjara dan Depot Tahanan

Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengemukakan cadangan menu pada tahun 2017 kepada Jabatan Penjara Malaysia dan tahun 2018 kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk diguna pakai di institusi masing-masing. Pemantauan kepatuhan menu di institusi dengan sasaran satu institusi setiap tahun bagi setiap negeri telah dilaksanakan bermula tahun 2018.

Pemantuan menu sihat di penjara dinilai dari 3 aspek iaitu penggunaan menu standard, pematuhan menu standard dan penghidangan makanan dan minuman sihat. Pematuhan menu sihat di depot tahanan Imigresen pula dinilai dari aspek pengurusan dan pematuhan menu standard, kualiti bahan mentah dan penyediaan/ penghidangan makanan secara sihat. Selain itu, Garis Panduan Skala Diet Di Jabatan Penjara Malaysia juga telah dikemas kini oleh pihak Penjara Malaysia pada tahun 2020 berdasarkan Cadangan Skala Diet Dan Menu Untuk Banduan/ Tahanan/ Juvana Jabatan Penjara Malaysia.

Pemantuan menu sihat di penjara dan depot tahanan masih belum dijalankan secara menyeluruh dan masih belum menepati sasaran NPANM III iaitu pemantuan menu 1 kali/ tahun di setiap institusi. Berdasarkan pemantuan yang telah dijalankan di beberapa buah penjara dan depot tahanan Imigresen, didapati masih terdapat penjara dan depot tahanan yang mendapat markah gred C. Di antara kekangan yang dimaklumkan oleh pihak penjara dan depot tahanan adalah pegawai penjara dan pegawai imigresen tidak mempunyai input berkaitan pemakanan. Selain itu, agensi juga memaklumkan berkenaan kenaikan harga bahan mentah menyebabkan beberapa jenis menu yang tidak dapat dipatuhi.

Berdasarkan pencapaian pemantuan menu sihat di penjara dan depot tahanan, beberapa penambahbaikan akan dilaksanakan iaitu:

1

Mengemukakan surat makluman kepada pihak Jabatan Kesihatan Negeri berkenaan keperluan pemantuan menu sihat di setiap penjara dan depot tahanan imigresen pada setiap tahun beserta senarai terkini penjara dan depot tahanan.

2

Mengadakan sesi taklimat kepada pegawai penjara dan imigresen bagi meningkatkan kompetensi pegawai dalam menyelaras dan memantau penyediaan makanan di peringkat institusi

3

Mengadakan tinjauan harga pasaran bagi membuat semakan semula cadangan menu agar bersesuaian dengan harga

4

Mengadakan sesi libat urus secara berkala bersama-sama pihak Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Imigresen Malaysia bagi membincangkan tadbir urus berkaitan penyediaan makanan di institusi berkaitan.

**Jadual 36 :**  
**Pencapaian Pemantauan Menu Sihat Mengikut Institusi Penjara Tahun 2022**

BIL	NEGERI	NAMA INSTITUSI PENJARA	MARKAH PEMANTAUAN (%)	GREED PEMANTAUAN
1	Perlis	Pusat Koreksional Perlis	-	-
2	Kedah	Penjara Pokok Sena	-	-
3		Penjara Alor Setar	-	-
4		Penjara Sungai Petani	-	-
5	Pulau Pinang	Penjara Pulau Pinang	-	-
6		Penjara Seberang Perai	-	-
7	Perak	Penjara Taiping	-	-
8		Penjara Tapah	-	-
9		Pusat Koreksional Kamunting	-	-
10		Pusat Pemulihan Akhlak Batu Gajah	100	A
11	Selangor	Penjara Sungai Buloh	100	A
12		Penjara Kajang	-	-
13		Penjara Wanita Kajang	84.6	A
14		Pusat Koreksional Puncak Alam	-	-
15	Negeri Sembilan	Penjara Seremban	91.7	A
16	Melaka	Penjara Sungai Udang	-	-
17		Penjara Pra Bebas Dusun Dato' Murad	-	-
18		Pusat Koreksional Jasin	-	-
19		Sekolah Henry Gurney Telok Mas	-	-
20	Johor	Penjara Kluang	100	A
21		Penjara Simpang Renggam	100	A
22		Pusat Koreksional Johor Bahru	77.8	B
23		Pusat Pemulihan Akhlak Muar	-	-
24	Pahang	Penjara Bentong	-	-
25		Penjara Penor	-	-
26	Kelantan	Penjara Pengkalan Chepa	-	-
27		Pusat Pemulihan Akhlak Machang	-	-
28	Terengganu	Penjara Marang	100	A
29		Pusat Koreksional Dungun	-	-
30	Sabah	Penjara Pusat Kota Kinabalu	88.8	A
31		Penjara Wanita Kota Kinabalu	100	A
32		Penjara Sandakan	100	A
33		Penjara Pusat Tawau	-	-
34		Sekolah Henry Gurney Wanita Kota Kinabalu	-	-
35		Sekolah Henry Gurney II Keningau	-	-
36	Sarawak	Penjara Puncak Borneo	84.6	A
37		Penjara Pusat Sri Aman	-	-
38		Penjara Pusat Sibul	92	A
39		Penjara Pusat Miri	100	A
40		Penjara Pusat Limbang	83	A
41		Pusat Koreksional Bintulu	-	-
42	WP Labuan	Pusat Koreksional Labuan	-	-

**Jadual 37 :**  
**Pencapaian Pemantauan Menu Sihat Mengikut Institusi Depot Tahanan Tahun 2022**

<b>BIL</b>	<b>NEGERI</b>	<b>NAMA INSTITUSI PENJARA</b>	<b>MARKAH PEMANTAUAN (%)</b>	<b>GREED PEMANTAUAN</b>
1	Kedah	Depot Imigresen Belantik	-	-
2	Pulau Pinang	Depot Imigresen Juru	85.7	A
3	Perak	Depot Imigresen Langkap	-	-
4		Depot Imigresen Sementara Bidor	-	-
5	Selangor	Depot Imigresen Semenyih	-	-
6		Depot Imigresen Sementara Eco Millennium	95.5	A
7		Depot Imigresen KLIA	63.6	C
8	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya	Depot Imigresen Bukit Jalil	85.7	A
9	Negeri Sembilan	Depot Imigresen Lenggeng	84.6	A
10		*Akademi Imigresen Malaysia (Port Dickson)	-	-
11	Melaka	Depot Imigresen Machap Umboo	-	-
12	Johor	Depot Imigresen Pekan Nenas	95.0	A
13	Pahang	Depot Imigresen Kemayan	-	-
14	Kelantan	Depot Imigresen Tanah Merah	90.9	A
15	Terengganu	Depot Imigresen Ajil	78.6	B
16	Sabah	Depot Imigresen Kota Kinabalu	-	-
17		Depot Imigresen Papar	94.4	A
18		Depot Imigresen Sandakan	76.9	B
19		Depot Imigresen Tawau	-	-
20	Sarawak	Depot Imigresen Semuja	-	-
21		Depot Imigresen Bekenu	60.0	C

